



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



اينستيتوت فني ايمايكن مکورو  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS IPOH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# MODUL BAHASA MELAYU BMM3142

## KEBUDAYAAN MELAYU



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



اينستيتوت فني ايمايكن مکورو  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS IPOH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Tajuk 8: **Kebudayaan Melayu (Bidang Sosial)**

- Perubatan
- Pakaian
- Permainan

Tajuk 9: **Kebudayaan Melayu (Bidang Ekonomi)**

- Pekerjaan
- Pengurusan Harta

Tajuk 10: **Pengaruh Luar dalam Masyarakat Melayu**

- Hindu
- Barat
- Lain-lain

Tajuk 11: **Kebudayaan Melayu dalam Bahan Sastera**

- Puisi Tradisional
- Prosa Tradisional
- Puisi Moden

Tajuk 12: **Kebudayaan Melayu Dalam Bahan Bukan Sastera**

- Bahan Ilmiah (Kajian, Rencana, Kertas Kerja)
- Media Komunikasi (Filem dan Video)
- Media Komunikasi (Rakaman Drama Radio Dan TV)

Tajuk 13: **Tasawur (*world-view*) dan Kosmologi Masyarakat Melayu**

✓ Tajuk 14: **Kebudayaan Kebangsaan**  

- Definisi dan Konsep
- Prinsip
- Pelaksanaan

Tajuk 15: **Kebudayaan Kebangsaan**

- Isu dan Permasalahan
- Kedudukan yang Terkini
- Bentuk Budaya pada Masa yang Akan Datang

## Rujukan

Panel Penulis Modul

Panel Pemurni Modul

Ikon Modul



## Pengenalan

Kursus Kebudayaan Melayu (BMM 3114) merupakan sebahagian daripada kursus dalam Program Pensiwazahan Guru Sekolah Rendah.

Para pelajar akan mempelajari tajuk-tajuk berkenaan dalam modul ini yang meliputi:-

- **Konsep Budaya** yang mengandungi beberapa sub tajuk iaitu definisi budaya, kandungan atau elemen budaya ( budaya material dan budaya bukan material), ciri-ciri budaya, konsep asimilasi, konsep akulterasi dan akomodasi
  - - **Konsep Masyarakat** yang mengandungi beberapa sub tajuk iaitu definisi dan perkembangan masyarakat
  - - **Masyarakat Melayu** yang mengandungi beberapa sub tajuk iaitu definisi dan takrif Melayu serta sejarah dan Latar Belakang Bangsa Melayu
- **Kebudayaan Melayu (Bidang Politik)** yang mengandungi beberapa sub tajuk iaitu sistem pemerintahan dan pentadbiran, nstitusi sosial dan sistem kekeluargaan
- **Kebudayaan Melayu (Bidang Sosial)** yang mengandungi beberapa sub tajuk iaitu kesenian (seni persembahan, seni tampak dan seni muzik), agama Islam, adat dan kepercayaan, bahasa, nilai dan falsafah, bidang perubatan, pakaian dan permainan
- **Kebudayaan Melayu (Bidang Ekonomi)** termasuk pekerjaan dan pengurusan harta
- **Pengaruh Luar dalam Masyarakat Melayu** yang mengandungi beberapa sub tajuk iaitu pengaruh Hindu, Barat dan lain-lain.
- **Kebudayaan Melayu dalam Bahan Sastera** yang mengandungi beberapa sub tajuk iaitu puisi tradisional, prosa tradisional, dan puisi moden.
- **Kebudayaan Melayu Dalam Bahan Bukan Sastera** yang mengandungi beberapa sub tajuk iaitu bahan ilmiah (kajian, rencana, kertas kerja), media komunikasi (filem dan video), media komunikasi (rakaman drama radio dan tv)
- **Tasawur (*world-view*) dan Kosmologi Masyarakat Melayu**
  - - **Kebudayaan Kebangsaan** yang mengandungi beberapa sub tajuk iaitu definisi dan konsep, prinsip dan pelaksanaan Kebudayaan Kebangsaan, isu dan permasalahan, kedudukan yang terkini, bentuk budaya pada masa yang akan datang.

Sepanjang mengikuti modul ini, para pelajar akan melaksanakan latihan dan aktiviti bagi setiap tajuk dan diakhirnya pula para pelajar akan melaksanakan 2 latihan utama modul ini iaitu kerja kursus dan peperiksaan sebagai memenuhi aspek penilaian dalam proses pelengkap modul akses kendiri ini.

## AGIHAN TAJUK

**Nama Kursus:** KEBUDAYAAN MELAYU

**Kod :** BMM3114

Kandungan modul ini dibahagi kepada 15 tajuk/topik. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi pembelajaran melalui modul.

INTERAKSI	TAJUK / TOPIK	KANDUNGAN	JUMLAH JAM MENGIKUT PRO FORMA KURSUS
1	Tajuk 1: Konsep Budaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Definisi</li> <li>✓ Kandungan (elemen) <ul style="list-style-type: none"> <li>- Budaya material</li> <li>- Budaya bukan material</li> </ul> </li> </ul>	2
	Tajuk 2: Konsep Budaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Ciri-ciri Budaya</li> <li>✓ Konsep Asimilasi</li> <li>✓ Konsep Akulterasi dan Akomodasi</li> </ul>	
	Tajuk 3: Konsep Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Definisi</li> <li>✓ Perkembangan masyarakat</li> </ul>	
2	Tajuk 4: Masyarakat Melayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Definisi</li> <li>✓ Takrif Melayu</li> <li>✓ Sejarah dan Latar Belakang Bangsa Melayu</li> </ul>	2
	Tajuk 5: Kebudayaan Melayu (Bidang Politik)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran</li> <li>✓ Institusi Sosial</li> </ul>	

		<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Sistem Kekeluargaan</li> </ul>	
	Tajuk 6: Kebudayaan Melayu (Bidang Sosial)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kesenian <ul style="list-style-type: none"> <li>- Seni persembahan</li> <li>- Seni tampak</li> <li>- Seni muzik</li> </ul> </li> </ul>	2
3	Tajuk 7: Kebudayaan Melayu (Bidang Sosial)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Agama Islam, Adat dan Kepercayaan</li> <li>✓ Bahasa</li> <li>✓ Nilai dan Falsafah</li> </ul>	2
	Tajuk 8: Kebudayaan Melayu (Bidang Sosial)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Perubatan</li> <li>✓ Pakaian</li> <li>✓ Permainan</li> </ul>	2
	Tajuk 9: Kebudayaan Melayu (Bidang Ekonomi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Pekerjaan</li> <li>✓ Pengurusan Harta</li> </ul>	2
4	Tajuk 10: Pengaruh Luar dalam Masyarakat Melayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Hindu</li> <li>✓ Barat</li> <li>✓ Lain-lain</li> </ul>	2
	Tajuk 11: Kebudayaan Melayu dalam Bahan Sastera	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Puisi Tradisional</li> <li>✓ Prosa Tradisional</li> <li>✓ Puisi Moden</li> </ul>	2
	Tajuk 12: Kebudayaan Melayu Dalam Bahan Bukan Sastera	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Bahan Ilmiah (Kajian, Rencana, Kertas Kerja)</li> <li>✓ Media Komunikasi (Filem dan Video)</li> </ul>	2

		✓ Media Komunikasi (Rakaman Drama Radio Dan TV)	
5	Tajuk 13: Tasawur ( <i>world-view</i> ) dan Kosmologi Masyarakat Melayu	✓ Tasawur ( <i>world-view</i> ) dan Kosmologi Masyarakat Melayu	2
	✓ Tajuk 14: Kebudayaan Kebangsaan	✓ Definisi dan Konsep ✓ Prinsip ✓ Pelaksanaan	2
	Tajuk 15: Kebudayaan Kebangsaan	✓ Isu dan Permasalahan ✓ Kedudukan yang Terkini ✓ Bentuk Budaya pada Masa yang Akan Datang	2
<b>JUMLAH</b>			<b>30</b>




### 1.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi konsep budaya dan elemen yang terkandung dalamnya. Untuk konsep budaya, definisi oleh tokoh-tokoh budaya dan ahli antropologi diperoleh daripada pelbagai sumber. Elemen budaya yang terdiri daripada material dan bukan material berserta contoh turut dikemukakan.

### 1.2 Hasil Pembelajaran

- i. Menjelaskan konsep budaya secara menyeluruh
- ii. Memberikan huraian yang lengkap mengenai elemen material dan bukan material dalam budaya

### 1.3 Kerangka Tajuk



### 1.4 Konsep Budaya

Kebudayaan merupakan tamadun sesuatu masyarakat yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang berikutnya. Kebudayaan berkaitan dengan keseluruhan sistem kehidupan yang dipraktikkan oleh sesuatu masyarakat. Dalam kebudayaan itu, terkandung unsur sosial, kepercayaan, sistem simbol, unsur teknologi, ekonomi yang menjadi milik masyarakatnya. Budaya dapat membezakan sesuatu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Budaya sesuatu masyarakat dapat menentukan keperibadian kebangsaan sesebuah negara. Di

Malaysia, budaya Melayu dipersetujui sebagai teras kebudayaan kebangsaan, namun unsur-unsur budaya kaum lain seperti Cina dan India turut diambil kira.

Kamus Dewan (2005) mendefinisikan budaya sebagai kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir), berkelakuan dan sebagainya. Tegasnya, budaya boleh didefinisikan sebagai suatu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan tertentu dan meliputi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai.

Perkataan budaya berasal daripada cantuman perkataan Sanskrit dan Melayu, iaitu 'budhi' dan 'daya'. Perkataan 'budhi' yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit bererti kecerdasan fikiran dan akal. Perkataan 'daya' pula ialah perkataan Melayu Polynesia yang bermakna kekuatan kuasa, tenaga dan pengaruh. Jika dicantumkan kedua-dua perkataan tersebut, budaya membawa maksud tenaga fikiran, usaha rohani atau kuasa menggerakkan jiwa.

Kebudayaan dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *culture*, iaitu berasal dari perkataan latin *cultura*. Perkataan *culture* diterjemahkan dengan maksud budaya, dan kebudayaan pula ialah terjemahan daripada *cultural*. Namun dalam kehidupan seharian, perkataan *culture* juga merujuk kepada kebudayaan. Dalam bahasa Mandarin, budaya disebut *Wen Hua* dan dalam bahasa Arab disebut *Thaqafah*.

Untuk perbincangan yang lebih khusus, marilah kita teliti dan fahami istilah yang dikemukakan oleh ahli antropologi dan ahli budaya di bawah:

**Edward B. Tylor (1871)**

Budaya ialah suatu keseluruhan sistem yang kompleks, yang dalamnya terkandung unsur-unsur ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat istiadat dan kemahiran-kemahiran lain yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

*That complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society.*

**Kroeber dan Kluckhohn, 1952; Geertz, 1973**

(Ahli Sosiologi)

Budaya merujuk kepada gaya atau cara hidup manusia secara keseluruhan, termasuklah pemikiran, nilai, pengetahuan, perlakuan dan bahan material (material objects) yang dikongsi oleh mereka.

*The total lifestyle of a people, including all of the ideas, values, knowledge, behaviors, and material objects that they share.*

### **Thomas J. Sullivan (1993)**

Budaya merujuk kepada tradisi, adat dan perlakuan seseorang.

*Culture refers to that people's traditions, customs, and behaviors.*

### **Lucy Mair:**

“milik bersama sesuatu masyarakat yang mempunyai tradisi yang sama”.

### **Taib Osman (1988)**

Kebudayaan adalah cara hidup: Cara mengatur hidup satu-satu kelompok manusia. Lebih penting daripada perbuatan hari-hari (seperti cara makan, cara beribadah, cara menegur seseorang dan ciri-ciri lain), iaitu tanggapan alam sekitar atau *world-view*, dan nilai-nilai sosial atau etos kerana kedua-dua ciri inilah yang mewarnakan sesuatu budaya dan menjadi pendorong bagi tindakan manusia.

### **Pendapat Ibn Khaldun:**

- Budaya merujuk kepada kebiasaan cara hidup
- Budaya membezakan manusia dengan haiwan
  - Manusia mempunyai kemampuan intelek dan daya berfikir - melalui intelek, manusia dapat berhubung/memahami satu sama lain.
  - Manusia dapat menyesuaikan cara hidup dengan alam sekeliling – proses penyesuaian melahirkan budaya yang berbeza-beza antara kawasan.

### **Prof. Koetjaraningrat**

“Keseluruhan daripada kelakuan dan hasil kelakuan manusia yang teratur oleh tatakelakuan yang harus diperoleh dengan cara belajar.

### **Ralph L. Beats dan Harry Hoijer**

“mengenal pasti kelakuan yang biasa dipraktikkan, diperoleh melalui pembelajaran oleh sekumpulan masyarakat.

**Aktiviti 1:**

Daripada definisi dan huraian yang dinyatakan, anda dikehendaki membuat rumusan tentang konsep budaya

### 1.5 Budaya Material dan Budaya Bukan Material

Budaya boleh dibahagi kepada dua, iaitu budaya material dan budaya bukan material. Budaya material terdiri daripada objek fizikal atau artifak. Peralatan atau kelengkapan hidup seperti rumah, kereta, perahu, senjata dan sebagainya merupakan contoh budaya material. Budaya bukan material pula ialah unsur yang tidak wujud secara fizikal (no physical existence), misalnya adat, kepercayaan, bahasa, dan nilai. Modul ini mengemukakan satu contoh elemen material, iaitu keris dan satu contoh elemen bukan material, iaitu adat istiadat.

#### Keris

Keris merupakan senjata pendek yang digunakan oleh orang Melayu sejak zaman keagungan pemerintahan Kesultanan Melayu, lebih daripada 800 tahun yang lampau terutamanya oleh pendekar, pahlawan serta kalangan pembesar istana. Keris ialah suatu alat kebesaran bagi raja-raja atau lambang kekuasaan atau kedaulatan. Keris mempunyai dua belah mata, melebar dipangkal dan tirus di hujungnya serta tajam. Terdapat mata keris yang lurus dan berlok-lok dengan keindahan pamor serta hulu yang menarik dan juga sarungnya.

Keris mempunyai berbagai-bagai bentuk dan ukuran. Kebanyakan keris terdiri daripada jenis yang berlok, sama ada tiga, lima, tujuh atau sembilan dan lurus. Terdapat juga keris yang panjang berukuran 61 sm dengan matanya berbentuk mata pedang seperti Keris Sundang. Aspek penting mata keris ialah rupa awan larat dan corak pamor, bentuknya dan corak berombak yang wujud daripada campuran logam dan nikel. Inilah kehebatan orang Melayu yang bijak mencampurkan bahan-bahan logam hingga terbentuknya senjata yang demikian rupa.

#### Adat istiadat

Adat istiadat ialah sistem nilai yang berhubung dengan cara berfikir, pegangan hidup serta amalan sesuatu masyarakat. Tingkah laku yang diterima oleh masyarakat disebut kebiasaan dan seterusnya kebiasaan tersebut akan menjadi adat yang diterima secara bersama-sama oleh

masyarakat. Adat menjadi peraturan yang dipatuhi dan dihormati oleh masyarakat yang mendukungnya tanpa paksaan. Adat ialah peraturan yang sudah diamalkan secara turun-temurun dalam masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Istiadat pula ialah cara-cara atau peraturan untuk melakukan sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan atau resam. Dalam masyarakat Melayu, ada dua bentuk adat yang penting, iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung.

**[Aktiviti 2]**

Anda dikehendaki menjelaskan dan memberikan contoh-contoh budaya material dan budaya bukan material masyarakat yang anda

**Rujukan**

A. Aziz Deraman. (1994). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.

Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah)". Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.

Amat Juhari Moain. (1990). *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Conrad Phillip Kottak (1986). *Cultural Anthropology*. Michigan: University of Ann Arbor.

*Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


## 2.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi ciri-ciri budaya untuk merumuskan konsep budaya secara tuntas. Selain ciri, istilah yang mempunyai perkaitan rapat dengan budaya Melayu, iaitu asimilasi, akulterasi dan akomodasi turut dimuatkan.

## 2.2 Hasil Pembelajaran

- (i) Memberikan pengertian yang lebih luas tentang konsep budaya
- (ii) Membuat rumusan tentang keseluruhan konsep budaya

## 2.3 Kerangka Tajuk



## 2.4 Ciri-Ciri Budaya

Masyarakat mempunyai budayanya yang tersendiri. Budaya yang menjadi amalan masyarakatnya melambangkan keperibadian, identiti, dan jati diri masyarakat tersebut. Sikap, amalan, dan penerimaan masyarakat terhadap budayanya dapat menjelaskan budaya masyarakat tersebut. Antara ciri budaya masyarakat adalah seperti yang berikut:

### a. Bersifat dinamik

Kebudayaan bersifat dinamik bermaksud amalan dan cara hidup masyarakat mengalami perubahan kesan perkembangan masa, dan kemajuan masyarakatnya. Masyarakat Melayu misalnya, menerima kedatangan Islam dengan senang hati tanpa ada sikap penolakan. Lama-kelamaan, budaya Hindu dan Buddha dalam diri masyarakat Melayu terpinggir dan semakin dilupakan. Dari sudut pekerjaan, perubahan berlaku dengan wujudnya keperluan semasa. Pada masa dahulu, pertanian merupakan pekerjaan masyarakat Melayu untuk meneruskan kehidupan tetapi kini mereka terlibat dengan sektor perindustrian dan perdagangan.

b. Menerima dan menolak unsur tertentu

Penolakan atau penentangan terhadap perubahan asalnya didorong oleh sikap masyarakat yang ingin mempertahankan dan mengekalkan nilai-nilai dan cara hidup lama yang sedia ada. Ada juga penolakan berlaku disebabkan unsur yang masuk tidak sesuai dengan masyarakat berkenaan. Penerimaan terhadap unsur baharu pula berlaku kerana anggota masyarakat bersedia untuk memasukkan idea-idea baharu yang membawa kebaikan kepada masyarakatnya. Perubahan ini diterima dengan syarat tidak bercanggah dengan kepercayaan dan nilai yang dipegang oleh masyarakat berkenaan, terutamanya hal yang berkaitan dengan agama.

c. Diwarisi

Kebudayaan diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Kebudayaan yang menjadi amalan nenek moyang suatu masa dahulu diperturunkan kepada generasi baharu dan secara tidak langsung menjadi amalan dan perlakuan masyarakatnya. Sebagai contoh, adat perkahwinan yang diwarisi dari nenek moyang dahulu masih dikekalkan, seperti berandam, malam berinai, khatam Qur'an dan adat bersanding. Adat tersebut masih diamalkan walaupun ada perbezaan dari segi pelaksanaannya akibat peredaran zaman.

d. Proses kesinambungan

Kebudayaan mengalami proses kesinambungan. Proses kesinambungan berlaku sama ada dalam bentuk seni bina, peralatan, dan budaya bukan kebendaan seperti kepercayaan, nilai, dan adat resam. Misalnya, budaya seni bina yang dahulunya dalam bentuk sederhana mengalami proses kesinambungan yang berterusan sehingga melahirkan daya kreativiti masyarakat untuk mencipta berbagai-bagai bentuk seni bina rumah pada hari ini. Adat resam juga diteruskan walaupun terdapat sedikit perubahan di sana sini.

- Kebudayaan boleh dipelajari melalui orang dewasa atau kelompok setara.
- Kebudayaan boleh diturunkan dari satu generasi ke satu generasi, dan boleh ditokok tambah. Manusia boleh membuat pengubahsuaian dan penambahan terhadap kebudayaan yang dimiliki oleh mereka.
- Kebudayaan mempunyai kualiti sosial yang melambangkan kehendak dan aspirasi masyarakat dan mestilah diamalkan oleh semua.
- Kebudayaan memiliki kualiti penyesuaian yang melibatkan manusia dengan alam persekitarannya (Ini tidak bermakna bahawa alam persekitaran yang menentukan kebudayaan. Kebudayaanlah yang perlu disesuaikan dengan alam persekitaran).

- Kebudayaan mempunyai nilai integratif. Umumnya, sesuatu bangsa disatupadukan oleh kebudayaan yang sama.

Aktiviti 1:



Secara berpasangan bincangkan setiap ciri budaya dengan memberikan penjelasan yang lengkap, berserta contoh-contohnya.

## 2.5 Konsep Akulturasi:

Akulturasi merupakan perpaduan dua budaya. Kedua-dua unsur kebudayaan yang bertemu dapat hidup berdampingan dan saling mengisi tetapi tidak menghilangkan unsur asli kedua-dua kebudayaan tersebut. Perpaduan antara kebudayaan yang berbeza ini berlangsung dengan damai dan serasi. Akulturasi ialah suatu proses sosial. Suatu kelompok manusia dengan kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur daripada suatu kebudayaan asing. Kebudayaan asing itu lambat laun diterima dan diolah dalam kebudayaannya sendiri tanpa menyebabkan hilangnya unsur kebudayaan kelompok itu sendiri. Contohnya ialah orang India memakai baju Melayu dan bersongkok pada suatu majlis rasmi.

Dalam sejarah tamadun manusia, sering berlaku pertemuan atau pertembungan antara dua atau lebih kebudayaan. Proses ini menyebabkan berlakunya proses pinjam-meminjam. Pada peringkat awal, unsur pinjaman digunakan secara langsung dan kemudian diolah serta dijadikan unsur kebudayaan sendiri. Tetapi, jika unsur budaya yang diambil itu tidak diolah dengan baik, pastinya tindakan ini akan memberi kesan yang tidak baik kepada sesuatu masyarakat. Tidak mudah untuk membentuk suatu masyarakat yang mencapai tahap akulturasi. Akulturasi lebih mudah dicapai apabila melibatkan budaya bersifat kebendaan yang mendatangkan manfaat. Unsur-unsur budaya yang tidak berbentuk kebendaan seperti ideologi dan pemikiran adalah lebih sukar diterima.

## 2.6 Konsep Asimilasi:

Asimilasi merupakan satu proses percantuman dan penyatuan antara kumpulan etnik berlainan budaya sehingga membentuk satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama. Asimilasi mutlak menyebabkan berlakunya penghapusan penuh perbezaan dari segi kebudayaan dan identiti. Konsep ini diwakili dengan formula  $A+B+C=A$ . A dalam hal ini mewakili

golongan dominan sementara B dan C mewakili kumpulan etnik minoriti. Contohnya, orang Melayu di Thailand telah mengalami proses asimilasi yang menyebabkan nama, bahasa dan hampir semua aspek cara hidup mereka (kecuali agama) telah disatukan dengan amalan dan cara hidup orang Thai. Di Malaysia, masyarakat Cina Kelantan, Baba dan Nyonya merupakan contoh berlakunya proses asimilasi. Namun, bagi etnik cina di Kelantan serta Baba dan Nyonya, asimilasi berlaku dalam konteks budaya tanpa melibatkan anutan, kepercayaan atau agama.

Proses asimilasi berlaku apabila wujudnya interaksi yang erat antara ahli kumpulan etnik berbeza budaya bagi suatu tempoh yang lama. Kejayaan asimilasi umumnya bergantung pada kesanggupan etnik minoriti menghilangkan identiti mereka dan menerima identiti kumpulan etnik majoriti.

### 2.7 Konsep Akomodasi:

Akomodasi merupakan proses yang menyebabkan setiap kumpulan etnik menyedari serta menghormati norma dan nilai kumpulan etnik lain dan tetap mempertahankan budaya hidup masing-masing. Konsep ini diwakili oleh formula  $A + B + C = A + B + C$ . A, B dan C merujuk kepada budaya.

Pelbagai kumpulan etnik hidup secara harmonis dan menghormati antara satu sama lain. Pada peringkat pemerintahan pusat, setiap kumpulan etnik mempunyai wakil dalam bidang ekonomi dan pendidikan dan mereka saling bergantung. Konsep ini begitu meluas diamalkan di Malaysia kerana setiap kumpulan etnik bebas mengamalkan budaya mereka dalam keadaan harmoni. Jika dilihat di luar Malaysia, Switzerland ialah negara yang mempunyai hubungan etnik bersifat akomodasi kerana etnik Jerman, Perancis dan Itali saling membuat penyesuaian antara mereka.



#### Aktiviti 2:

Malaysia terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum. Berikan contoh akulturasi, asimilasi dan akomodasi yang berlaku dalam masyarakat tersebut.

## Rujukan

- A. Aziz Deraman. (1994). Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.
- Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah). Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1990). Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Conrad Phillip Kottak (1986). *Cultural Anthropology*. Michigan: University of Ann Arbor.
- Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gazali Dunia (1992). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: sDewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


### 3.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi definisi masyarakat mengikut tokoh-tokoh budaya dan antropologi dari dalam dan luar negara, serta huraihan tentang perkembangan masyarakat.

### 3.2 Hasil Pembelajaran

- i. Menjelaskan maksud masyarakat
- ii. Memberikan huraihan tentang perkembangan masyarakat secara menyeluruh.

### 3.3 Kerangka Tajuk



### 3.4 DEFINISI

Ralph Linton, 1936

“Masyarakat ialah kelompok manusia yang hidup dan bekerjasama sehingga mereka dapat mengorientasikan dirinya dan berfikir mengenai dirinya sebagai kesatuan sosial yang mempunyai batas-batas tertentu”.

Harry L. Shapiro, *Man, Culture and Society*, 1960

1. Masyarakat ialah manusia yang hidup dalam suatu kelompok dan bekerjasama antara satu dengan yang lain.
2. Masyarakat terdiri daripada lelaki, perempuan dan kanak-kanak.
3. Masyarakat wujud dari satu generasi ke satu generasi di samping mewariskan unsur-unsur tradisi.

Lucy Mair, *An Introduction to Anthropology*, 1965

"Masyarakat adalah suatu gagasan yang mengandung manusia yang berhubung bersama secara kolektif melalui hak dan obligasi yang saling mengiktiraf".

Koentjaraningrat, 1970

"Masyarakat adalah suatu kelompok manusia yang hidup dan bekerjasama sehingga mereka dapat mengorientasikan dirinya dan berfikir mengenai dirinya sebagai kesatuan sosial yang mempunyai batas-batas tertentu".

Atan Long, *Psikologi Pendidikan*, 1980

"Satu-satu masyarakat itu terdiri daripada individu yang telah hidup dengan saling bertindak semenjak beberapa lama dengan mempunyai kebudayaan yang merupakan keseluruhan cara hidup yang meliputi kepercayaan, agama, sikap, pandangan hidup, aspirasi, nilai dan ilmu pengetahuan yang telah diwarisi semenjak turun-temurun sehingga menjadikan kumpulan masyarakat itu mempunyai sifat yang tersendiri berlainan daripada masyarakat yang lain".

Secara umumnya, masyarakat bermaksud sekelompok orang yang membentuk sebuah sistem interaksi sosial. Sebahagian besar interaksi yang berlaku dalam lingkungan sistem sosial itu adalah lahir daripada individu-individu yang berada dalam kelompok tersebut. Umumnya, istilah masyarakat pada asasnya merujuk kepada sekumpulan manusia yang hidup bersama di suatu tempat tertentu dalam satu komuniti yang teratur.

### **3.5 Ciri-Ciri Masyarakat**

1. Masyarakat hidup dalam satu kelompok dan tinggal tetap dalam kumpulannya.
2. Masyarakat ialah komuniti yang saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain.
3. Anggota masyarakat mempunyai peranan yang tertentu.
4. Masyarakat mempunyai kebudayaan, dan kebudayaan tersebut boleh terus berkembang.
5. Masyarakat mempunyai stratifikasi, iaitu kelas dan status.
6. Masyarakat berinteraksi melalui bahasa.

### **3.6 Perkembangan Masyarakat**

Ann Arbor dalam bukunya *Cultural Anthropology* (1986), menghuraikan pendapat ahli antropologi tentang perkembangan masyarakat. Menurut beliau, masyarakat awal sangat mementingkan hubungan dalam masyarakat. Ekonomi mereka bergantung pada perburuan. Hasil perburuan dikongsi bersama-sama. Walaupun seseorang itu kuat dan agresif, dia tidak bersifat dominan. Biasanya lelaki yang berburu manakala wanita dan orang tua tinggal di tempat kediaman. Orang tua diberi layanan yang baik oleh orang muda kerana mereka menganggap bahawa orang tua mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang banyak. Lantaran itu, mereka patut diberi keistimewaan. Ann Arbor turut mengemukakan gagasan Yehudi Cohen dalam bukunya *Culture as Adaptation* (1974) bahawa masyarakat awal ialah masyarakat pemburu. Satu ciri yang dipunyai oleh masyarakat ini ialah perkongsian hasil yang diperoleh.

Masyarakat seterusnya ialah masyarakat yang mengamalkan pertanian pindah. Alat yang digunakan adalah mudah, misalnya kayu untuk mengorek tanah bagi meletakkan biji benih. Tanah pertanian pula tidak bersifat tetap. Kelompok ini menggunakan cara tebas dan bakar. Tanah yang dibakar ini subur untuk pertanian. Apabila tanah tidak lagi subur, tanah baharu pula dibuka.

Yang berikutnya ialah masyarakat pertanian. Masyarakat ini memerlukan tenaga kerja. Penggunaan tanah bagi masyarakat ini adalah lebih luas dan lebih tetap. Dalam hal ini, terdapat sistem perairan, perhumaan dan juga penggunaan haiwan untuk pertanian dan kenderaan. Penanaman padi di sawah dan di lereng-lereng bukit merupakan contoh amalan masyarakat ini. Oleh sebab penggunaan tanah lebih lama dan tetap, pertambahan penduduk berlaku, sekali gus meningkatkan perhubungan antara kelompok atau kumpulan. Hal ini memerlukan peraturan tertentu bagi mengelakkan konflik. Dengan yang demikian, terbinalah sistem politik dalam masyarakat.

Di bahagian tertentu, misalnya di Afrika utara, timur tengah, Eropah, dan Asia, terdapat masyarakat yang mengamalkan penternakan haiwan seperti lembu, kambing biri-biri, kambing dan unta. Daripada haiwan ini, mereka memperoleh daging, susu, mentega, dan juga kulit haiwan. Mereka turut melakukan aktiviti pertanian, menangkap ikan, dan perdagangan. Masyarakat seterusnya berkembang kepada masyarakat perindustrian. Masyarakat perindustrian menggunakan teknologi yang lebih canggih.

Leslie White, ahli antropologi Amerika yang terkenal pada pertengahan abad ke-20 mempunyai teori tentang evolusi budaya. Beliau beranggapan bahawa teknologi dan inovasi

dalam ekonomi merubah masyarakat. Aspek sosial dan politik berubah akibat daripada pertanian. Dengan adanya pertanian, kekayaan, taraf, dan hubungan bentuk baru timbul dalam kalangan mereka. Terkini, timbul pula masyarakat yang berteknologi tinggi. Masyarakat berteknologi tinggi ini membentuk budaya yang lebih kompleks.

Selain teori yang dikemukakan ini, terdapat satu lagi teori yang sangat popular. Pada abad ke-19, model atau teori yang paling popular mengenai perubahan masyarakat ialah evolusi. Menurut pandangan ini, masyarakat manusia terus ‘naik dan naik ke atas dengan tidak terputus-putus’. Model evolusi ini banyak dipengaruhi oleh teori Darwin. Ahli sosiologi yang menyokong teori Darwin ialah Herbert Spencer. Beliau mempercayai bahawa evolusi biologi boleh diterapkan kepada evolusi masyarakat.

Teori evolusi sangat mempengaruhi cara berfikir para cendekiawan, ahli budaya, ahli undang-undang, ahli falsafah dan lain-lain mengenai beberapa perkara, misalnya tentang asal-usul dan bermulanya peradaban manusia, asal-usul kelompok keluarga, asal bermulanya evolusi konsep hak milik, kepercayaan dan sebagainya.

Berbagai-bagai teori tentang evolusi telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh. Pada awalnya terdapat dua orang tokoh yang sangat terkenal dengan teori evolusi klasik iaitu Edward B. Tylor dan Lewis Henry Morgan. Mereka terkenal sebagai ahli antropologi abad ke-19 dan andaian mereka tentang evolusi manusia sangat berpengaruh. Untuk modul ini, hanya teori yang dikemukakan oleh Morgan sahaja yang dijelaskan. Pelajar dikehendaki meneroka maklumat tentang gagasan Tylor untuk melengkapkan pengetahuan.

#### Skema Morgan:

L. H. Morgan dalam penulisan karyanya yang sangat terkenal yang bertajuk *Ancient Society* (1877), mengemukakan satu andaian tentang evolusi masyarakat. Menurut beliau, sejarah manusia mengandungi tiga tahap, iaitu Savagery, Barbarisme dan tahap Tamadun (Civilized). Tahap savagery dan barbarisme dibahagi kepada tiga tahap atau subperiod seperti yang dijelaskan di bawah.

i. Tahap savagery: Rendah

Pertengahan

Atas

ii. Tahap barbarisme: Rendah

Pertengahan

Atas

### iii. Tahap tamadun.

Bagi tahap savagery rendah, manusia hidup dengan makan buah-buahan dan kekacang tanpa mengenal api. Dalam zaman ini, mereka juga meramu dengan mencari akar-akar kayu dan tumbuh-tumbuhan liar. Mereka menggunakan api dan menjadikan ikan sebagai tambahan kepada menu mereka pada peringkat savagery pertengahan. Oleh itu, mereka menambah tugas sehari-hari dengan menangkap ikan. Pada peringkat savagery atas, manusia mendapat busur dan panah untuk kegunaan berburu.

Pada masa barbarisme tahap rendah, periuk belanga telah dibuat. Ini diikuti dengan aktiviti penternakan binatang di Benua Lama dan menanam jagung di Benua Baharu pada tahap barbarisme pertengahan. Seni bina batu juga wujud pada tahap barbarisme pertengahan ini dengan menggunakan batu bata yang dikeringkan oleh cahaya matahari. Alat-alat daripada besi muncul semasa tahap barbarisme tahap atas. Pada tahap tamadun, abjad fonetik dan penulisan mulai dikenali.

Menurut Morgan, manusia pertama hidup dalam keadaan kebebasan seks. Ini bermaksud bahawa mereka tidak ada struktur keluarga yang jelas. Perkahwinan dalam kalangan generasi yang sama seperti adik-beradik atau keluarga sedarah dilakukan. Pada tahap seterusnya pula, perkahwinan kelompok masih diteruskan tetapi perkahwinan antara abang dan adik perempuannya dilarang.

Pada peringkat ketiga, satu bentuk peralihan antara perkahwinan kumpulan dan monogami, iaitu hal suami atau isteri, boleh menamatkan perkahwinan bila-bila masa dan sekerap yang diingini oleh si suami atau si isteri.

Ini bermakna hubungan lelaki dan pasangannya tidak terlalu ketat sifatnya. Isteri boleh menjalankan hubungan dengan lelaki lain. Tahap keempat pula ialah disebut keluarga kuasa bapa, iaitu satu bentuk kekeluargaan yang meletakkan tampuk kuasa di dalam tangan orang lelaki. Pada tahap ini, peranan lelaki menonjol, iaitu lelaki boleh memiliki seberapa banyak isteri. Tahap yang kelima ialah keluarga monogamian, iaitu ikatan perkahwinan antara seorang lelaki dan seorang wanita, dan secara progresifnya menyerupai unit keluarga asas moden.

Menurut Morgan, dalam lingkungan organisasi sosiopolitik, urutannya bermula dengan dua tahap keluarga: hord perzinaan diikuti dengan suatu bentuk keluarga tersusun kepada beberapa pasangan perkahwinan dengan tahap keluarga punaluan (perkahwinan abang dengan adik perempuan dilarang). Tahap seterusnya dikawal oleh keluarga seketurunan ibu, keluarga

seketurunan ibu bercampur untuk membentuk fratri, fratri pula bercampur untuk membentuk suku bangsa, suku bangsa bercampur untuk membentuk persekutuan.

Kesemua organisasi ini, dibentuk daripada 'hubungan persendirian' iaitu, atas dasar seks dan persanakan. Kesemua peraturan ini mestilah dibezaikan daripada organisasi politik yang sebenarnya, yang seterusnya mengikut, dan diasaskan atas pengiktirafan hak-hak dan tanggungjawab dari segi pengenalan wilayah dan perhubungan harta. Unit-unit politik yang sebenarnya ialah pekan, jajahan dan negeri.

Seterusnya ialah andaian Morgan mengenai sistem kekeluargaan institusi savagery rendah. Morgan mengiktiraf urutan yang berikutnya bagi istilah-istilah persanakan, iaitu Melayu (dalam klasifikasi moden sama dengan jenis orang Hawaii), Turanian - Gonowanian (diklasifikasikan sebagai orang Iroquois dalam situasi moden), dan Aryan - Semetic -Uralian (sama dengan orang Eskimo)

Istilah Melayu pada tahap savagery rendah, bagi Morgan perkahwinan kumpulan adalah agak sukar untuk mengetahui lelaki yang manakah dalam generasi menaik pertama yang menjadi bapa seseorang itu, oleh sebab kesemua bakal bapa dipanggil dengan gelaran yang sama. Dengan erti kata lain, kesemua lelaki pasangan ibu dipanggil bapa. Oleh itu, tidak dapat dipastikan yang manakah bapa yang sebenarnya oleh sebab panggilan yang sama dan persepsi anak terhadap lelaki-lelaki ini sama. Hal yang demikian juga berlaku kepada ibu. Semua wanita dalam generasi menaik pertama sama ada ibu sebenar atau 'ibu-ibu tiri' dipanggil dengan panggilan yang sama.

Seterusnya, dengan larangan perkahwinan antara adik-beradik, Morgan telah memberikan istilah 'persanakan' melalui transformasinya yang pertama. Oleh sebab abang dan adik perempuan bukan lagi pasangan hidup, anak-anak hasil perkahwinan adik-beradik ini tidak dikenali sebagai 'adik-beradik' lagi.

Oleh sebab adik-beradik lelaki adalah daripada satu kumpulan perkahwinan yang lain pula, anak-anak adik-beradik lelaki kekal menjadi adik-beradik dan begitu jugalah anak-anak adik-beradik perempuan. Jadi, ini adalah permulaan istilah tentang pupu dan bapa saudara silang-jantina dan jantina-selari. Dengan ini, organisasi masyarakat keseluruhannya adalah berdasarkan perbezaan 'seks'. Morgan berpendapat bahawa halangan perkahwinan adik-beradik menyebabkan generasi seterusnya mempunyai keupayaan intelek yang lebih baik. Ini dibuktikan dengan wujudnya kemajuan teknologi.

Menurut Morgan lagi, kemajuan pada tahap ini merintis jalan bagi lahirnya saudara seketurunan ibu, satu hal yang mengukuhkan kebaikan yang didapati daripada sistem larangan perkahwinan adik-beradik, dan seterusnya meluaskan skop larangan sumbang mahram tersebut merangkumi semua yang mempunyai moyang yang sama melalui nasab itu. Pada mulanya suku tersebut ialah keluarga nasab itu.

Oleh sebab paterniti masih belum ditentukan lagi, keturunan tidak boleh dikesan melalui orang lelaki. Walau bagaimanapun, emak seseorang itu tidak pernah diragukan, oleh sebab itu keturunan dikesan melalui orang perempuan. Suku nasab ibu yang bermula pada peringkat savagery, telah beransur-ansur menjadi sifat utama organisasi sosial orang primitif. Hal ini kekal hingga peringkat Barbarisme dan seterusnya hingga peringkat awal zaman tamadun.

Kejatuhanya disebabkan oleh kuasa yang sama yang membawa masuk keluarga monogami, keluarga nasab bapa dan masyarakat politik, iaitu perkembangan pemilikan harta. Perkembangan pemilikan harta ialah hasil kemajuan beransur-ansur harta. Konsep suku dan keluarga monogami bertentangan dari segi prinsipnya. Satu menyokong penyatuan keluarga asas dalam kolektif suku, dan yang satu lagi pula menyokong unit-unit keluarga yang bebas.

Pewarisan harta memberikan peluang kepada lelaki berfungsi dalam keluarga tersebut. Perkara ini berlaku disebabkan oleh generasi seterusnya memerlukan pewaris. Dengan yang demikian, keturunan berubah daripada keturunan nasab ibu kepada keturunan nasab bapa. Dengan bertambahnya hubungan yang berkaitan dengan harta, masyarakat menerima politik.

Begitulah teori yang dikemukakan oleh Morgan mengenai evolusi. Ringkasan yang dapat dibuat tentang evolusi ini ialah, manusia terus berkembang mengikut tahap-tahap tertentu. Tahap ini ditentukan melalui alat-alatan yang digunakan oleh mereka dalam kehidupan seharian, kepelbagaian makanan dan aktiviti sara diri, organisasi kekeluargaan yang dimulakan dengan kewujudan sistem unilineal, kemudian matrilineal, iaitu anak dapat mengetahui siapa ibunya. Suku matrilineal ini berubah kepada patrilineal, iaitu memberikan perhatian kepada peranan bapa. Hal ini menjadikan pasangan atau keluarga menjadi lebih stabil kerana berkembangnya satu pengertian tentang milik peribadi yang menandakan permulaan peradaban. Morgan berpendapat bahawa semakin berkembang masyarakat manusia itu, sistem kekeluargaan semakin maju dan sistematik. Kemampuan berdiri sendiri sebagai satu keluarga semakin meningkat.

Kesimpulannya, terdapat perkembangan yang progresif dalam masyarakat manusia. Kebudayaan berkembang dari peringkat mudah (simple) kepada tingkat yang kompleks.

Aktiviti 1:

Terdapat teori lain tentang perkembangan masyarakat selain Teori Evolusi Klasik. Sila kemukakan satu daripada teori tersebut berserta huraiannya.

**Rujukan**

- A. Aziz Deraman. (1994). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.
- Abdul Halim Ali (2003). *Bingkisan Sastera*. Diwangsa Publications & Distributors Sdn., Bhd.
- Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah)". Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1990). *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Conrad Phillip Kottak (1986). *Cultural Anthropology*. Michigan: University of Ann Arbor.
- Gazali Dunia (1992). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: sDewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.




**4.1 Sinopsis**

Bahagian ini mengandungi takrif Melayu daripada beberapa sumber, dan juga latar belakang masyarakat Melayu.

**4.2 Hasil Pembelajaran**

- i. Menjelaskan takrif Melayu berdasarkan sumber yang tulen
- ii. Menghuraikan sejarah dan latar belakang bangsa Melayu

**4.3 Kerangka Tajuk****4.4 Takrif Melayu**

1. Sebelum mengkaji Kebudayaan Melayu, kita perlu mengetahui takrif Melayu terlebih dahulu. Menurut sarjana, perkataan Melayu mungkin berasal daripada nama sebuah anak sungai yang bernama Sungai Melayu di hulu Sungai Batang Hari, Sumatera. Di sana letaknya "Kerajaan Melayu" sekitar 1500 tahun dahulu sebelum atau semasa adanya Kerajaan Srivijaya. Dari segi etimologi, perkataan "Melayu" itu dikatakan berasal daripada perkataan Sanskrit "Malaya" yang bermaksud "bukit" ataupun tanah tinggi. Ada juga sumber sejarah yang mengatakan bahawa perkataan "Melayu" berasal daripada "Sungai Melayu" di Jambi.

Dalam pengertian yang khusus, istilah Melayu merujuk kepada bangsa Austronesia yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu dan juga disebut gugusan pulau Melayu. Gugusan pulau Melayu meliputi Semenanjung Tanah Melayu dan juga Indonesia. Oleh sebab itu, sesudah Perang Dunia Kedua, timbul hasrat dalam kalangan pejuang Melayu untuk menubuhkan sebuah negara yang mencantumkan Tanah Melayu dengan Indonesia untuk menjadi sebuah negara yang bernama Melayu Raya. Walau bagaimanapun, percantuman dua buah negara tersebut tidak berlaku sehingga ke hari ini.

Istilah "Melayu" ditakrifkan oleh UNESCO pada tahun 1972 sebagai suku bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina, dan Madagaskar. Walau bagaimanapun, menurut Perlembagaan Malaysia, istilah "Melayu" hanya merujuk kepada seseorang yang berketurunan Melayu yang menganut agama Islam. Dengan kata yang lain, bukan semua orang yang berketurunan daripada nenek moyang Melayu adalah orang Melayu.

Istilah "*Mo-lo-yu*" dicatat dalam buku catatan perjalanan pengembara Cina pada sekitar tahun 644-645 Masihi semasa zaman Dinasti Tang. Para pengkaji bersepakat bahawa perkataan "Mo-lo-yo" yang dimaksudkan itu ialah kerajaan yang terletak di Jambi di Pulau Sumatera, serta juga Sriwijaya yang terletak di daerah Palembang.

Istilah Melayu yang lebih umum merujuk kepada suku bangsa yang menuturkan bahasa Melayu. Kelompok ini mendiami Semenanjung Tanah Melayu, pantai timur, Sumatera, Brunei dan beberapa kawasan yang berhampiran. Bahasa suku bangsa ini ialah bahasa Melayu yang diktiraf sebagai bahasa kebangsaan di negara Malaysia, dan dikenali sebagai bahasa Indonesia di negara Indonesia.

Berkaitan dengan taburan penduduk Melayu, UNESCO menandai Melayu meliputi kawasan-kawasan Austronesia lain, termasuklah kawasan di sebelah timur yang meliputi keluarga Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. UNESCO membahagikan kawasan Austonesia kepada kawasan Kepulauan Melayu (Austronesia Barat) dan kawasan Oceania (Austronesia Timur)

## **2. Takrif Melayu Berdasarkan Undang-undang**

Di negara Malaysia, orang Melayu didefinisikan menurut perlembagaan dalam perkara 160(2). Menurut perkara ini, orang Melayu ditakrifkan sebagai:

3. Seorang yang beragama Islam
4. Bertutur bahasa Melayu
5. Mengamalkan adat istiadat Melayu
6. Lahir sebelum hari merdeka sama ada di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) atau di Singapura atau pada hari merdeka, dia bermastautin di Persekutuan atau di Singapura.

Menurut Syed Husin Ali yang merupakan ahli antropologi di Malaysia, orang Melayu itu dari segi zahirnya, lazimnya berkulit sawo matang, berbadan sederhana besar serta tegap dan selalu berlemah lembut serta berbudi bahasa.

## **7. Latar Belakang Bangsa Melayu**

Secara amnya terdapat dua teori mengenai asal usul bangsa Melayu, iaitu:

- Bangsa Melayu berasal dari Yunan (Teori Yunan)
- Bangsa Melayu berasal dari Nusantara (Teori Nusantara)

### **Teori Yunan**

Teori ini disokong oleh beberapa orang sarjana seperti R.H Geldern, J.H.C Kern, J.R Foster, J.R Logen, Slametmuljana dan juga Asmah Haji Omar. Secara keseluruhannya, alasan-alasan yang menyokong teori ini adalah seperti yang berikut:

1. Kapak Tua yang mirip kepada Kapak Tua di Asia Tengah ditemukan di Kepulauan Melayu. Perkara ini menunjukkan bahawa adanya migrasi penduduk dari Asia Tengah ke Kepulauan Melayu.
2. Adat resam bangsa Melayu mirip kepada suku Naga di daerah Assam (berhampiran dengan sempadan India dengan Myanmar).
3. Bahasa Melayu adalah serumpun dengan bahasa di Kemboja. Dengan lebih lanjut lagi, penduduk di Kemboja mungkin berasal dari dataran Yunan dengan menyusuri Sungai Mekong. Perhubungan bangsa Melayu dengan bangsa Kemboja sekali gus menandakan pertalianya dengan dataran Yunan.

## **8. Teori Nusantara**

Teori ini didukung oleh sarjana seperti J.Crawford, K.Himly, Sutan Takdir Alisjahbana dan juga Gorys Keraf. Teori ini disokong dengan alasan seperti yang di bawah:

1. Bangsa Melayu dan bangsa Jawa mempunyai tamadun yang tinggi pada abad ke-19. Taraf ini hanya dapat dicapai setelah perkembangan budaya yang lama. Perkara ini menunjukkan bahawa orang Melayu tidak berasal dari mana-mana, tetapi berasal dan berkembang di Nusantara.
2. K.Himly tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa Bahasa Melayu serumpun dengan Bahasa Champa. Baginya, persamaan yang berlaku dalam kedua-dua bahasa adalah satu fenomena "ambilan".
3. Manusia kuno Homo Soloensis dan Homo Wajakensis terdapat di Pulau Jawa. Penemuan manusia kuno ini di Pulau Jawa menunjukkan adanya kemungkinan orang Melayu itu keturunan daripada manusia kuno tersebut yakni berasal dari Jawa dan mewujudkan tamadun bersendirian.
4. Bahasa di Nusantara (Bahasa Austronesia) mempunyai perbezaan yang ketara dengan bahasa di Asia Tengah (Bahasa Indo-Eropah).

Teori ini merupakan teori yang kurang popular khususnya di negara Malaysia.

Dari segi sejarah, apakah keistimewaan orang Melayu? Menurut Asmah Hj. Omar (2003), terdapat perdebatan dalam kalangan budayawan Malaysia sama ada orang Melayu pada asasnya petani atau pelayar. Menurut beliau lagi, orang Melayu biasanya digolongkan sebagai petani. Hal ini bermakna bahawa dari awal sejarah mereka dalam alam Melayu, mereka dikatakan menempati kawasan tanah yang subur, yang dipugar untuk menanam tanaman yang menjadi sara hidup mereka.

Pengembara China, antaranya I-Tsing dalam abad ketujuh Masihi telah mencatatkan bahawa orang-orang Kedah sudah pun mempunyai cara bercucuk tanam yang canggih, yakni dalam pertanian padi. Keadaan alam di Kedah dengan sawah bendang yang terbentang luas serta kaerah orang-orang Kedah menanam dan menuai padi menyokong pendapat ini, dan juga merupakan bukti bahawa tradisi yang seperti itu adalah tradisi yang sudah wujud berabad-abad lamanya. Pertanian yang seperti ini menggambarkan bahawa teknologi dan pengetahuan tentang keadaan alam (termasuk kualiti dan jenis tanah) yang telah ada merupakan ciri budaya tinggi.

Kemudiannya, muncul pula pemikiran pakar sejarah dan budaya Melayu bahawa orang-orang Melayu lebih merupakan pelayar yang merantau ke merata-rata tempat, dan bukan petani yang memugar tanah. Jika diterima teori bahawa orang Melayu berasal dari Yunnan di Selatan China, maka sudah tentulah cara mereka bermigrasi ke tempat mereka sekarang adalah dengan melayari selat dan juga lautan terbuka. Jika inilah caranya, maka pastilah mereka mempunyai pengetahuan tentang selok-belok pelayaran. Hal ini  perlihatkan bahawa orang Melayu ialah pelaut atau pelayar yang hebat. Bukti yang menjelaskan hal ini ialah kawasan petempatan mereka di seluruh kepulauan Asia Tenggara. Kehebatan dalam bidang pelayaran ini diteruskan oleh pelayar solo negara, iaitu Datuk Azhar Mansor. Jadi, adakah orang Melayu pada asasnya petani, atau asasnya pelayar, atau asasnya petani dan pelayar?



#### Aktiviti 1:

Berdasarkan buku-buku rujukan, sila bincangkan latar belakang orang Melayu secara lebih luas.

#### Rujukan

A. Aziz Deraman. (1994). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.

Abdul Halim Ali (2003). *Bingkisan Sastera*. Diwangsa Publications & Distributors Sdn., Bhd

Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah)". Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.

Amat Juhari Moain. (1990). *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Conrad Phillip Kottak (1986). *Cultural Anthropology*. Michigan: University of Ann Arbor.

Gazali Dunia (1992). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## TAJUK 5 KEBUDAYAAN MELAYU ( BIDANG POLITIK )

### 5.1 Sinopsis




Tajuk ini membincangkan secara khusus kebudayaan Melayu dalam bidang politik dengan memberi fokus terhadap sistem pemerintahan dan pentadbiran, institusi sosial dan sistem kekeluargaan dalam masyarakat Melayu

### 5.2 Hasil Pembelajaran

- i. Menghuraikan sistem pemerintahan dan pentadbiran dalam masyarakat Melayu
- ii. Menjelaskan institusi sosial dalam masyarakat Melayu
- iii. Memberikan huraian sistem kekeluargaan dalam masyarakat Melayu

### 5.3 Kerangka Tajuk



### 5.4 Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran

Sistem pemerintahan dalam masyarakat Melayu awal dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah. Kedua-dua golongan ini saling berfungsi dan lengkap melengkapi dalam satu susunan kedudukan yang ketat berasaskan keturunan. Sistem tersebut boleh dikategorikan sebagai bersifat *feudalistik* kerana taraf kedudukan seseorang itu adalah berdasarkan kepada *asccribed status* iaitu kedudukan seseorang itu ditentukan oleh darah keturunan yang diwarisinya.

#### 5.4.1 Golongan Pemerintah

Golongan yang memerintah adalah golongan yang mempunyai kuasa dan kewibawaan tertinggi untuk memerintah dalam negeri atau jajahan takluknya. Mereka berada pada kedudukan tertinggi dalam hiraku susun lapis masyarakat. Mereka terdiri daripada raja atau sultan, bangsawan atau kerabat diraja, pembesar dan ulamak istana.

Fungsi raja atau sultan adalah sebagai tunggak menyatupadukan, memelihara keamanan dan memajukan negeri. Anak raja terdiri daripada putera dan puteri keturunan kerabat diraja. Putera raja lelaki yang tertua akan mengantikan raja atau dilantik menjadi pembesar daerah atau raja di jajahan takluknya. Anak raja juga menikmati keistimewaan tertentu yang tidak dapat dinikmati oleh golongan yang diperintah tetapi tidak boleh mengatasi keistimewaan raja yang memerintah.

Golongan bangsawan terdiri daripada kerabat atau keluarga diraja yang berpengaruh dalam kalangan pemerintah dan pentadbiran. Manakala golongan pembesar terdiri daripada orang-orang yang mengendalikan pemerintahan negeri seperti Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Pada dasarnya jawatan yang mereka sandang adalah dilantik oleh raja secara turun menurun. Bagaimanapun tidak semestinya mereka mempunyai darah keturunan diraja, tetapi syarat yang lebih utama adalah mereka mempunyai hubungan yang erat dengan kerabat diraja.

Golongan yang dianggap sebagai ulamak istana adalah terdiri daripada Mufti dan Kadi. Peranan mereka ialah sebagai penasihat yang memberi panduan dan fatwa dalam hal agama Islam. Pada zaman awal, mereka selalunya terdiri daripada keturunan Arab, dan ada juga berketurunan Melayu.

Golongan ulama juga merupakan orang yang menjadi pemimpin agama. Mereka merupakan orang mahir atau pakar dalam bidang keagamaan, kesenian, kesusasteraan dan sebagainya. Mereka juga menjadi penasihat atau perujuk kepada Sultan khasnya dalam soal keagamaan.

Biasanya, golongan ulama ini menjadi penulis atau perawi diraja juga. Mereka dikenali sebagai khatib, mufti dan kadi dan memakai gelaran yang dianugerahkan oleh Sultan seperti Maharaja Kadi dan sebagainya

#### 5.4.2 Golongan yang diperintah

Golongan yang diperintah pada dasarnya adalah golongan rakyat yang menerima dan mentaati segala peraturan dan perintah yang dibuat oleh golongan yang memerintah. Dalam zaman tradisional, golongan yang diperintah terbahagi kepada dua golongan utama iaitu Orang

Merdeheka dan Hamba. Golongan Merdeheka terbahagi pula kepada lima golongan iaitu Imam, Mubaligh, Pemastautin Tetap, Orang Asing atau Pedagang, dan Perantau atau Senteri (golongan pelajar ilmu)

Kedudukan Imam (dan juga khatib dan bilal) ialah mengetuai dan mengurus soal ibadat, masjid dan hal-ehwal keagamaan. Sehubungan itu, masjid juga dijadikan tempat menyampaikan arahan daripada sultan dan pembesar. Permastautin Tetap merupakan rakyat tempatan biasa yang bebas seperti nelayan dan petani. Mereka terlibat dalam sistem *serah* dan *kerah*. Mereka pada umumnya menjadi pengikut pembesar pusat dan penyokong pentadbir di jajahan takluk.

Orang Asing dan Pedagang merupakan orang-orang yang datang dari luar, khusus luar daripada rantau ini, dan berada di sesbuah lokaliti tempatan.

Biasanya, orang asing datang ke sini untuk menuntut, bermiaga dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga mereka yang menjadi tentera upahan di kerajaan-kerajaan Melayu awal.

Orang asing ini dapat dibahagikan kepada 2 golongan, iaitu mereka yang mengunjungi sekali-sekala dan mereka yang menetap terus di kawasan kerajaan tersebut.

Dari golongan yang menetap terus, ada kalangan mereka telah menukar identiti mereka supaya sama dengan masyarakat tempatan; ada juga dikalangan mereka yang masih mengekalkan identiti asal mereka. Walaupun begitu, mereka tetap tidak terlepas daripada hukum adat seperti Hukum Kanun Melaka.

Hamba berhutang pula terdiri daripada mereka yang tidak mampu membayar hutang kepada pemutangnya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Mereka ini disebut sebagai masuk hulan. Mereka ini terpaksa bersama isteri dan anak-anaknya tinggal dengan si pemutang dan bekerja sehingga hutangnya dibayar.

Mereka boleh diperjual beli kepada/daripada pembesar-pembesar lain. Walau bagaimanapun, mereka boleh menjadi rakyat biasa semula apabila ia setelah selesai berkhidmat kepada si pemutang dalam tempoh yang dijanjikan.

Hamba biasa pula menjadi hamba seumur hidup kepada pemiliknya secara turun-temurun. Mereka ini dapat digolongkan kepada 3 jenis iaitu hamba abdi yang membuat kerja-kerja berat dan kasar, dengan yang merupakan hamba yang dibeli dan biduanda yang merupakan orang suruhan yang selalunya dimiliki oleh raja.

Setelah British hadir ke Tanah Melayu, struktur/organisasi sosial telah mengalami perubahan yang mendadak. Kini, golongan raja tidak lagi berkuasa seperti dahulu, kuasa mereka telah diambil alih oleh Residen.

Sistem perhambaan juga mengalami kemerosotan dan akhirnya pupus. Akhirnya, satu struktur organisasi sosial yang lebih unik telah diwujudkan dan hak-hak setiap orang telah diperakui dan dilindungi.

Sistem politik Melayu adalah bersifat musyawarah, musyawarah dijalankan oleh ketua atau pemangku adat setempat. Musyawarah yang dijalankan biasanya membahas mengenai pengelolaan sistem tanah adat berdasarkan budaya dan adat setempat. Sehingga sistem musyawarah yang dijalankan akan memiliki corak yang berbeza antara daerah yang satu dengan yang lainnya.

Di sini dapat dilihat bahwa masyarakat Melayu telah mengenal sistem politik menjurus kepada budayanya. Maka tidak hairan bahawa masyarakat Melayu mempunyai ikatan persaudaraan yang kuat, sebab musyawarah memaknakan adanya tolong-menolong dan kesetiakawanan sosial sebagai suatu permufakatan.

## 5.5 Institusi Sosial

Institusi sosial merupakan suatu organisasi yang merangkumi sistem kekeluargaan, pentadbiran dan pemerintahan. Pembentukannya penting bagi menjamin keamaan dan keharmonian negara. Bermula daripada pembentukan institusi keluarga hingga ke pentadbiran negara, perlu diurus dengan sempurna bagi mewujudkan negara yang maju dan makmur.

Rajah 5a dan jadual 5a menunjukkan struktur Pemerintahan di Tanah Melayu. Rajah 5a ialah Institusi Sosial Tanah Melayu manakala jadual 5a pula ialah perincian tentang peranan Institusi Sosial Tanah Melayu.



Rajah 5a: Institusi Sosial Tanah Melayu

Institusi	Peranan
a. Sultan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemerintah Tertinggi</li> <li>2. Berkuasa mutlak</li> <li>3. Mempunyai daulat</li> <li>4. Mempunyai keistimewaan</li> </ol>
b. Pembesar Peringkat Negeri / Daerah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjaga Keamanan</li> <li>2. Memungut cukai</li> <li>3. Tenaga buruh</li> <li>4. Tenaga tentera</li> </ol>
c. Pentadbiran peringkat kampong	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perantaraan pembesar negeri dan rakyat</li> <li>2. Hasil cukai sumber pendapatan</li> <li>3. Memungut cukai</li> <li>4. Membekal tentera</li> <li>5. Membekal tenaga buruh</li> <li>6. Pertahan kedaulatan</li> </ol>

Jadual 5a : Peranan Institusi Sosial Melayu

#### 5.4 Sistem Kekeluargaan

Dari segi kekeluargaan, masyarakat Melayu dibagikan kepada dua kelompok:

- Menerapkan sistem kekeluargaan dwisisi iaitu dwipihak atau dwibelah (bilateral)
- Menerapkan sistem kekeluargaan nasab ibu (matrilineal), yang digunakan oleh orang Minangkabau Malaysia. Tetapi disebabkan kedua-dua kelompok tersebut menganut agama Islam, maka sistem kekeluargaan Melayu itu banyak dipengaruhi oleh sistem kekeluargaan Islam.
- Orang Melayu melakukan perkawinan monogami dan poligami. Bentuk perkawinan endogami (pipit sama pipit, enggang sama enggang), eksogami juga terjadi, malah di sebagian tempat diutamakan. Perkawinan campur juga ada. Semua perkawinan Melayu dijalankan mengikut peraturan dan undang-undang perkawinan Islam (Mazhab Syafi'i).

- **Monogami**

Perkahwinan diantara seorang lelaki dan seorang perempuan (satu suami, satu isteri). Surah an-Nisa' ayat 3 menyatakan "*Jika kamu khuatir tidak akan berlaku adil, maka berkahwinlah satu sahaja*".

### **Poligami**

Perkahwinan diantara seorang lelaki dengan beberapa orang wanita pada satu-satu masa. Syariat Islam menetapkan bahawa seorang lelaki boleh berkahwin dengan lebih dari seorang perempuan tetapi tidak melebihi empat orang. Poligami sebenarnya telah diamalkan zaman-berzaman oleh masyarakat China, Yunani, Kristian dan Yahudi sehingga diharamkan oleh undang-undang.

Di Malaysia, poligami pernah diamalkan oleh masyarakat Cina dan Hindu India di bawah undang-undang adat masing-masing, sehingga ia diharamkan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Pekahwinan dan Perceraian) yang mula berkuatkuasa pada tahun 1982.

### **Endogami**

Kamus Dewan edisi keempat (2010), Endogami merupakan perkahwinan sesama suku. Bermaksud pemilihan jodoh akan dibuat daripada kalangan kelompok sendiri, yakni calon menantu adalah daripada kalangan sanak-saudara.

### **Eksogami**

Kamus Dewan edisi keempat (2010), Eksogami merupakan adat atau perbuatan mengahwini seseorang daripada suku kaum lain.

Prinsip pemilihan jodoh di luar kelompok yakni memilih calon menantu atau bakal pasangan daripada kalangan orang yang tidak ada hubungan kekeluargaan; daripada kampung lain atau berjauhan, malah berbeza agama, keturunan dan kewarganegaraan.

- **Heterogami**

- Perkahwinan antara kelas sosial yang berbeza.
- Misalnya anak bangsawan dengan anak petani

- **Homogami**

- Perkahwinan antara kelas sosial yang sama.
- Anak saudagar dengan anak saudagar.

Aktiviti 1:

Berdasarkan buku-buku rujukan, sila bincangkan ciri-ciri yang perlu ada pada pemimpin dalam pengurusan pemerintahan dan pentadbiran negara

**Rujukan**



Abdul Halim Ali (2003). *Bingkisan Sastera*. Diwangsa Publications & Distributors Sdn., Bhd.

Conrad Phillip Kottak (1986). *Cultural Anthropology*. Michigan: University of Ann Arbor.

Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gazali Dunia (1992). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Md. Nor (1996). *Puisi Melayu Tradisional*. Selangor: Penerbitan Fajar Bakti.

Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ezani Yusoff (Tanpa Tarikh). *Kesenian Melayu*. <http://bobezanit.tripod.com/budaya.htm>. Diakses pada 08 Oktober 2011.

## TAJUK 6 KEBUDAYAAN MELAYU ( BIDANG SOSIAL )


### 6.1 Sinopsis

Tajuk ini membincangkan secara khusus tajuk kesenian  memberi fokus terhadap kesenian, seni persembahan, seni tampak dan seni muzik.

### 6.2 Hasil Pembelajaran

- i. Membincangkan seni yang berkaitan dengan masyarakat Melayu.
- ii. Membincangkan seni dengan falsafah pemikiran masyarakat Melayu.

### 6.3 Kerangka Tajuk



### 6.4 Konsep Kesenian

Seni merangkumi semua aktiviti dan hasil karya manusia yang indah dan berseni (kreatif) bagi semua kaum dan bangsa di dunia. Pada masa ini, seni merupakan luahan kreativiti manusia yang paling dikenali. Walaupun begitu, seni sukar ditakrifkan disebabkan setiap seniman mempunyai aturan dan sekatan tersendiri bagi setiap hasil kerja mereka. Seni boleh dikatakan sebagai pemilihan saluran untuk menyampaikan sama ada kepercayaan, idea, rasa, atau perasaan.

Menurut Kamus Dewan (2010), seni didefinisikan sebagai karya (sajak, lukisan, muzik, dll) yang dicipta dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan. Manakala *kesenian* bermaksud perihal seni, yang berkaitan dengan seni, keindahan (kehalusan).

Kesenian ini menjadi tunjang kepada kebudayaan masyarakat Melayu sejak turun temurun lagi. Dengan adanya kesenian seperti ini identiti masyarakat Melayu lebih terserlah dan dikenali ramai. Kementerian Kebudayaan dan Kesenian telah mengambil pebagai inisiatif bagi memantapkan dan memperkembangkan lagi kebudayaan masyarakat Melayu. Kesenian bangsa Melayu telah diakui dunia sebagai unik dan menarik.

Kesenian atau seni boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu :

- Seni Persembahan
- Seni Tampak
- Seni Muzik

#### **6.4.1 Seni Persembahan**

Kesenian mengikut definisi Herberth Read adalah suatu usaha untuk mencipta bentuk bentuk yang menyenangkan dan seni itu dijalankan pula daripada estetika.

Menurut Kamus Dewan (2010), seni persembahan adalah sesuatu yang dihidangkan atau dipertunjukkan (permainan, pementasan, filem, dll);, lakonan yang diselingi lagu-lagu.

Antara seni persembahan yang terkenal dalam masyarakat Melayu ialah drama, seni suara dan seni tari.

##### **• Persembahan Drama Tradisional**

Drama tradisional mengikut pendapat Amin Sweeney ialah karya drama yang dianggap oleh masyarakat yang mewarisinya sebagai hasil yang diwarisi secara turun temurun dari generasi yang lampau. Antara seni drama tradisional yang popular dalam masyarakat melayu adalah seperti berikut :

##### **Main Puteri**

Drama tradisional ini berkembang dengan popular sekali didesa-desa dinegeri Kelantan. Drama ini digunakan untuk mengubati orang sakit. Tok Puteri memainkan peranan

sebagai pawang atau bomoh untuk mengawal penyakit yang dibawa oleh roh-roh atau semangat jahat.

### **Makyung**

Makyung ialah drama tradisional yang popular dinegeri Kelantan. Drama ini berasal daripada ritual memuja roh datuk nenek. Permianan makyung ini dikatakan berasal dari negeri Patani.

### **Menora**

Menora ialah sejenis drama tradisional Melayu yang dikatakan dipengaruhi oleh seni darama Siam. Menora telah menjadi popular dinegeri Perlis, Kedah dan Kelantan.

### **Wayang kulit**

Wayang kulit merupakan sejenis drama tradisional melayu yang terbahagi kepada beberapa jenis seperti wayang golek, wayang wang, wayang topeng dan wayang beber. Kini hanya wayang kulit yang masih kekal.

- **Persembahan Seni Suara**
- Seni Vokal

Seni Vokal lahir daripada pita suara yang boleh memberi kepuasan kepada pendengar. Setiap seni vokal itu berbeza mengikut masyarakat. Dalam masyarakat Melayu terdapat seni vokal tanpa muzik dan seni vokal yang bergabung dengan muzik. Seni Vokal tanpa muzik yang sering dinyanyikan dalam masyarakat Melayu ialah;

### **Endoi atau dendang Siti Fatimah dan ulit anak**

Endoi atau dendang Siti Fatimah terkenal di negerii Perak, Selangor dan Negeri Sembilan manakala ulit anak dinegeri Terengganu. Biasanya dilakukan dalam upacara berbentuk keislaman seperti menyambut kelahiran anak atau upacara bercukur kepala.

### **Nazam atau naban**

Berasal daripada Terengganu, Pahang dan Melaka. Dikarang dalam Bahasa Melayu yang mengisahkan riwayat Nabi Muhamad, para Nabi Allah dan para sahabat Rasul. Persembahan yang tidak disertai alat muzik ini memerlukan kemerduan suara.

### **Marhaban, nasyid dan qasidah**

Merupakan nyanyian keagamaan. Marhaban ialah pujian kepada Nabi Muhamad dan dinyanyikan dalam Bahasa Arab. Nasyid ialah nyanyian dan berbentuk dakwah Islam iaitu terdapat dalam senikata Arab dan Melayu. Qasidah biasanya dinyanyikan dalam bahasa Arab yang mengandungi puisi memuji Nabi Muhamad dan para sahabat.

### **Dikir**

Dikir dikenali dengan pelbagai nama seperti dikir maulud, dikir Pahang, dikir Rebana dan dikir berarak. Dikir-dikir ini dilakukan dengan irungan pukulan rebana atau kompong.

### **Hadrah**

Sejenis nyanyian yang berasal daripada dikir. Dinyanyikan dengan irungan sejenis alat bercorak rebana yang hampir sama dengan kompong.

### **Beduan**

Sejenis nyanyian rakyat negeri Perlis dan diringi dengan bunyi-bunyian gendang. Beduan mempunyai persamaan dengan bentuk zikir dan burdah yang diringi dengan pukulan rebana.

### **Dikir barat**

Sejenis nyanyian yang terkenal dinegeri Kelantan. Nyanyiannya diringan dengan pukulan rebana.

### **Ghazal**

Sejenis puisi Arab yang berbentuk percintaan. Ghazal dinyanyikan dengan irungan alat seperti syeringgi, sitar, harmonium dan tabla.

### **Persembahan Seni Gerak**

Seni gerak mengandungi segala gerakan tubuh badan yang mempunyai unsur – unsur keindahan . Seni ini dapat dilihat pada gerakan tangan , kaki , badan , mata dan anggota badan yang lain. seni gerak orang melayu dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu seni tari dan seni drama.

## **Seni Tari**

Seorang ahli sejarah tarian dan muzik Jerman bernama C. Sachs telah memberikan definisi seni tari sebagai gerakan yang berirama. Seni tari adalah pengucapan jiwa manusia melalui gerak – geri berirama yang indah. Dalam kebudayaan melayu terdapat berbagai – bagi jenis tarian , sama ada tarian asli ataupun tarian yang telah dipengaruhi oleh unsur – unsur moden. Menurut Jaafar Mampak, tarian melayu asli terbahagi kepada dua jenis. Pertama , tarian yang bercorak lemah lembut seperti tarian mak inang dan siti payung. Kedua , tarian rancak yang merupakan hasil daripada pengaruh tarian Portugis seperti tarian Ronggeng , Serampang Laut dan Singapura Dua.

Seni tari boleh dikategorikan dalam berbagai – bagi jenis. Antara pembahagian yang boleh dibuat terhadap seni tari melayu adalah seperti berikut :

1. Tarian – tarian yang bercorak seni tari istana yang dipersembahkan pada waktu perkahwinan , pertabalan , istiadat menyembah dan sebagainya. Tarian – tarian ini termasuklah tarian siti payung , mak inang , asyik , gamelan dan sebagainya.
2. Tarian – tarian yang memperlihatkan wujudnya pengaruh Arab dan Parsi seperti tarian rodat , hadrah dan sebagainya.
3. Tarian rakyat seperti dondang sayang , ronggeng , joget dan sebagainya.
4. Tarian yang khusus ditarikan oleh kaum lelaki sahaja seperti tarian kuda kepang , tarian labi – labi , tarian berdayung dan sebagainya.

## **Tarian Asli**

Tarian ini dicipta berdasarkan lagu – lagu melayu asli dengan mengikuti irama lagu – lagu melayu asli yang tertentu. Seni tari jenis ini ialah tarian yang dicipta daripada lagu Makan Sirih , Gunung Banang , Sapu Tangan , Asli Selendang , Bentan , Telani , Asli Abadi dan sebagainya.

## **Tarian Asyik**

Tarian ini adalah sejenis tarian klasik dari daerah – daerah di Kelantan yang ditarikan di istana raja – raja Kelantan dan Patani. Asyik bererti kekasih , oleh itu tarian ini bersesuaian dengan gerak – geri bersifat lemah lembut dan penuh dengan ketertiban.

Tarian ini dimulai dengan sepuluh orang penari masuk ke dewan tarian terlebih dahulu , lalu duduk bersimpuh dengan tertibnya. Kemudian tampillah Puteri Asyik dan mereka pun mula menari.Tarian asyik ini ditarikan dalam upacara perkahwinan dan pada malam berinai. Tiga alat muzik penting yang digunakan ialah rebab , gambang dan gedombak.

### **Tarian Ayam Didik**

Tarian ini dikatakan berasal daripada gerakan berlaga ayam, iaitu sejenis sukan yang diminati oleh orang Melayu pada masa lampau. Tarian ini dicipta oleh ahli tarian dinegeri Perlis. Tarian ini dirangi dengan nyanyian lagu ayam didik.

### **Tarian Balai**

Tarian ini berasal dari daerah-daerah dinegeri Terengganu. Tarian ini ditarikan oleh gadis-gadis kampung dalam bentuk simbolik seperti melakukan pekerjaan sawah. Penari-penari akan menari mengelilingi balai, iaitu sejenis payung panjang berwarna-warni yang diletakan dibawah gelanggang.

### **Canggung**

Kata tanggung berasal dari bahasa Thai yang bererti menari. Tarian Canggung berasal dari negeri Perlis dan menjadi popular di negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Tarian ini dicipta oleh seorang ahli tarian dari Kangar selepas perang dunia kedua

### **Tarian Siti Wau Bulan**

Tarian ini berasal dari negeri Kelantan, ditarikan pada musim menuai sempena dengan temasya dan permainan wau.

### **Tarian Cinta Sayang**

Tarian ini berasal dari yang menggambarkan keluarga nelayan. Tarian ini menunjukan bagaimana keluarga nelayan mengucapkan selamat jalan kepada para nelayan sebelum turun ke laut.

### **Tarian Dabus**

Tarian ini berasal dari negeri Perak dan mengandungi unsur keagamaan yang berkait dengan kepahlwanan Sayidina Ali.

### **Tarian Gambus**

Tarian ini berasal dari daerah Kuala Kangsar Perak. Tarian ini dikatakan telah dikenali di daerah ini sejak 50 tahun yang lalu, dipercayai berasal dari negeri Arab.

### **Tarian Inai**

Tarian ini adalah tarian istana yang ditarikan semasa majlis berkhatanan anak pembesar-pembesar istana. Ianya dipersembahkan kepada kanak-kanak ini semasa mereka hendak dikhatarkan dan duduk diatas pelamin.

### **Tarian Joget**

Tarian ini dipengaruhi oleh kebudayaan Portugis dan dijadikan sebagai tarian sosial serta diterima oleh berbagai-bagai kaum di Malaysia.

### **Tarian Kuda Kepang**

Tarian ini ialah tarian warisan budaya Jawa yang terpengaruh dengan Islam. Ciri kejawaan itu jelas pada pakaian penari-penari dan unsur Islam jelas semasa cerita itu ditarikan iaitu mengisahkan perjalanan Rasulullah dan para sahabat.

### **Tarian Mak Inang**

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, tarian mak inang sangat popular ditarikan pada hari-hari kerja kahwin tetapi kini ditarikan majlis-majlis sosial.

### **Tarian zapin**

Tarian ini dikatakan berasal dari negeri Parsi. Ianya diringi dengan alat-alat muzik seperti dabus dan marwas. Pakaian yang digunakan ialah baju melayu.

#### **6.4.2 Seni tampak**

Seni tampak dalam masyarakat Melayu meruapakan ciptaan yang megandungi unsur-unsur seni yang dihasilkan oleh orang Melayu melalui ukiran, anyaman, tenunan, seni bina dan sebagainya.

#### **Seni ukir**

Seni Ukir dalam masyarakat melayu mempunyai hubungan rapat dengan hasil-hasil kerja tangan yang dicipta melalui kepandaian mengukir. Ciri-ciri ukiran itu dihasilkan melalui ukiran timbul, ukiran terbenam, ukiran tebuk dan ukiran timbus.

### **Seni kraftangan**

Seni kraftangan adalah hasil seni yang dicipta untuk digunakan, tetapi digubah dengan memasukkan unsur-unsur seni untuk memberi bentuk yang indah dan menarik hati. Penciptaan kraftangan itu memerlukan keahlian dan kecekapan dalam penggunaan bahan-bahan asas yang teratur sejak dari proses awal hingga sesuatu hasil kraftangan itu tercipta. Proses penciptaan kraftangan tersebut memerlukan daya estetika demi untuk memberikan rekabentuk yang indah dan menarik.

### **Seni tembikar**

Seni tembikar merupakan sejenis hasil kraftangan orang melayu yang menggunakan tanah liat yang dibakar dan digilap. Reka bentuknya dicipta berdasarkan fungsi sesuatu barang itu seperti periuk nasi, bekas air, bekas menyimpan makanan seperti jeruk, pekasam dan lain-lain. Perusahaan membuat tembiran secara tradisional ini masih dilakukan oleh orang melayu khususnya di Sayung, Perak.

### **Seni anyaman**

Menganyam merupakan proses menjalin jaluran daun, lidi, rotan, akar, buluh dan beberapa jenis tumbuhan yang lain. Beberapa jenis reka bentuk kraftangan dihasilkan melalui nyaman demi untuk mencipta sesuatu alat keperluan harian contohnya menghasilkan topi, tudung saji, bakul dan mengayam tikar untuk mengalas tempat duduk.

### **Tekatan**

Tekatan dikenali juga dengan nama suji dan merupakan sejenis seni kraftangan yang popular dalam masyarakat melayu. Tekatan menggunakan kain baldu sebagai kain dasar dan bentuk hiasannya mengambarkan rekabentuk bunga dan pohon – pohon. Tekatan digunakan untuk membuat kasut , kipas . muka bantal dan balutan tepak sirih. Hasil tekatan ini dibuat bagi tujuan upacara tertentu seperti dijadikan hiasan pada upacara perkahwinan , upacara berkhatan , pertabalan raja dan upacara – upacara kebesaran yang lain.

## **Seni tenunan**

Seni tenunan terbahagi kepada tiga jenis iaitu tenunan biasa , tenunan ikat celup dan songket. Tenunan songket merupakan tenunan yang paling lengkap dan cantik. Tenunan ini merupakan satu perkembangan daripada proses tenunan biasa. Sementara tenunan ikat pula dipercayai berkembang di istana raja – raja. Penciptaannya lebih rumit terutama dalam proses menyongket solek atau menyolek. Jenis kain tenunan ini dikenali juga dengan panggilan kain benang emas.

## **Seni batik**

Batik merupakan seni tekstil yang dihasilkan melalui proses menerapkan lilin dan mencelup kain. Pada permulaannya kain putih yang hendak diproses menjadi kain batik itu direbus dan dikeringkan. Kemudian kain batik itu diterapkan dengan blok tembaga yang dicelupkan ke dalam lilin cair yang dipanaskan. Selepas diterapkan kain itu akan diwarnakan dengan cara celupan yang berperingkat – peringkat. Selanjutnya kain itu direbus dan divasuh sehingga bersih lalu dijemur hingga kering.

## **Seni tembaga**

Seni tembaga merupakan satu lagi kraftangan orang melayu. Seni ini diperkenalkan dengan tujuan untuk mencipta alat-alat daripada tembaga yang canti dan indah bentuknya. Alat-alat yang dicipta dalam proses seni tembaga ini digunakan dalam upacara-upacara adat khususnya diistana raja-raja melayu seperti alat-alat pertabalan raja, upacara perlkahwinan atau upacara diraja yang lain. Alat-alat tembaga ini digunakan sebagai hiasan atau perkakasan kegunaan dirumah seperti dulang, tempat letak sireh, sudu, tempat bara, bekas perenjis air mawar dan sebagainya

## **Seni bina**

Reka bentuk seni bina melayu lahir daripada bentuk rumah-rumah yang menjadi tempat penginapan orang melayu. Walaupun terdapat berbagai jenis rumah melayu namun struktur binaanya tidak banyak berbeza . Reka bentuk rumah-rumah melayu juga meperlihatkan wujudnya unsur-unsur seni bina dari daerah-daerah lain dalam melayu atau dari luar alam melayu. Contohnya rumah-rumah orang melayu di negeri Sembilan adalah bercorak seni bina rumah minangkabau

### **6.4.3 Seni Muzik**

Menurut Kamus Dewan *Muzik* didefinisikan sebagai gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan, bunyi-bunyian.

Muzik adalah satu daya tarikan kepada manusia. Ahli-ahli falsafah berpendapat bahawa setiap manusia mempunyai minat terhadap muzik. Keadaan ini jelas dilihat kepada reaksi manusia terhadap bunyi-bunyian yang sudah menjadi kegemaran sejak manusia dilahirkan. Muzik sebenarnya tidak dapat dilihat dan dinikmati dengan pancaindera penglihatan, tetapi dirasai dengan hati atau perasaan.

#### **Muzik Tradisi Warisan Istana**

Dalam masyarakat terdapat dua kelompok masyarakat iaitu :

- Tradisi tinggi (great tradition)
- Tradisi rendah (little tradition)

Kumpulan masyarakat tradisi tinggi terdiri daripada golongan bangsawan yang merupakan golongan kelas pemerintah yang menjadikan istana sebagai pusat kebudayaan.

Raja-raja menubuhkan kumpulan-kumpulan muzik diistana dan latihan dianjurkan untuk meningkatkan mutu persembahannya. Muzik nobat menjadi satu pasukan muzik istana sejak abad ke 15 lagi. Muzik ini dimainkan dalam upacara pertabalan, kematian raja dan upacara mengadap oleh para pembesar di hadapan balairung. Selain nobat muzik yang berkembang melalui tradisi istana di Malaysia ialah gamelan. Gamelan yang terkenal di Tanah Melayu berasal dari kerajaan Riau-Lingga dan Johor. Alat-alat muzik yang digunakan dalam gamelan termasuklah saron, bonang, kerompong, gendang dan gong.

#### **Tradisi Muzik Rakyat**

Di samping tradisi tinggi yang berpusat diistana, terdapat pula tradisi rendah dikalangan rakyat biasa yang terdiri daripada kaum petani dan nelayan. Perkembangan seni muzik diperingkat masyarakat tradisi rendah lahir daripada minat anggota masyarakat itu sendiri. Sebahagian daripada mereka mewarisi keahlian bermain alat-alat muzik itu daripada keluarganya. Alat-alat muzik ini diperbuat daripada bahan-bahan yang diperolehi disekeliling mereka seperti buluh, kayu, kulit binatang dan lain-lain. Muzik rebana merupakan sejenis alat muzik yang berkembang dalam masyarakat Melayu

tradisional. Rebana dimainkan dalam persembahan yang berunsur keislaman seperti dikir, ratib, nazam, hadrah, rodat, maulut dan lain-lain.

### **Tradisi Muzik Melayu yang lain**

Tradisi muzik melayu yang lain seperti muzik makyong dan gendang keling diwarisi dari zaman praislam. Gendang keling dan Mek Mulung di Kedah dan Perlis menggunakan alat muzik seperti Gong, rebab, gendang dan serunai. Di samping berbagai – bagi jenis muzik yang dinyatakan ,muzik wayang kulit, kuda kepang dan ghazal juga merupakan muzik melayu tradisional dari zaman silam. Muzik wayang kulit mengandungi alat muzik seperti gamelan dan mempunyai hubungan dengan tradisi dan kepercayaan masyarakat pribumi. Ghazal pula berasal dari pengaruh Arab Parsi , yang dibawa melalui India sebelum berkembang di alam melayu. Muzik melayu asli ialah muzik yang menyertai tarian ronggeng atau joget yang mempunyai hubungan dengan dongdang sayang yang berkembang di Melaka dan canggung di Perlis. Dalam Tarian kuda kepang pula terdapat alat – alat muzik paluan yang dibunyikan mengikut rentak kuda berlari. Tarian kuda kepang ini berkembang di Johor di kalangan masyarakat melayu keturunan Jawa.



#### **Aktiviti 1:**

1. Berdasarkan nota yang diberikan anda dikehendaki membuat pengelompokan berdasarkan kesenian yang berikut:
  - a. Seni persembahan
  - b. Seni tampak
  - c. Seni muzik

Anda dikehendaki membuat bacaan luas tentang ketiga-tiga kesenian tersebut

## Rujukan



Abdul Halim Ali (2003). *Bingkisan Sastera*. Diwangsa Publications & Distributors Sdn., Bhd.

Conrad Phillip Kottak (1986). *Cultural Anthropology*. Michigan: University of Ann Arbor.

Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gazali Dunia (1992). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: sDewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Md. Nor (1996). *Puisi Melayu Tradisional*. Selangor: Penerbitan Fajar Bakti.

Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ezani Yusoff (Tanpa Tarikh). *Kesenian Melayu*. <http://bobezani.tripod.com/budaya.htm>. Diakses pada 08 Oktober 2011.

### 7.1 Sinopsis



Tajuk ini membincangkan secara khusus tajuk kebudayaan Melayu dengan memberi fokus terhadap agama Islam, adat dan kepercayaan, bahasa ,nilai dan falsafah.

### 7.2 Hasil Pembelajaran

- i. Membincangkan kebudayaan Melayu yang berkaitan dengan masyarakat Melayu terhadap agama islam
- ii. Membincangkan kebudayaan Melayu dengan falsafah pemikiran masyarakat Melayu terhadap kepercayaan dan adat
- iii. Membincangkan kebudayaan Melayu yang berkaitan dengan masyarakat Melayu terhadap bahasa , nilai dan falsafah

### 7.3 Agama Islam Dalam Kebudayaan Melayu

Beberapa faktor dan mekanisme utama dapat dikesan menyebabkan Islam berjaya menyerap masuk ke dalam kebudayaan masyarakat Melayu. Antaranya;

- Pendekatan Islam yang bersifat mesra kebudayaan manusia yang berbeza. Islam dalam banyak penegasan oleh al-Quran mengakui keabsahan sesuatu tamadun dan kebudayaan masyarakat dengan sikap yang selektif. Islam pada prinsipnya tidak membawa ideologi ras dan etnik seperti agama Yahudi yang menganggap mereka sebagai bangsa pilihan Tuhan. Sebaliknya Islam adalah untuk manusia seluruhnya tanpa menghadkan keanggotaannya kepada bangsa Arab semata-mata. Bersesuaian dengan sifat yang mengakui variasi ras dan budaya sebagai tanda kekuasaan dan kreativiti Allah, antara lainnya Islam mengakui kehebatan dan sumbangannya tamadun bukan Arab ke atas kehidupan manusia sejagat. Tanpa mengira bangsa dan tempat, sesuatu tamadun itu harus diterima secara positif dan selektif dengan memanfaatkan apa-apa yang baik dengan tapisan yang teliti

agar ia bersesuaian dengan prinsip-prinsip Tauhid. Kedatangan Islam dilihat sebagai tidak menghapuskan banyak bentuk budaya Arab tempatan, tetapi telah menerima dan mengekalkan banyak budaya *mubah* ini ataupun ia melahirkan (sintesis) budaya baru hasil penerapan rapi dengan nilai-nilai Islam.

Setiap selektif yang disertakan dengan tapisan yang rapi adalah punca utama yang menjadikan masyarakat yang menerima Islam telah dikesan mempunyai pencapaian keilmuan dan tamadun yang cukup tinggi. Pencapaian yang cemerlang ini juga dapat dikesan dalam masyarakat Melayu yang ditegaskan sebagai “*within the space of decades, the Arabs had outgrown the phase of tribal parochialism to become the uncontested masters of an empire and the heralds of an open and expanding world community. This examples was not confined only to the history of the Arabs, for it was repeated in the case of Berbers, Turks, Mongols, Persian, Indian, Malays and the kingdom in West and East Afrika.*”

- Pendekatan metode dakwah yang canggih, yang dijalankan oleh mubaligh yang awal. Mengikut penegasan al-Quran, sesuatu metode dakwah yang berkesan perlu dijalankan secara berperancangan yang rapi. Berasaskan semangat ini, kita dapat melihat bagaimana program dakwah di Alam Melayu dijalankan secara berperingkat, lebih-lebih lagi berhadapan dengan dominasi adat Melayu pra-Islam dan feudalism Melayu. Dalam konteks Alam Melayu, beberapa contoh dakwah yang menggunakan pendekatan ini boleh didapati, pertamanya mubaligh awal telah mengkaji struktur masyarakat Melayu yang berasaskan sistem beraja feudalisme dengan kedudukan raja yang amat ditaati oleh rakyat.

Ini menyebabkan mereka bertindak secara beransur-ansur mendekati golongan raja dan menerapkan sistem beraja Alam Melayu dengan nilai-nilai Islam. Walaupun struktur lama masih lagi dikekalkan tetapi ia telah diterap dengan nilai-nilai Islam. Kalau dulunya sistem beraja Melayu bersumberkan konsep Devaraja warisan Hindu-Buddha, tetapi kini ia telah diabsahkan dengan prinsip raja sebagai khalifah Allah di atas muka bumi. Tindakan yang mengakui keabsahan sistem beraja ini yang disokong oleh hubungan yang agak baik dengan raja-raja ini mempergiatkan lagi perkembangan Islam di Alam Melayu.

Contoh kedua boleh dilihat pada sikap mubaligh awal yang mengakui kepentingan budaya tempatan sebagai wadah dakwah. Sarjana Islam digalakkan mempelajari dan

meneliti secara terperinci tentang dinamisme sesuatu kebudayaan yang merupakan cara hidup, *way of life* sesuatu masyarakat. Pengetahuan yang mendalam dalam soal ini amat penting demi untuk menjadikannya sebagai sasaran utama yang bakal menjayakan usaha dakwah. Dalam konteks Tanah Melayu, pengetahuan yang mendalam terhadap objek dakwah ini telah menyebabkan mubaligh awal ini mampu menghapuskan budaya buruk masyarakat Melayu secara beransur-ansur, khususnya dengan bantuan institusi pendidikan Islam. Hal ini boleh dilihat daripada fakta tentang bagaimana budaya Melayu yang berasaskan sistem feudal dan dominasi adat pra-Islam yang secara kuat dipegang oleh masyarakat Melayu pada zaman awal kedatangan Islam kemudiannya semakin terhakis dengan kesedaran Islam yang terhasil daripada meluasnya proses penyebaran dan pengajian agama di kalangan masyarakat Melayu.

- Faktor keindahan ajaran Islam itu sendiri. Bagi kebanyakan sarjana, faktor ini amat besar peranannya kerana berjaya menarik minat orang Melayu untuk menerima dan menghayati ajaran Islam sepenuhnya. Mengikut pemahaman masyarakat Melayu, Islam mempunyai beberapa sifat yang khusus, antaranya:
  - a. Ia bersifat Rabbani, berasal daripada Tuhan Yang Maha Pengasih dan Penyayang.
  - b. Ia bersesuaian antara fitrah (*built in instinct*) yang ada dalam diri setiap manusia dengan kandungan ajaran Islam itu sendiri
  - c. Islam bersifat syumul (lengkap). Berbanding dengan agama-agama lain yang membahaskan skop perbahasan agama kepada soal hubungan antara tuhan dengan makhluk, ajaran Islam dalam ruang lingkupnya amat lengkap kerana mengajarkan kepada manusia kaedah untuk menjalin tiga bentuk hubungan di dalam kehidupan sebagaimana berikut:
    - i. Hubungan makhluk dengan Penciptanya (aspek ibadat) – yang memberikan motivasi, kepuasan dan ketenangan keimanan bagi setiap manusia dalam menghadapi pancaroba kehidupan.
    - ii. Hubungan sesama makhluk (aspek muamalah) – yang mewujudkan keharmonian hidup sesama manusia.

- iii. Hubungan antara makhluk dengan alam sekitar – yang mengajar manusia menjaga keharmonian dan keseimbangan ekologi alam sekitar yang menjadi tempat kediaman umat manusia.
- Islam bersifat *wasatiyah* (seimbang) dalam segenap konsep asasnya dan dilanjutkan pula kepada dimensi penghayatan dan perlaksanaannya. Hal ini boleh dilihat daripada aspek keanjalan dan sifat *flexibility* (*marunah*) yang terkandung di dalam Islam, dengan merujuk kepada elemen yang bersifat kekal (ibadat) dan boleh berubah mengikut keperluan zaman (muamalah). Jelasnya, faktor keindahan inilah yang menyebabkan ramai golongan terpelajar yang tertarik dan memeluk Islam. Ini ditegaskan oleh Karen Armstrong dan Osman Bakar yang mengatakan perkembangan Islam adalah paling pesat dan diterima ramai oleh penduduk dunia dewasa ini berbanding dengan agama lain.

Di samping faktor keindahan ajaran Islam itu sendiri, proses penerimaan Islam di kalangan masyarakat Melayu turut dijana oleh sifat kebaikan yang memang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Berbanding dengan sejarah perkembangan Islam di Timur Tengah, Eropah, Afrika dan India misalnya yang menyaksikan proses perkembangan Islam melalui pertumpahan darah, realiti yang tidak terjadi di Alam Melayu. Hal ini adalah kerana sifat positif masyarakat Melayu itu sendiri sebagai manusia;

Secara ringkasnya, di sini dapat dikemukakan beberapa contoh sumbangan Islam di dalam masyarakat Melayu. Antaranya ialah pemupukan budaya ilmu dalam masyarakat Melayu. Dalam konteks masyarakat Melayu, sejak awal lagi kefahaman tentang kepentingan ilmu telah disedari dan dijadikan amalan dalam kehidupan bermasyarakat. Fenomena ini dapat dilihat dari penerapan pendekatan dakwah yang diusahakan oleh mubaligh awal yang mengutamakan penggunaan medium komunikasi yang khusus. Penekanan tentang perihal pentingnya alat komunikasi terbaik untuk tujuan penyebaran nilai-nilai Islam seperti ditekankan di dalam Surah Ali-Imran: 64 telah difahami oleh kebanyakan mubaligh Islam yang kemudiannya menghasilkan pelbagai medium dakwah khusus ini, antaranya melalui medium tulisan, khutbah, dan sebagainya. Kesemua medium ini dirangka khusus dengan mengambil kira persekitaran tempatan dan sasaran dakwah yang hendak disampaikan.

Yang jelasnya, dalam konteks Alam Melayu, pemahaman ini telah melahirkan beberapa natijahnya:

- Penciptaan tulisan Jawi dalam dunia intelektual Alam Melayu. Merujuk kepada asal usul penciptaan dan penggunaan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu, sekali lagi kita terpaksa berterima kasih kepada sumbangan ulama Melayu Islam awal yang telah mengasaskan dan memperkayakan bahasa Melayu dalam bentuk tulisan Jawi, yang dijadikan sebagai alat untuk memperkembangkan keilmuan Islam
- Pemberian nafas baru Islam terhadap bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi ini telah melangkaui tujuan asal penciptaannya iaitu sebagai alat penyebaran Islam, yang turut diiktiraf sebagai bahasa komunikasi (*lingua franca*) terpenting untuk rantau Alam Melayu.
- Kemudiannya, dalam kerangka perpaduan ummah, karya-karya Melayu-Islam menggunakan tulisan Jawi telah dikembangkan dan disebarluaskan di banyak tempat dalam dunia Islam seperti di Mekah, Bombay, Istanbul dan Kaherah.

Dalam konteks yang lebih khusus lagi , pengamalan budaya ilmu ini yang diasaskan oleh mubaligh yang awal dan kemudiannya diteruskan pula oleh sarjana tempatan Alam Melayu boleh dilihat dalam institusi pengajian pondok. Sistem pengajian pondok yang boleh dikatakan sebagai cukup *advance* untuk zaman dan keadaan masyarakat tradisi dengan merujuk khus kepada usaha pembudayaan ilmu. Dewasa ini kedapatan beberapa orang sarjana yang mengkritik dan bersikap sinikal terhadap sistem pengajian pondok yang dikatakan *out of date* dan tidak mampu berhadapan dengan pemodenan. Pendapat ini walaupun boleh dikatakan sebagai separuh betul, tetapi ia dibuat dalam bentuk yang tidak memenuhi adab ikhtilaf di dalam Islam. Ini kerana, sistem pengajian pondok telah difikir dan dirangka dengan teliti oleh ulama silam untuk era zamannya, dan ternyata ia berjaya berfungsi seperti yang diharapkan. Oleh sebab itu, tindakan mengkritik secara sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira faktor masa ini adalah amat salah.

Proses menyediakan umat Melayu yang mampu berinteraksi dengan masyarakat dan persekitaran tempatan menggunakan keilmuan Islam. Kejayaan proses ini terbukti

apabila institusi pendidikan di Alam Melayu telah melahirkan beberapa orang tokoh ulamak yang cukup berwibawa dan bertaraf dunia. Merujuk kepada pembinaan masyarakat Melayu yang bertamadun, memang diakui bahawa sebelum kedatangan Islam, ciri budaya ilmu ini telah pun kedapatan di dalam kehidupan orang Melayu. Kedatangan Islam telah mempercepatkan lagi proses ini yang secara dinamiknya telah membawa perkembangan intelektualisme berdasarkan rasionalisme Tauhid menggantikan kepercayaan berbentuk mitos yang diamalkan sebelumnya secara meluas di kalangan masyarakat Melayu.

#### **7.4 Adat dan Kepercayaan Kebudayaan Melayu**

Adat secara umumnya didefinisikan sebagai suatu aturan dan cara hidup. Ianya mencerminkan segala perbuatan yang adakalanya dilakukan setiap hari ataupun musim sama ada berpandukan bulan atau tahun. Itu ialah perkara yang selalu difahami khalayak berkenaan dengan adat. Suatu perkataan yang sinonim dengan adat ialah budaya. Walaupun dari aspek bunyinya ia berbeza, tetapi dari segi pengertiannya, ia adalah konsep yang saling bergantung dan sama.

Adat seperti yang didefinisikan tadi ialah cara hidup iaitu tingkah laku, kepercayaan dan sebagainya. Adat bersifat maya iaitu tidak dapat dilihat. Ia timbul daripada suatu pemikiran berkenaan cara hidup dan tidak dizahirkan. Apabila ianya dizahirkan dan dapat dilihat perlaksanaanya, misalnya kita melihat adat bercukur, adat bersanding dan sebagainya, itu sudah menjadi suatu budaya. Maknanya, budaya ialah suatu bentuk perlakuan yang mencerminkan adat sesuatu masyarakat itu.

Masyarakat Melayu di Malaysia sinonimnya dikaitkan dengan Islam. Masyarakat Melayu Islam seharusnya tidak keliru di antara adat dan agama supaya nanti tiada yang mengatakan adat yang bercanggah dengan Islam itu adalah salah satu dari tradisi agama Islam.

[Adat resam Melayu](#) berkait dengan cara hidup Melayu itu sendiri, dari mula lahir seseorang anak hingga anak itu berkahwin dan seterusnya berakhir dengan kematian.

Agama Islam seharusnya membimbing adat resam atau budaya Melayu supaya berlandaskan agama dan tidak mengamalkan kepercayaan karut, khurafat dan syirik kepada tuhan.

Dalam konteks aqidah, khurafat bermaksud bidaah aqidah yang merupakan kepercayaan kepada sesuatu yang menyalahi syariat yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W.

Ia juga boleh diertikan sebagai amalan yang tidak mempunyai hakikat kebenaran. Selain itu ia merupakan perkara tahlul yang pada kebiasaannya tidak boleh diterima oleh akal. Seseorang itu boleh dianggap mengamalkan perkara yang khurafat apabila ia berpegang dan beriktiqad dengan perkara-perkara yang bukan daripada ajaran Islam, tidak munasabah dan tidak dapat diterima oleh akal yang waras.

Masyarakat Melayu Islam wajib mempercayai bahawa Islam merupakan agama yang suci daripada segala sesuatu yang tidak berfaedah dan Islam juga tidak menghendaki umatnya hidup dalam dunia khayalan atau berbuat sesuatu yang karut lebih-lebih lagi sekiranya ia bertentangan dengan Al-Quran dan As-Sunnah.

Kepercayaan kepada perkara-perkara khurafat seperti kuasa penyakit berjangkit, perkara kepada burung hantu boleh membawa keburukan, atau bala' bulan safar dan lain-lain adalah satu anggapan buruk dan bidaah yang keji serta wajib dihindari oleh umat Islam.

Namun begitu, ada kalangan sesetengah masyarakat Islam yang masih mengamalkan amalan berbentuk khurafat seperti mandi safar untuk menolak bala dan membersihkan dosa, menyembah pantai untuk meminta agar mereka selamat apabila berada dilautan, kepercayaan sesetengah orang tentang adanya sial seperti biawak yang melintasi seseorang atau masuk ke dalam rumah dikatakan kecelakaan akan menimpa, adalah karut semata-mata.

Begitu juga dengan menepung tawar untuk menolak bala. Semua itu adalah kepercayaan khurafat yang mesti dihapuskan. Dari aspek psikologi pula, sesiapa yang mempercayai khurafat fikirannya tidak bebas dan berkembang kerana dibelenggu perasaan takut melanggar batas-batas dan kepercayaan turun menurun.

ia boleh menyebabkan seseorang itu lemah akal dan imannya kerana kepercayaan terhadap amalan khurafat tersebut telah menafikan kepercayaan kepada konsep qada dan qadar Allah S.W.T. selain itu, ia boleh menjadikan seseorang itu malas berusaha, mudah putus asa, tidak bertawakal kepada Allah S.W.T. dan tidak yakin untuk menghadapi cabaran dan dugaan hidup.

Antara faktor yang mempengaruhi wujudnya amalan khurafat dalam masyarakat Melayu Islam adalah kerana kurangnya pengetahuan agama dimana sesetengah masyarakat Melayu Islam tidak mempunyai pegangan yang kuat terhadap agama Islam kerana masih mencampuradukkannya dengan kepercayaan-kepercayaan karut yang diterima turun-temurun dari nenek moyang. Oleh itu, masyarakat Melayu Islam sepatutnya sedar dan insaf dan kembali kepada Allah S.W.T. dan rasulnya dengan merujuk kepada Al-Quran dan As-Sunnah.

Di samping itu, masyarakat Melayu Islam mestilah memperkuuhkan keimanan kepada Allah S.W.T. dengan menolak kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Tiada konsep sial atau bertuah kerana orang yang beriman dan menurut perintah Allah dan rasulnya itulah orang yang bertuah, manakala orang yang ingkar dan tidak taat kepada Allah S.W.T. adalah orang yang akan mendapat kecelakaan.



*Rajah 1 - Tepak Sireh Adat Dalam Perkahwinan*

Sungguh indah pintu dipahat,  
Burung puyuh di atas dahan;  
Kalau hidup hendak selamat,  
Taat selalu perintah Tuhan.

## Bahasa

Bidang bahasa dan kesusasteraan yang lahir dalam masa dan daripada proses pertembungan Hindu-Buddha telah menarik penghargaan dan penilaian di tengah golongan raja atau bangsawan sahaja. Penulis , penterjemah atau bijak pandai yang menghasilkan karya-karya semasa adalah menitikberatkan adab susila dan kesedaran ramai terhadap kemuliaan insan dan keagungan Islam Tuhan menerusi Islam. Maka jelaslah di sini kesusasteraan Melayu Islam itu bukanlah berdasarkan mitos atau dongeng tertakluk kepada nilai istanadan kraton, tetapi lebih serius, demokratis dan rasional serta lebih saintifik daripada zaman lampau.

Kedudukan bahasa Melayu amat penting kerana kini bahasa Melayu telah mencapai taraf nilai bahasa yang tinggi, apabila kedatangan dan perkembangan Islam di rantau ini menjadikannya sebagai bahasa pengantar agama. Bahasa Melayu yang pada asasnya merupakan bahasa masyarakat pesisiran Selat Melaka telah berkembang menjadi bahasa yang penting kepada kerajaan-kerajaan agung seperti Acheh dan Melaka pada masa itu. Faktor kedudukan Selat Melaka yang berabad-abad lamanya terbuka dan menjadi pusat lalu lintas dunia dan sebagai daerah pertembunganpelbagai masyarakat dan kebudayaan dalam situasi perdagangan antarabangsa , sehinggaikan Islam di alam Melayu adalah tersebar melalui bahasa Melayu.

Bahasa Melayu juga menjadi telah menjadi bahasa rasmi bagi agama Kristian di Indonesia Timur. Peranan bahasa dan Kesusasteraan Melayu di alam Melayu dewasa ini sudah tidak dapat dinafikan telah menjadi bahasa “Lingua-Franca” bagi lebih 200 juta umat manusia di alam Melayu. Islam telah menjadikannya bahasa umum yang digubah ,

diperolah , dan diperkenalkan penyatuannya menerusi tulisan **JAWI** yang merupakan tulisan antarabangsa yang amat praktik dan senang difahami. Cantuman dan kesepaduan muktamad antara bahasa dan sastera Melayu dengan agama Islam sehingga timbulnya kedua-dua unsur yang penting ini dalam kebudayaan Melayu, telah menanamkan fahaman dan semangat kebangsaan yang maha penting di dalam masyarakat.

Sebelum Islam , iaitu zaman Hindu , orang-orang Melayu sudah diperkenalkan dengan tulisan Palawa, Kawi dan lain-lain dari India tetapi tulisan ini tidak popular dan sukar difahami. Sejarah perkembangan kubudayaan Melayu kini menunjukkan orang-orang Melayu mempunyai alat ekspresi pemikiran dan perasaanya tersendiri .Orang Melayu mudah menerima dan menyesuaikan diri dengan pengaruh-pengaruh baharu dan ditambahka pula dengan kreativiti semula jadi yang ada pada mereka. Keterbukaan ini mengizinkan dan menyempurnakan sistem tulisan Jawi manakala lima bunyi yang lazim dalam bahasa Melayu diberikan hurufnya berdasarkan huruf-huruf Parsi iaitu : **Cha , Nga , Pa , Nya** dan ini membolehkan ribuan perkataan Arab –Parsi dimasukkan ke dalam bahasa Melayu terutamanya perkataan-perkataan yang berhubung dengan agama, politik , falsafah, moral dan lain-lain yang sama sekali tidak merosakkan struktur bahasa tetapi memperkayakan lagi kosa kata.

Perkembangan ini menjadi lebih bermakna apabila bahasa itu menjadi bahasa pengantar utama dan melaluianya juga syiar Islam disalurkan ke seluruh Kepulauan Melayu. Selain itu , kemuncak perkembangan bahasa Melayu dapat dilihat apabila penyatuan ejaan antara bahasa Melayu di malaysia dengan bahasa Indonesia dicapai dalam usaha memperkayakan leksikel dalam bahasa Melayu yang dikatakan serumpun dengan bahasa Indonesia.

Dengan perkembangan ini, maka kedudukan bahasa Melayu semakin teguh dengan terhasilnya banyak kesusasteraan yang bukan sahaja bersifat keagamaan tetapi juga bersifat roman, hikayat , kitab-kitab falsafah, sejarah dan lain-lain. Contohnya, Hamzah Fansuri seorang penyair dan ahli falsafah ulung telah mencipta dan mempopularkan bentuk-bentuk syair dalam kesusasteraan Melayu . Bentuk syair yang amat popular dan sebagai alat melahirkan roman Melayu seperti syair Siti Zubaidah, syair Ken Tambuhan , syair Gul Bakawali dan sebagainya.

Walaupun kebanyakkan hasil-hasil sastera pada peringkat awal agama Islam tersebar masih kuat dan tebal dengan pengaruh unsur-unsur Hindu tetapi unsur-unsur Islam sudah mula diadaptasikan contohnya perihal Nabi Adam bertapa dalam Hikayat Seri Rama dan di dalam hikayat lain yang berunsur hindu telah dimasukkan unsur-unsur Islam seperti wali-wali, nabi-nabi, malaikat dan lain-lain. Roman sejarah Islam seperti Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah , Hikayat Isma Yatim dan Hikayat Bakhtiar telah ditulis dalam bahasa Melayu bagi menggantikan hikayat-hikayat pahlawan Hindu.

## **7.5 Nilai dan Falsafah Dalam Kebudayaan Melayu**

Pembinaan budaya kebangsaan amat penting diberikan perhatian dan tumpuan. Budaya kebangsaan itu bukan sahaja menyatakan jati diri masyarakat dan negara Malaysia, malahan juga penting dalam memupuk semangat patriotisme dan integrasi kaum di negara ini.<sup>39</sup> Melalui budaya kebangsaan itu membolehkan anggota-anggota masyarakat mengenali sejarah dan membina ikatan emosi kepada masyarakat dan negara. Kesedaran tentang pentingnya budaya kebangsaan itu adalah sebahagian daripada kekuatan semangat kebangsaan Melayu yang dipupuk sejak zaman pemerintahan kolonial lagi. Pemerintah kolonial tidak memberikan perhatian tentang bahasa dan budaya Melayu, sebaliknya bahasa dan budaya kolonial didapati semakin penting yang membawa nilai-nilai sosial dan ekonomi. Perjuangan orang Melayu untuk mencapai kemerdekaan adalah tidak dapat dipisahkan daripada kepentingan persoalan bahasa dan budaya.

Kerajaan telah menerima konsep dan prinsip budaya kebangsaan, dan usaha perancangan serta perlaksanaan dimulakan pada tahun 1970. Kerajaan menyedari pentingnya pembinaan budaya kebangsaan, terutama kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan waktu itu ditubuhkan bagi menumpukan perancangan dan perlaksanaan budaya kebangsaan itu, 40 terutama pemuliharaan dan penggalakan budaya rakyat.

Salah satu usaha yang dilakukan ialah mengenali dan menggalakkan perkembangan di peringkat nasional berbagai-bagai unsur budaya tradisional pribumi Malaysia. Dalam pemuliharaan dan penggalakan tradisi rakyat itu, berbagai bantuan diberikan. Malahan

ada usaha mendorongkan generasi muda terlibat dalam kegiatan-kegiatan tradisi budaya rakyat itu. Berbagai pihak, terutama pencinta-pencinta seni rakyat berusaha mengembangkan dan menyebarluaskan ke peringkat nasional. Terdapat institusi-institusi pendidikan yang turut menggalakkan perkembangan seni dan mainan tradisional. Selain itu, penyelidikan, seminar dan bengkel tentang berbagai warisan tradisi rakyat itu sentiasa diberikan perhatian oleh berbagai-bagai pihak.

Generasi muda patut dipupuk dengan nilai-nilai positif, iaitu memandang tinggi dan berbangga dengan warisan tradisi. Kedudukan warisan tradisi tidak boleh disamakan dengan bahan-bahan budaya popular. Bahan-bahan budaya popular sebagaimana bahan-bahan pengguna yang lain untuk mengisi keperluan yang lebih tinggi. Apabila nilai-nilai sosial yang berbeza diberikan kepada kedua-dua fenomenon itu, maka budaya popular itu tidak dapat dianggap sebagai persaingan kepada warisan tradisi atau budaya rakyat itu.

Kedudukan budaya tradisi atau budaya rakyat yang ingin diperkembangkan dalam rancangan pembinaan budaya kebangsaan tidak menunjukkan kemajuan sebagaimana yang diharapkan.<sup>42</sup> Oleh itu kerajaan telah mengubah strategi bagi menggalakkan pertumbuhan budaya kebangsaan, iaitu Kementerian yang berkenaan telah digabungkan dengan industri pelancongan, yang kini dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan. Memahami masalah yang dihadapi dalam usaha membangunkan berbagai-bagai unsur seni tradisional adalah berkaitan dengan masalah ekonomi. Mereka yang terlibat dalam kegiatan seni tradisional tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada kegiatan yang berkaitan memandangkan kegiatan itu tidak memberikan pulangan ekonomi sewajarnya.

- **Budaya Popular dan Budaya Kebangsaan**

Dalam hasrat membina budaya kebangsaan itu, ruang lingkup budaya yang diliputi itu sepatutnya tidak terbatas kepada warisan budaya tradisional atau budaya rakyat. Budaya itu dinamiks. Budaya Melayu juga adalah dinamiks, yang sentiasa berubah menyesuaikan dengan perubahan yang dilalui masyarakat. Perkembangan budaya terkini itu kemudian akan menjadi tradisi. Proses penciptaan dan penghasilan bahan-bahan budaya popular itu adalah sebahagian daripada proses perubahan masyarakat dan budaya Melayu. Dengan itu juga dapat memperkuatkan kedudukan budaya

Melayu. Masyarakat dan budaya akan terus dinamiks, iaitu perubahan perlu dilakukan bagi menjamin peningkatan peradaban Melayu itu. Dalam konteks ini penghasilan bahan-bahan budaya popular itu adalah sebahagian daripada kemajuan budaya yang dicapai masyarakat Melayu. Dalam konteks ini budaya kebangsaan itu perlu dibina atas warisan budaya tradisi dan pembangunan budaya moden, iaitu budaya popular. Oleh itu dalam penghasilan bahan-bahan budaya popular itu juga perlu mempertahankan mutu yang sewajarnya. Bahan-bahan budaya popular itu juga tidak dapat dinafikan masih mempunyai mutu dan nilai-nilai seni yang akan menjadi warisan budaya Melayu. Penghasilan budaya popular itu juga melalui proses kreativiti sewajarnya, yang dengan sendirinya menyatakan pembangunan budaya Melayu, dan seterusnya memainkan peranan sebagai sumbangan peningkatan peradaban Melayu.

Budaya rakyat kini semakin lemah kedudukannya berikutan minat atau tumpuan orang ramai didapati semakin berkurang. Peranan atau fungsi sesuatu fenomenon itu tidak dapat dipisahkan daripada kepentingan sesuatu tradisi budaya. Berikutan dengan perubahan sosial, ekonomi dan pendidikan, didapati kepentingan terhadap budaya rakyat semakin kurang mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat Melayu moden hari ini. Walaupun terdapat usaha untuk menghidupkan tradisi rakyat pada peringkat kampung terutama di kalangan golongan tua, tetapi sambutan daripada orang-orang muda tidak menggalakkan. Mereka yang masih meneruskan perlibatan dalam tradisi rakyat semata-mata berdasarkan kepada minat, bukannya sebagai suatu yang dilakukan secara sungguh-sungguh. Masalah yang dihadapi di kalangan penduduk kampung ialah tekanan ekonomi yang tidak memungkinkan mereka menumpukan perhatian terhadap minat mereka itu.<sup>43</sup> Sambutan orang ramai yang dingin terhadap tradisi budaya itu tidak memberi peluang mereka untuk menambahkan pulangan ekonomi dengan menumpukan kepada bidang yang diminati. Penumpuan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain lebih penting, terutama bagi memperbaiki kehidupan mereka.

Dengan pesatnya penawaran berbagai-bagai bahan budaya popular Melayu moden, boleh dianggap mempengaruhi kedudukan tradisi rakyat yang tidak lagi berkembang dan menjadi popular. Bahan-bahan budaya popular yang dianggap lebih moden mempengaruhi keseluruhan kehidupan orang ramai. Citarasa budaya orang ramai telah berubah, terutama berikutan dengan proses modernisasi dan urbanisasi yang semakin pesat. Setiap orang tidak mahu ketinggalan dalam menghadapi atau mengalami gaya

hidup moden kini. Sesuatu yang baru dan moden itu mudah didapati dan sesuai dengan perubahan citarasa budaya orang ramai.

Berbagai-bagai usaha pernah dilakukan oleh mereka yang ingin mengekalkan tradisi bagi menghidupkan budaya rakyat Melayu untuk menyesuaikan dengan keperluan mengisi inspirasi budaya nasional. Tetapi jelas didapati, dorongan dan galakan yang dilakukan tidak membawa banyak kesan, terutama di kalangan orang-orang muda. Golongan muda tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap unsur-unsur budaya rakyat tradisi. Proses modernisasi dan urbanisasi membawa kesan-kesan langsung kepada kedudukan warisan budaya rakyat, yang semakin kepinggiran.

**8.1 Sinopsis**

Tajuk ini membincangkan secara khusus tajuk kebudayaan Melayu dengan memberi fokus terhadap perubatan, pakaian dan permaianan.

**8.2 Hasil Pembelajaran**

- i. Membincangkan kebudayaan Melayu yang berkaitan perubatan, pakaian dan permaianan dengan masyarakat Melayu.
- ii. Membincangkan perubatan, pakaian dan permaianan falsafah pemikiran masyarakat Melayu.

**8.3 Perubatan Dalam Kebudayaan Melayu**

Perubatan tradisional Melayu ialah perubatan Melayu yang diamalkan oleh para bomoh dan Tok Dusun sejak beberapa abad dahulu. Perubatan ini yang banyak menggunakan bahan-bahan yang berasal daripada tumbuh - tumbuhan dan herba telah diterima dengan penuh minat oleh masyarakat Melayu di Malaysia kerana ia merupakan kaedah yang selamat dan tidak memberi kesan sampingan terhadap tubuh badan manusia. Ini dapat dibuktikan dengan banyaknya produk ubat tradisional Melayu yang dipasarkan. Dianggarkan pada masa ini melebihi 13,000 jenis tumbuh-tumbuhan yang berpotensi untuk dijadikan ubat bagi menyembuhkan pelbagai penyakit. Kebanyakkan tumbuh-tumbuhan ini terdapat di kawasan tropika.

Menurut kajian Universiti Sains Malaysia, terdapat 2,000 hingga 3,000 spesies tumbuh-tumbuhan ubatan di Malaysia yang telah digunakan bagi tujuan perubatan moden dan tradisional. Satu lagi faktor tentang mengapa perubatan tradisional Melayu mendapat tempat dalam kalangan masyarakat adalah kerana ia lebih murah, berbanding dengan rawatan dan perubatan lain.

Pengamal perubatan tradisional Melayu banyak bergantung kepada pengetahuan dan ingatan yang diwarisi daripada guru mereka secara turun-temurun. Dikalangan bangsawan, terdapat juga buku perubatan dikarang, yang dipengaruhi dari Parsi

seperti kitab Tib yang dikarang. Ada juga yang dikatakan mendapat ilmu tentang perubatan dan rawatan melalui mimpi atau ilham dengan cara-cara yang tertentu.

Pada zaman penjajahan British, amalan perubatan Barat sangat popular sehingga amalan perubatan tradisional Melayu dilupai, khususnya oleh golongan bangsawan dan paracendiakawan. Masyarakat Melayu lebih mempercayai perubatan Barat yang dibawa oleh penjajah kerana kajian yang dijalankan mereka terhadap sesuatu penyakit adalah lebih saintifik. Namun sejak akhir-akhir ini, perubatan tradisional Melayu semakin mendapat tempat di hati masyarakat Melayu kerana ia tidak menggunakan bahan-bahan kimia dan beracun.

Perubatan tradisional Melayu adalah melalui amalan petua yang terdiri daripada dua aspek, iaitu amalan suruhan dan amalan tegahan. Amalan suruhan banyak berhubung dengan pemakanan daripada segi jenis, kuantiti, dan khasiat yang terdapat di dalam tumbuhan. Ia bertujuan untuk mendapatkan keseimbangan serta mengelakkan sebarang serangan penyakit dan keuzuran. Amalan tegahan pula bertujuan untuk menghalang pesakit daripada memakan makanan tertentu sewaktu dalam tempoh rawatan sebagai pantang larang. Ia bertujuan untuk memelihara kesihatan manusia dalam keadaan baik secara berterusan atau bagi mempercepatkan penyembuhan penyakit.

Kebanyakkan pengamal perubatan tradisional Melayu mengkategorikan punca penyakit kepada yang bersangkutan dengan darah dan yang bersangkutan dengan angin. Darah perlu 'panas' tetapi tidak boleh berlebihan. Angin disalurkan melalui urat di dalam badan. Namun jika terdapat terlalu banyak angin, ia akan menyekatkan perjalanan darah lalu menganggu kesihatan. Justeru, darah dan angin merupakan dua unsur utama dalam tubuh seseorang. Jika kedua-dua darah dan angin berkeadaan baik, maka individu yang berkenaan itu akan sihat. Sehubungan dengan itu, kaedah pengurutan juga dilakukan bagi menolak 'angin' dan merangsang perjalanan darah dan urat. Pengurutan biasanya dilakukan pada bahagian-bahagian badan yang terlibat dalam kerja berat, seperti tangan, kaki, dan belakang tubuh. Ia dilakukan dengan menggunakan minyak urut atau minyak angin yang diperbuat daripadaminyak kelapa dan beberapa jenis tumbuhan yang mempunyai khasiat 'panas'. Tumpuan utama pengurutan adalah untuk merawat perempuan lepas bersalin. Di samping itu, mereka

juga digalakkan mengambil ramuan tumbuhan untuk dimakan dan disapu pada badan bagi mengeluarkan angin dari urat.

Dalam perubatan tradisional Melayu, penggunaan tumbuh-tumbuhan adalah amat meluas. Kebanyakkan pengamal perubatan tradisional Melayu berpendapat khasiat perubatan terletak terutama pada akar tumbuhan dan bagi tumbuhan yang berubi, ia terletak pada ubinya. Pengamal perubatan tradisional Melayu biasa mengkategorikan zat tumbuhan kepada tiga, iaitu:

1. Zat besi untuk menguatkan darah;
2. Zat kawi untuk menstabilkan perjalanan fungsi tubuh; dan
3. Zat kapur untuk menyejukkan badan.

Gabungan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERA) menggantikan PUTRAMAS merupakan salah satu Badan Pengamal yang dikenal oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari sila lihat GAPERA

Amalan perbomohan yang menurut perspektif Islam mestilah berdasarkan sumber-sumber yang pasti, sama ada dari al-Quran atau dari Sunnah, serta sumber-sumber perundangan yang diiktiraf oleh Islam. Sekiranya terdapat percanggahan dengan prinsip akidah Islam, maka amalan tersebut perlu disingkirkan. Penggunaan ayat-ayat roh, penunggu, atau makhluk lain, dengan tujuan untuk bersahabat atau meminta bantuan daripada mereka, tidak dibenarkan dalam amalan perubatan Melayu. Justeru, bantuan dan harapan hanyalah bersandarkan kepada Allah, di samping usaha-usaha yang dilakukan

#### **8.4 Pakaian Dalam kebudayaan Melayu**

Baju Melayu yang biasa di pakai di Malaysia dan negara serantau biasanya terbahagi kepada dua, iaitu baju Melayu potongan Teluk Belanga dan potongan Cekak Musang. Baju Melayu Teluk belanga biasanya lebih terkenal di selatan Malaysia sementara potongan Cekak Musang di kawasan tengah dan utara Malaysia. Potongan tersebut merujuk kepada cara jahitan pada leher baju tersebut, potongan Cekak Musang berbentuk seperti leher baju India hanya bahagian penutup atau rumah butangnya bertindan. Sementara potongan Teluk Belanga pula bahagian lehernya hanya di jahit

secara sulaman. Terdapat berbagai bentuk sulaman yang dipadankan seperti Mata Lalat, Tulang Belut dan sebagainya.

Baju Melayu dijahit dalam dua cara iaitu berpesak atau potongan moden atau dipanggil potongan Cina. Di mana lengan baju tersebut disambungkan kepada badan baju. Iaitu secara di sambung terus atau di jahitkan kebahagian lain yang dinamakan pesak dan kekek.

Cara memakai baju juga terdapat perbezaan dimana bagi baju Melayu Teluk Belanga biasanya sampin dipakai diluar baju, manakala baju Melayu Cekak Musang baju di dalam sampin.

- Baju Riau

Baju berbelah ini seakan-akan kebaya pendek. Baju Riau juga disebut 'Engku Puteri atau Raja Hamidah' puteri pada Raja Haji iaitu Yang Dipertuan Muda Riau yang kelima dari keturunan Bugis. Pada umumnya baju tradisional melayu untuk kaum laki-laki biasanya dilengkapi dengan kain Songket.



Rajah 3 - Baju Riau

- 
- Baju Belah Kebaya Panjang

Walaupun wanita Johor terkenal dengan baju kurung, tetapi dalam acara majlis, mereka muncul juga dengan memakai kebaya, sebagai warisan daripada Kerajaan Johor-Riau.


Pola baju belah panjang ini masih bersifat ‘mengurungkan’ anggota badan. Secara tradisi potongannya labuh sehingga buku lali. Cuma bezanya ia berbelah dan berpesak di hadapan baju ini, umumnya dipakai sebagai pakaian di luar rumah atau upacara rasmi. Baju belah panjang ini terkenal di Melaka, Perak, Selangor dan Kedah-Perlis. Baju kurung belah ini kemudiannya dikenali sebagai ‘baju panjang’ dan ‘kebaya panjang’. Tradisi ini berkembang menjadi kebaya dan bertangan panjang berpesak lurus di hadapan, berkekek dan berbelah dada yang ditutup dengan kancing atau kerongsang tiga.



Rajah 4 - Baju Belah Kebaya Panjang

- Baju Melayu Cekak Musang

Istilah ini berhubung langsung dengan pola lingkaran leher baju, tengukuk ‘cekak’ tinggi atau leher tegak empang leher. Pengertian ‘cekak musang’ merakamkan imej alami untuk leher baju yang bercekak tinggi berdiri (2.5cm) melingkari leher. Ukuran ditentukan oleh lingkaran (bulat) yang dibuat dengan ibu jari lain yang bertemu hujungnya. Baju ini mula dipakai di Johor ketika pemerintahan Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar.



Rajah 5- Baju Melayu Cekak Musang

- Baju Teluk Belanga

Baju ini mula di perkenalkan di Teluk Belanga, Singapura dan tersebar luas sebagai ciri khas johor khususnya pada abad ke-19. Ia juga dikatakan sejenis pakaian lelaki yang dikatakan telah direka oleh Sultan Abu Bakar pada tahun 1866 untuk meraikan perpindahan ibu negeri Johor dari Teluk Belanga di Singapura ke Johor Bahru. Walau bagaimanapun istilah ini akhirnya menjadi ciri khas masyarakat Melayu hingga disebut selengkapnya ‘Baju Melayu’.

- Baju Kurung

Baju kurung dianggap popular dan dipakai oleh lelaki dan perempuan. Perbezaannya terletak pada bahagian kocek iaitu lelaki mempunyai tiga kocek manakala perempuan mempunyai satu kocek serta perbezaan daripada segi pemakaian. Pengertian kurung secara tidak langsung telah membawa erti ‘mengurung atau menutup’ anggota tubuh. Cara ini menepati konsep pakaian

cara Melayu setelah kedatangan Islam, sehinggalah istilah ‘kurung’ diertikan sebagai baju yang selesa dan longgar, labuh atau panjang. Sehingga disebut dengan berbagai-bagi nama misalnya ‘baju kurung bernyawa’ walaupun mempunyai pelbagai nama namun baju kurung telah menampilkan ciri-ciri tersendiri.

## 8.5 Permainan Dalam kebudayaan Melayu

Keadaan sosial masyarakat Melayu telah berubah mengikut peredaran masa. Jika dahulu masyarakat banyak mempengaruhi corak kehidupan yang kuno, kini segalanya sudah berubah. Berlakunya perubahan zaman, banyak nilai-nilai baru yang dibawa ke dalam kehidupan kita misalnya cara kita bergaul, menguruskan masa, beriadah dan berhibur semuanya berlainan berbanding zaman nenek moyang kita. Sungguhpun demikian, sistem sosial masyarakat kini adalah berlandaskan masyarakat dahulu.

Masyarakat Melayu mempunyai pelbagai jenis kebudayaan yang digarap daripada pelbagai keturunan. Kebudayaan ini disatukan menjadi satu kebudayaan yang unik kerana hampir setiap keturunan mempunyai adat sehingga membentuk kebudayaan Melayu. Ini termasuklah suka bergotong-royong menjalankan kegiatan ekonomi, di

mana ikatan itu diperkuuhkan dan dipereratkan dengan acara-acara keramaian dan juga hiburan. Lantaran resam yang demikian maka banyak permainan tradisional yang dipertandingkan.

Permainan tradisional telah berupaya membentuk sebahagian daripada kehidupan yang dilalui oleh nenek moyang kita. Asas penting yang menjamin kesinambungan permainan tradisional pada masa lalu ialah keseragaman cara hidup nenek moyang kita. Kegiatan harian, musim dan tahunan daripada individu ke individu tidak banyak berbeza. Ini membolehkan mereka bekerja dan berhibur pada masa yang sama. Malah sejak dari kecil lagi mereka membiasakan diri dengan keadaan yang demikian. Sudah menjadi kemestian, sewaktu turun ke sawah atau ke laut, seluruh tenaga ditumpukan kepada pekerjaan. Mencari rezeki, mesti bersungguh-sungguh. Apabila musim menuai padi berakhir dan musim tengkujuh tiba, pesawah dan nelayan mengisinya dengan kerja-kerja sampingan.

Kerja-kerja demikian boleh ditangguhkan dengan mudah. Tempoh antara musim inilah digunakan untuk mengadakan keramaian serta pesta. Apabila sesuatu permainan diadakan di sesbuah kampung, penduduk kampung berdekatan turut berkunjung untuk mengambil bahagian atau sekadar memberi semangat. Suasana pesta di padang permainan boleh mewujudkan interaksi sosial di antara kampung-kampung yang mengambil bahagian. Oleh yang demikian, permainan tradisional juga dikenali sebagai permainan rakyat. Dalam persekitaran yang moden, khususnya di bandar, permainan tradisional bukan sahaja tidak praktis tetapi juga sudah hilang daya tarikannya. Tiada pihak yang mahu warisan nenek moyang kita itu pupus. Oleh sebab itu, kerajaan melalui agensi-agensi kerap mewujudkan pesta kebudayaan dan permainan tradisioanl. Selain daripada menjaga warisan, usaha demikian dapat dijadikan tarikan kepada pelancong yang datang melawat negara kita. Hakikatnya bahawa penerbangan Malaysia memilih wau kucing sebagai lambangnya sudah cukup untuk membayangkan betapa warisan itu dititikberatkan.

Ada di antara permainan ini yang sekarang tidak dimainkan lagi tetapi hanya diketahui oleh ibubapa dan datuk nenek kita sahaja. Tetapi ada juga yang masih dimainkan lagi oleh kanak-kanak sehingga hari ini. Di antara permainan itu termasuklah guli, congkak, wau, selambut, sepak raga, gasing dan lain-lain.

- Koba

Permainan ini amat mudah dilakukan dan ia menggunakan dua jenis alat sahaja iaitu sekeping serpihan batu leper dan kotak rokok. Dalam hubungan ini lazimnya kanak-kanak pada masa dahulu suka mencari dan mengumpulkan kotak rokok untuk digunakan dalam permainan ini. Tempat bermain tidak memerlukan kawasan yang luas. Setiap permainan memerlukan sekurang-kurangnya 2 orang. Bilangan pemain yang paling sesuai ialah 3 atau 4 orang.

- Layang-layang

Permainan layang-layang atau wau mengandungi unsur-unsur budaya Melayu asli terutama pada bentuk layang-layang atau wau itu sendiri. Di Malaysia lazimnya permainan layang-layang dilakukan selepas musim menuai padi atau pada masa nelayan tidak dapat pergi ke laut menangkap ikan. Antara jenis layang-layang ialah Layang-layang Baruk, Layang-layang Puyuh, Layang-layang Burung dan yang terkenal ialah Wau Bulan.

- Sabung Ayam

Permainan 'menyabung ayam' disebut juga sebagai 'berlaga ayam'. Berdasarkan pelbagai peristiwa dan cerita yang tertulis di dalam buku-buku hikayat termasuk juga cerita-cerita mulut, kononnya 'menyabung ayam' merupakan permainan utama bagi golongan di raja di rantau ini di zaman lampau. Kononnya pertaruhan antara raja-raja di zaman dahulu dalam permainan 'menyabung ayam' ini hingga ke tahap mempertahankan negeri masing-masing.

- Biji Saga

Permainan ini juga dikenali dengan nama 'main buah saga'. Nama yang lebih tepat ialah biji saga kerana bahan yang dijadikan alat permainan ini adalah biji saga. Permainan ini sesuai dimainkan oleh kanak-kanak perempuan

Bagaimanapun ada juga kana-kanak lelaki yang bermain permainan ini. Tempat bermain yang paling sesuai ialah di atas simen. Lazimnya apabila permainan ini diadakan, rakan-rakan sebaya akan duduk berhampiran untuk menyaksikan kecekapan dan kebolehan sesesorang pemain melakukan biji saga yang diselerakkan di atas lantai.

- Congkak

Merupakan jenis permainan Anjung. Tujuan permainan ialah untuk mengumpul dan giliran menapak akhir. Bilangan pemain ialah seorang sepasukan. Alatan yang

digunakan di dalam permainan ini ialah Papan congkak dan cakak. Gelanggangnya adalah sebuah papan congkak yang mengandungi sekampong 5, 7, 8 atau 9. Rumah Anak serta 1 Rumah Ibu. Tiap Rumah Anak diisi cakak.

- Batu Seremban

Merupakan jenis permainan Laman. Tujuan permainan ialah untuk memungut mata timbangan terbanyak. Bilangan pemain ialah beberapa pasukan atau satu (1) orang sebelah / sepasukan. Alatan yang digunakan di dalam permainan ini ialah Lima (5) uncang (3 cm persegi satu butir). Gelanggangnya adalah Permukaan rata.

- Ceper

Permainan ini hampir sama bentuknya dengan 'main koba' tetapi bahan yang digunakan adalah berbeza. Bahan-bahan yang dijadikan alat permainan ini ialah tutup botol minuman yang diperbuat daripada timah dan ia dileperkan. Satu lagi alat yang digunakan ialah kepingan serpihan batu seperti yang digunakan dalam permainan koba.

- Dam Aji

Merupakan jenis permainan Anjung. Tujuan permainan ialah untuk mengalahkan pihak lawan. Bilangan pemain ialah dua orang seperlawanan dan satu (1) orang sepasukan. Alatan yang digunakan di dalam permainan ini ialah Tir dan Papan Dam. Gelanggangnya adalah Permukaan rata.

- Galah Panjang

Merupakan jenis permainan Laman. Tujuan dan matlamat permainan adalah untuk mengalahkan pihak lawan melalui jumlah Bilon yang diperolehi. Pemain terdiri daripada regu iaitu tiap-tiap regu mestilah mengandungi lima (5) orang pemain ( empat (4) orang pemain dan satu (1) simpanan ). Perlawanan di dalam permainan ini adalah berkonsepkan 'Pertahan' oleh satu regu dan 'Penyerang' oleh satu regu yang lain. Gelanggang Galah panjang di bina di epermukaan yang rata dan mendatar.

- Gasing

Permainan gasing merupakan permainan untuk orang lelaki muda dan dewasa. Bagaimanapun ada juga jenis gasing kecil tetapi bentuknya sama dimainkan oleh golongan kanak-kanak. Gasing kanak-kanak ini terbahagi kepada 2 jenis iaitu 'gasing Melayu' dan 'gasing Cina'. Pada masa dahulu permainan gasing merupakan sejenis permainan yang mendapat perhatian umum dan ramai peminatnya. Di samping bermain

sebagai riadah dan memenuhi masa lapang, permainan ini dimeriahkan melalui perlawanan antara pasukan di peringkat kampung, daerah dan negeri.

- Guli

Permainan guli amat digemari oleh kanak-kanak di merata-rata tempat di Malaysia. Ia tidak memerlukan ruang atau padang yang luas. Di kampung-kampung, biasanya kanak-kanak bermain guli di halaman rumah. Permainan ini tidak mempunyai musim tertentu. Alat permainan ini hanya merupakan benda bulat yang diperbuat daripada batu dan kapur. Lazimnya 2 jenis guli akan digunakan iaitu guli batu dan guli kapur.

- Getah

Permainan ini dinamakan 'main getah' kerana bahan yang digunakan ialah getah halus berbentuk gelang yang digunakan sebagai pengikat bungkusan atau barang-barang kecil. Ia sesuai dimainkan oleh kanak-kanak lelaki atau perempuan dan biasanya mereka bermain di dalam rumah. Tempat bermain adalah di atas simen atau lantai papan yang tidak berlubang. Permainan ini merupakan permainan masa lapang terutama di musim hujan kerana pada masa itu kanak-kanak terpaksa berada di dalam rumah. Untuk meluangkan masa lapangnya mereka melakukan permainan ini.

- Gusti Tangan

Merupakan jenis permainan Anjung. Tujuan permainan ialah untuk merebahkan tangan lawan. Bilangan pemain ialah seorang sepasukan. Alatan yang digunakan di dalam permainan ini ialah Meja. Gelanggangnya adalah Satu ( 1 ) permukaan meja dengan lebarnya antara 0.6 – 0.8 meter; Dilukis dua ( 2 ) lengkang dengan garis pusat 0.1 meter untuk letak siku; Jarak antara dua (2) lengkang (diukur pada pusat) ialah antara 30 cm – 40 cm

- Ketingting

Merupakan jenis permainan Laman. Tujuan permainan ialah untuk mengimbang badan ke padan/ paduk. Bilangan pemain ialah beberapa pasukan atau tiga (3) orang seregu sepasukan. Alatan yang digunakan di dalam permainan ini ialah Gundu/ Tagan. Gelanggangnya adalah permukaan yang rata; dibina Rumah Ketinting yang mengandungi 9 petak segi empat sama berukuran 40 cm setiap petak iaitu Satu petak – loteng, Dua petak – serambi, Satu petak – tengah, Satu petak-kelek, Dua petak-lambur, Dua petak-tangga. Jarak paduk dengan tangga 5 meter.

- Sepak Bulu Ayam

Di beberapa daerah di negeri Johor permainan ini dikenali dengan nama ' sepak yem'. Ia sangat digemari oleh kanak-kanak lelaki di peringkat sekolah rendah. Alat yang digunakan dalam permainan ini ialah serangkai empat helai bulu ayam yang diperbuat. Rangkaian bulu ayam itu dicacak serta diikat di atas sekeping kertas tebal atau sekeping getah yang berukuran dua inci garis pusat. Permainan ini ialah menyepak bulu ayam itu ke atas, seberapa kali yang dapat tanpa jatuh ke tanah.

- Sorok-sorok

Permainan ini merupakan permainan masa lapang. Di sesetengah tempat ia dipanggil dengan nama 'main ibu' atau 'main induk'. Permainan sorok-sorok dilakukan oleh sekurang-kurangnya dua orang dan selebih-lebihnya sepuluh orang. Ia lebih sesuai dimainkan oleh kanak-kanak lelaki. Namun demikian, ada juga kumpulan kanak-kanak perempuan yang bermain sorok-sorok sesama mereka. Tujuan permainan ini adalah untuk mencari pemain-pemain yang menyorokkan diri di sesuatu tempat.



### 9.1 Sinopsis

Tajuk ini membincangkan secara khusus tajuk kebudayaan Melayu dengan memberi fokus terhadap pekerjaan dan pengurusan harta .

### 9.2 Hasil Pembelajaran

- i. Membincangkan kebudayaan Melayu dengan memberi fokus terhadap pekerjaan dan pengurusan harta dan falsafah pemikiran dalam masyarakat Melayu.

## 9.3 KEBUDAYAAN MELAYU DALAM BIDANG EKONOMI

### 9.3.1 Sistem ekonomi

Sistem ekonomi di Malaysia pada abad ke-19 sehingga tahun 1963 boleh dikategorikan kepada 2 bentuk yang utama iaitu sistem ekonomi sara diri dan sistem ekonomi komersil. Bentuk dan kegiatan ekonomi yang mereka amalkan adalah dipengaruhi daripada sistem pemerintahan pada masa dahulu. Sebagai contoh, rakyat biasa menjadi petani, pedagang; pembesar pula menjadi pemilik tapak perlombongan dan sebagainya.

### 1. PEKERJAAN

Ekonomi sara diri ialah kegiatan ekonomi yang bertujuan atau sekadar mampu untuk menampung keperluan harian keluarga. Maknanya, hasil kegiatan ekonomi akan digunakan untuk keluarga mereka. Segala kelebihan pengeluaran akan dijual, hasil jualan tersebut akan digunakan untuk membeli barang keperluan yang lain yang juga menjadi asas keperluan seperti pakaian dan sebagainya. Kegiatan ekonomi sara diri yang utama ialah bercucuk tanam, menangkap ikan dan memungut hasil hutan. Kegiatan sebegini tidak memerlukan penggunaan mata wang yang banyak.

Bagi orang Melayu yang tinggal di desa, majoritinya menjalankan aktiviti pertanian dan menangkap ikan. Aktiviti pertanian termasuk mengusahakan tanaman padi, kelapa

sawit, kelapa, dan tanaman campuran (mixed farming). Orang Melayu yang tinggal di bandar kebanyakannya bekerja dalam sector yang berbeza-beza iaitu sebagai pekerja di sektor perindustrian, perdagangan, pengangkutan, dan lain-lain.

Penguasaan ekonomi di kalangan orang Melayu di bandar masih rendah dibandingkan dengan penguasaan ekonomi oleh penduduk non-pribumi, terutamanya orang Tiong Hua. Tetapi kini telah ramai orang Melayu yang telah berjaya dalam bidang perniagaan dan menjadi ahli korporat. Ramai yang tinggal di bandar-bandar besar dan mampu memiliki kereta mewah dan rumah banglo. Selain itu itu juga, ramai orang Melayu yang mempunyai pendidikan yang tinggi, samada universiti di dalam maupun di luar negara. Sistem ekonomi komersil hanya wujud di Tanah Melayu setelah kehadiran penjajah British pada abad ke-19. Kehadiran mereka telah mempergiatkan bentuk ekonomi tersebut memandangkan mereka mengutip cukai daripada rakyat, memaksa rakyat mendapatkan duit tunai. Ini kerana mereka yang gagal menjelaskan cukai akan dihukum. Salah satu perkembangan yang nyata semasa itu dapat dilihat dalam sektor perdagangan dan perlombongan.

### a) Pertanian

Kegiatan pertanian merupakan kegiatan ekonomi sara diri masyarakat Melayu tradisional yang sangat penting. Merujuk kepadanya, padi pula merupakan tanaman utama memandangkan ia adalah makanan asasi masyarakat di rantau ini.

Di Malaysia, dua jenis padi telah diusahakan iaitu padi sawah dan padi huma (bukit). Padi sawah ditanam di kawasan rendah dan di lembah-lembah sungai yang subur dam dengan tanah alluvium. Penanaman padi sawah dipercayai diperkenalkan oleh orang Thai di negeri-negeri Melayu Utara dan orang Minangkabau di negeri-negeri Selatan.

Negeri-negeri yang terkenal dalam penanaman padi sawah di Tanah Melayu ialah Kedah, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang. Antara negeri ini, Kedah merupakan negeri yang terkenal sebagai jelapang padi negara kita. Menjelang abad ke-18, dataran Perlis dan Seberang Perai juga turut menjadi kawasan penanaman padi yang utama. Penanaman padi sawah ini berkembang dengan pesat adalah dipengaruhi oleh sistem pengairan yang digunakan sejak abad ke-19.

Air telah dibawa masuk ke sawah padi melalui tali air dan terusan. Antara terusan yang terkenal ialah Terusan Wan Mat Saman yang dibina pada tahun 1885 di Kedah. Di

Negeri Sembilan pula, kincir telah dibina untuk membawa air masuk ke sawah padi. Berbanding dengan penanaman padi sawah, padi huma ditanam secara berpindah-randah setiap kali penanaman dijalankan kerana kesuburan tanah telah hilang atau berkurangan. Biasanya, padi huma ditanam di kawasan yang bergunung-ganang. Sebagai contoh, suku kaum Dusun dari Murut di Sabah dan Sarawak yang tinggal di kawasan pedalaman melakukan kegiatan penanaman padi huma. Walau bagaimanapun, terdapat juga tanaman-tanaman lain sebagai pelengkap kepada hasil padi seperti ubi, sayur-sayuran dan sebagainya. Penanaman tanaman ini menjadi penting kerana ia merupakan "makanan selang". Selain itu, ubi juga dapat dijadikan sebahagian makanan utama sewaktu bekalan beras tidak mencukupi.

### **b) Perikanan**

Ikan merupakan sumber makanan kepada masyarakat Melayu tradisional. Kegiatan perikanan merupakan pekerjaan utama bagi masyarakat Melayu yang tinggal di tepi laut dan sungai. Hasil tangkapan akan dijadikan keperluan diri sendiri dan lebihan hasil akan dijual.

Kegiatan perikanan dapat dilihat khasnya di negeri Terengganu dan Pahang. Mereka menjalankan aktiviti mereka di antara bulan Mac hingga bulan Oktober dan dihentikan antara bulan November hingga Februari kerana masa itu merupakan musim tengkujuh. Pada musim tengkujuh, nelayan-nelayan di negeri ikan akan menangkap ikan di kolam, sungai dan sawah padi. Selain itu, mereka juga cuba memperbaiki alat-alat penangkapan mereka pada masa ini. Di laut, nelayan menggunakan pukat, jala, jaring, bubu, kelong dan rawai untuk menangkap ikan. Di sungai pula, pancing, jala, tangguk, kai, lukah, tomak dan serampang digunakan untuk menangkap ikan.

Pada masa kini kegiatan perikanan hanya dijalankan oleh golongan yang tinggal di pinggir laut dan golongan yang kurang berpendidikan. Selain itu, masyarakat Malaysia pada masa kini juga kurang berminat untuk berkecimpung dalam kegiatan perikanan kerana kerjanya yang amat sukar dan pandapatan yang rendah.

Pihak kerajaan juga menggalakan supaya golongan muda berkecimpung dalam kegiatan ini. Untuk menarik minat, pihak kerajaan telah berusaha dalam pelbagai cara antaranya ialah menubuhkan persatuan-persatuan nelayan dan banyak lagi. Perikanan juga terbahagi kpd 2 iaitu perikanan air masin dan air tawar. contoh ikan air masin ialah kerapu kerabong,tenggiri manakala contoh ikan air tawar ialah talapia,hariuan,patin

### c) Perdagangan

Kegiatan perdagangan di Tanah Melayu merupakan lanjutan daripada kegiatan perlombongan memandangkan bahan-bahan perdagangan itu sendiri lebih berasaskan kepada bahan-bahan mentah. Walau bagaimanapun, terdapat juga bahan-bahan dagangan yang berorientasikan kepada hasil-hasil pertanian.

Dalam soal perkembangan perdagangan, beberapa aspek yang berkaitan seperti sistem pengangkutan, perkapalan dan sebagainya telah dibincangkan. Dalam tahun 1879, pendapatan cukai terhadap perlombongan bijih timah dari Perak dan Selangor masing-masing berjumlah \$281823 dan \$107558. Dalam tahun 1895, eksport bijih timah mencapai paras 127714498 (89% daripada nilai jumlah eksport Negeri-negeri Melayu Bersekutu) bagi negeri Perak dan Selangor. Hasil yang banyak membolehkan British menjalankan rancangan pembinaan jalan keretapi dan sebagainya.

Pembinaan infrastruktur ini membolehkan bijih timah dieksport dengan mudah. Tetapi pengeluaran bijih timah yang banyak menyebabkan lebihan penawaran di pasaran dunia. Dengan itu, harga bijih timah telah menyusut dari 99.7 pound setan (1870-an) kepada 96.7 pound setan (1880-an). Beberapa langkah telah diambil oleh British untuk menyekat dan mengawal pengeluaran bijih timah agar harganya tidak turun. Selain bijih timah, lada hitam, rempah, gambir dan tebu juga merupakan barang dagangan yang penting. Kegiatan penanaman tumbuhan ini dapat dilihat di Johor dimana orang Cina yang berhijrah dari Singapura mengusahakan penanaman gambir; di Pulau Pinang dan Perak usaha penanaman tebu dijalankan oleh orang Eropah.

Bermula, abad ke-20, getah pula menjadi tanaman eksport atau hasil dagangan yang penting kerana ia sangat menguntungkan. Perkembangannya berhubung rapat dengan sistem pengangkutan, sebab itulah banyak kemudahan infrastruktur dibina. Perkembangan yang pesat dalam penanaman getah telah menambahkan lagi hasil perdagangan Tanah Melayu. Antara tahun 1906-1929, purata keluasan penanaman getah di Tanah Melayu telah meningkat dari 129809 hektar kepada 2971000 hektar dan eksport getah telah bertambah dari 6500 tan dalam tahun 1910 kepada 456000 tan pada tahun 1929. Harga getah juga meningkat daripada 1s3d sepaun kepada 2s6d sepaun antara tahun 1830-1900. Harganya terus menaik sehingga 8s9d sepaun pada tahun 1910. Walau bagaimanapun, pengeluaran yang tidak terkawal menyebabkan kelebihan penawaran dan harga getah telah merosot daripada 8s9d (1910) kepada 1s10d sepaun (1920-an). Fenomena ini menyebabkan British mengambil langkah untuk menyusun semula program perusahaan getah dan beberapa pendekatan telah dibuat

seperti Rancangan Sekatan Stevenson (1922-1928). Sejak 1917, kelapa sawit telah ditanam secara komersil di Selangor. Akibat kemelesetan harga getah, kawasan penanaman kelapa sawit telah meningkat dari 4900 hektar (1926) kepada 25777 hektar (1933). Hasil kelapa sawit seterusnya menjadi bahan dagangan yang penting di Tanah Melayu.

#### **d) Perlombongan**

Perlombongan di Tanah Melayu selalunya merujuk kepada perlombongan bijih timah memandangkan hasil perlombongan logam lain seperti emas adalah terlalu sedikit. Secara amnya, aktiviti ini dijalankan secara kecil-kecilan terutama oleh pembesar-pembesar Melayu. Dalam tempoh yang lebih lewat, penggunaan pam kelikir dan sebagainya telah merangsangkan hasil pengeluaran terus meningkat.

##### **Bijih timah**

Industri bijih timah merupakan satu industri yang tertua di Tanah Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Bijih timah telah menarik minat pedagang-pedagang asing dari Mediterranean, Arab, India dan China. Timah yang dilombong daripada kawasan pedalaman telah dilebur dan dijadikan timah jongkong lalu dibawa ke hilir sungai untuk diperniagakan.

Kekayaan bijih timah di Tanah Melayu dapat dibuktikan melalui seorang pengembara Arab yang bernama Abu Dulaf (abad ke-10). Beliau berkata “di seluruh dunia tidak ada lombong bijih timah seperti di Tanah Melayu”. Pada abad ke-12 pula, seorang penulis Itali mengulas bahawa bijih timah di Tanah Melayu sangat tulen dan berbahaya. Menurut sumber China pula, Melaka dan Pahang ada mengeksport bijih timah. Catatan J.F.A. McNair pula menunjukkan, bijih timah mula dilombong di Perak pada tahun 1616 di Manjung dan Beruas.

Sehingga tahun 1820-an, perlombongan bijih timah merupakan perusahaan orang Melayu. Lombong-lombong ini dikuasai oleh raja dan pembesar. Mereka menggunakan cara melampau dan mendulang untuk melombong. Hasilnya adalah terhad. Selain itu, sikap orang Melayu yang menganggap perlombongan itu hanya merupakan pekerjaan sambilan menyebabkan perkembangannya tidak pesat.

Atas inisiatif pembesar, mereka telah menggalakkan kemasukan orang Cina sebagai buruh. Keadaan ini jelas dilihat mulai tahun 1820-an, apabila orang Cina mula melibatkan diri dalam perlombongan bijih timah. Selain itu, akibat perubahan

radikal di Eropah dari segi penggunaan bijih timah, permintaan terhadapnya telah meningkat. Pengambilan buruh Cina juga dipergiatkan lagi.

Pada tahun 1840-an, perusahaan ini mula bertukar corak dengan penemuan kawasan baru, kemasukan modal Cina dan pengenalan cara-cara perlombongan yang lebih efektif oleh orang Cina. Keadaan ini telah membawa perubahan kekuasaan dan kaitan politik orang Cina di Tanah Melayu secara keseluruhan. Keadaan ini telah memberi peluang kepada British untuk campur tangan dalam hal-hal pentadbiran Tanah Melayu. Selain itu, kerajaan British juga berusaha untuk mewujudkan suasana yang menyenangkan kepada perkembangan perusahaan bijih timah swasta kepunyaan orang Eropah. Mereka menggunakan kapal korek untuk melombong. Penggunaan kapal korek dapat melombong dengan banyak tetapi kaedah ini memerlukan belanja yang tinggi. Dengan itu, perusahaan bijih timah oleh orang Cina mulai diambil alih oleh syarikat Eropah kerana teknik kapal korek yang dapat melombong dengan cepat dan akhirnya menjual perusahaan lombong bijih timah mereka kepada syarikat British.

### **Emas**

Menurut J. Kennedy, perlombongan emas mungkin telah dijalankan berhampiran dengan Melaka pada zaman Neolitik lagi dan kenyataan ini mungkin benar kerana semenjak dahulu, emas merupakan dagangan yang penting di Tanah Melayu sehingga Tanah Melayu dikenali sebagai Semenanjung Emas atau Semenanjung Kencana. Dinyatakan bahawa di Pahang terutamanya di Kuala Lipis, perlombongan emas telah dijalankan selewat-lewatnya semenjak abad ke-16 lagi. Perusahaan ini pada umumnya merupakan perusahaan orang Melayu dan jumlah pengeluarannya adalah kecil.

Pada tahun 1889, Raub Australian Gold Mining Company (oleh orang Australia) telah ditubuhkan. Ia merupakan syarikat perlombongan emas yang terpenting di Tanah Melayu dan ditutup pada tahun 1960-an.

### **Arang batu**

Perlombongan arang batu dijalankan di Batu Arang (Selangor) dan Enggor (Perak). Kegiatan ini dijalankan oleh Syarikat Malayan Collieries semenjak tahun 1915. Arang batu yang diperolehi telah dijual dalam pasaran tempatan kepada Keretapi Tanah Melayu, stesen-stesen kuasa dan lombong bijih timah. Dalam tahun 1950-an,

pengeluaran arang batu mula merosot sebagai akibat persaingan dengan bahan api minyak. Dengan itu, lombong arang batu di Batu Arang telah ditutup pada tahun 1960.

### **Bijih besi**

Perlombongan bijih besi hanya dijalankan oleh syarikat-syarikat Jepun hanya selepas Perang Dunia I di Johor dan Terengganu serta Kelantan. Bijih besi ini kemudian dieksport ke negara Jepun dan menjelang tahun 1938, kira-kira setengah daripada jumlah import bijih besi Jepun datangnya dari Tanah Melayu.

### **Bauksit**

Bauksit hanya mula dikenali dan dijalankan perlombongannya pada tahun 1936 di Bukit Pasir berhampiran dengan Batu Pahat. Sebelum Perang Dunia II, dua lombong bauksit telah dibuka iaitu diPerigi Aceh dan Sri Medan. Namun kedua-dua lombong tersebut telah ditutup pada tahun 1941 apabila meletusnya Perang Dunia II. Kebanyakan hasil bauksit Tanah Melayu dieksport ke negara Jepun dan hanya sebahagian kecil sahaja dieksport ke Australia dan Taiwan

## **2. PENGURUSAN HARTA**

### a) Pertama : Cara Pemilikan Harta Dalam Islam (Al-Milkiyah)

Sistem Ekonomi Islam berbeza sama sekali dengan sistem ekonomi kufur buatan manusia. Sistem ekonomi Islam adalah sempurna kerana berasal dari wahyu, dan dari segi pemilikan, ia menerangkan kepada kita bahawa terdapat tiga jenis pemilikan:-

- **Hak Milik Umum** : meliputi mineral-mineral dalam bentuk pepejal, cecair dan gas termasuk petroleum, besi, tembaga, emas dan sebagainya yang didapati sama ada di dalam perut bumi atau di atasnya, termasuk juga segala bentuk tenaga dan intensif tenaga serta industri-industri berat. Semua ini merupakan hak milik umum dan wajib diuruskan (dikelola) oleh Daulah Islamiyah(negara) manakala manfaatnya wajib dikembalikan kepada rakyat.
- **Hak Milik Negara** : meliputi segala bentuk bayaran yang dipungut oleh negara secara syar'ie dari warganegara, bersama dengan perolehan dari pertanian, perdagangan aktiviti industri, di luar dari lingkungan pemilikan umum di atas. Negara membelanjakan perolehan tersebut untuk kemaslahatan negara dan rakyat.

- **Hak Milik Individu** : selain dari kedua jenis pemilikan di atas, harta-harta lain boleh dimiliki oleh individu secara syar'ie dan setiap individu itu perlu membelanjakannya secara syar'ie juga.

b) Kedua : Cara Pengelolaan Kepemilikan (At-Tasharruf Fi Al Milkiyah)

Secara dasarnya, pengelolaan kepemilikan harta kekayaan yang telah dimiliki mencakup dua kegiatan, iaitu:-

- **Pembelanjaan Harta (Infaqul Mal)**

Pembelanjaan harta (infaqul mal) adalah pemberian harta kekayaan yang telah dimiliki. Dalam pembelanjaan harta milik individu yang ada, Islam memberikan tuntunan bahawa harta tersebut haruslah dimanfaatkan untuk nafkah wajib seperti nafkah keluarga, infak fi sabilillah, membayar zakat, dan lain-lain. Kemudian nafkah sunnah seperti sedekah, hadiah dan lain-lain. Baru kemudian dimanfaatkan untuk hal-hal yang mubah (harus). Dan hendaknya harta tersebut tidak dimanfaatkan untuk sesuatu yang terlarang seperti untuk membeli barang-barang yang haram seperti minuman keras, babi, dan lain-lain.

- **Pengembangan Harta (Tanmiyatul Mal)**

Pengembangan harta (tanmiyatul mal) adalah kegiatan memperbanyak jumlah harta yang telah dimiliki. Seorang muslim yang ingin mengembangkan harta yang telah dimiliki, wajib terikat dengan ketentuan Islam berkaitan dengan pengembangan harta. Secara umum Islam telah memberikan tuntunan pengembangan harta melalui cara-cara yang sah seperti jual-beli, kerja sama syirkah yang Islami dalam bidang pertanian, perindustrian, maupun perdagangan. Selain Islam juga melarang pengembangan harta yang terlarang seperti dengan jalan aktiviti riba, judi, serta aktiviti terlarang lainnya. Pengelolaan kepemilikan yang berhubungan dengan kepemilikan umum itu adalah hak negara (Daulah Islamiyah), kerana negara (Daulah Islamiyah) adalah wakil ummat. Meskipun menyerahkan kepada negara (Daulah Islamiyah) untuk mengelolanya, namun Allah SWT telah melarang negara (Daulah Islamiyah) untuk mengelola kepemilikan umum tersebut dengan jalan menyerahkan penguasaannya kepada orang tertentu. Sementara mengelola dengan selain dengan cara tersebut diperbolehkan, asal tetap berpijak kepada hukum-hukum yang telah dijelaskan oleh syara' Adapun pengelolaan kepemilikan yang berhubungan dengan kepemilikan negara (Daulah Islamiyah) dan kepemilikan individu, nampak jelas dalam hukum-hukum baitul mal serta hukum-hukum

muamalah, seperti jual-beli, gadai (rahn), dan sebagainya. As Syari' juga telah memperbolehkan negara (Daulah Islamiyah) dan individu untuk mengelola masing-masing kepemilikannya, dengan cara tukar menukar (mubadalah) atau diberikan untuk orang tertentu ataupun dengan cara lain, asal tetap berpijak kepada hukum-hukum yang telah dijelaskan oleh syara'.

- c) Ketiga : Cara Edaran Kekayaan Di Tengah Masyarakat (Tauzi'ul Tsarwah Tayna An-Naas)

Kerana edaran harta kekayaan termasuk masalah yang sangat penting, maka Islam memberikan juga berbagai ketentuan yang berkaitan dengan hal ini. Mekanisme edaran harta kekayaan terwujud dalam hukum syara' yang ditetapkan untuk menjamin pemenuhan barang dan perkhidmatan bagi setiap individu rakyat. Mekanisme ini dilakukan dengan mengikuti ketentuan sebab-sebab kepemilikan (contohnya, bekerja) serta akad-akad muamalah yang wajar (contohnya jual-beli dan ijarah).

Namun demikian, perbezaan potensi individu dalam masalah kemampuan dan pemenuhan terhadap suatu keperluan, boleh menyebabkan perbezaan edaran harta kekayaan tersebut di antara mereka. Selain itu perbezaan antara masing-masing individu mungkin saja menyebabkan terjadinya kesalahan dalam edaran harta kekayaan. Kemudian kesalahan tersebut akan membawa hanya harta kekayaan teredar kepada segelintir orang saja, sementara yang lain kekurangan, sebagaimana yang terjadi akibat penimbunan harta, seperti emas dan perak.

Oleh kerana itu, syara' melarang berputarnya kekayaan hanya di antara orang-orang kaya namun mewajibkan perputaran tersebut terjadi di antara semua orang. Allah SWT berfirman :

*"Supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu."* (QS. Al-Hasyr : 7)

Di samping itu syara' juga telah mengharamkan penimbunan emas dan perak (harta kekayaan) meskipun zakatnya tetap dikeluarkan. Dalam hal ini Allah SWT berfirman :

*"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka, (bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih."* (QS. At-Taubah : 34)

### **Mekanisme Sistem Ekonomi Islam**

Secara umum mekanisme yang ditempuh oleh sistem ekonomi Islam dikelompokkan menjadi dua, iaitu:-

## **1. Mekanisme Ekonomi**

Mekanisme ekonomi adalah mekanisme melalui aktiviti ekonomi yang bersifat produktif, berupa berbagai kegiatan pengembangan harta (tanmiyatul mal) dalam akad-akad muamalah dan sebab-sebab kepemilikan (asbab at-tamalluk). Berbagai cara dalam mekanisme ekonomi ini, antara lain :

- Membuka kesempatan seluas-luasnya bagi berlangsungnya sebab-sebab kepemilikan dalam kepemilikan individu (misalnya, bekerja di sektor pertanian, industri, dan perdagangan).
- Memberikan kesempatan seluas-luasnya bagi berlangsungnya pengembangan harta (tanmiyah mal) melalui kegiatan investasi (misalnya, dengan syirkah inan, mudharabah, dan sebagainya).
- Larangan menimbun harta benda (wang, emas, dan perak) walaupun telah dikeluarkan zakatnya. Harta yang ditimbun tidak akan berfungsi pada ekonomi. Pada gilirannya akan menghambat peredaran kerana tidak terjadi perputaran harta.
- Mengatasi peredaran dan pemusatan kekayaan di satu daerah tertentu saja misalnya dengan memeratakan peredaran modal dan mendorong tersebarnya pusat-pusat pertumbuhan.
- Larangan kegiatan monopoli, serta berbagai penipuan yang dapat menjamin pasaran.
- Larangan judi, riba, rasuah, pemberian barang dan hadiah kepada penguasa. Semua ini akan mengumpulkan kekayaan pada pihak yang kuat semata (seperti penguasa atau koperat).
- Memberikan kepada rakyat hak pemanfaatan barang-barang milik umum (al-milkiyah al-amah) yang dikelola negara seperti hasil hutan, barang galian, minyak, elektrik, air dan sebagainya demi kesejahteraan rakyat.

## **2. Mekanisme Non-Ekonomi**

Mekanisme non-ekonomi adalah mekanisme yang tidak melalui aktiviti ekonomi yang produktif, melainkan melalui aktiviti non-produktif, misalnya pemberian (hibah, sedekah, zakat, dll) atau warisan. Mekanisme non-ekonomi dimaksudkan untuk

melengkapi mekanisme ekonomi. Iaitu untuk mengatasi peredaran kekayaan yang tidak berjalan sempurna jika hanya mengandalkan mekanisme ekonomi semata.

Mekanisme non-ekonomi diperlukan baik kerana adanya sebab-sebab alamiah maupun non-alamiah. Sebab alamiah misalnya keadaan alam yang tandus, badan yang cacat, akal yang lemah atau terjadinya musibah bencana alam. Semua ini akan dapat menimbulkan terjadinya gangguan ekonomi dan terhambatnya edaran kekayaan kepada orang-orang yang memiliki keadaan tersebut.

Dengan mekanisme ekonomi biasa, edaran kekayaan boleh tidak berjalan kerana orang-orang yang memiliki hambatan yang bersifat alamiah tadi tidak dapat mengikuti kegiatan ekonomi secara normal sebagaimana orang lain. Bila dibiarkan saja, orang-orang itu, termasuk mereka yang tertimpa musibah (kecelakaan, bencana alam dan sebagainya) makin terpinggirkan secara ekonomi. Mereka akan menjadi masyarakat yang miskin terhadap perubahan ekonomi. Bila terus berlanjut, boleh menyebabkan munculnya masalah sosial seperti jenayah (curi, rompak), rogol (pelacuran), dan sebagainya, bahkan mungkin revolusi sosial.

Mekanisme non-ekonomi juga diperlukan kerana adanya sebab-sebab non-alamiah, iaitu adanya penyimpangan mekanisme ekonomi. Penyimpangan mekanisme ekonomi ini jika dibiarkan akan boleh menimbulkan ketimpangan edaran kekayaan. Bila penyimpangan terjadi, negara wajib menghilangkannya. Misalnya jika terjadi monopoli, hambatan masuk, baik administratif maupun non-administratif-- dan sebagainya, atau kejahatan dalam mekanisme ekonomi (misalnya penimbunan), harus segera dihilangkan oleh negara.

Mekanisme non-ekonomi bertujuan agar di tengah masyarakat segera terwujud keseimbangan (al-tawazun) ekonomi, yang akan ditempuh dengan beberapa cara.

Penedaran harta dengan mekanisme non-ekonomi antara lain adalah :

- Pemberian harta negara kepada warga negara yang dinilai memerlukan.
- Pemberian harta zakat yang dibayarkan oleh muzakki kepada para mustahik.
- Pemberian infaq, sedekah, wakaf, hibah dan hadiah dari orang yang mampu kepada yang memerlukan.
- Pembagian harta waris kepada ahli waris dan lain-lain.

Demikianlah gambaran sekilas tentang asas-asas sistem ekonomi Islam. Untuk memberikan pemahaman yang lebih luas dan dalam, maka perincian seluruh aspek yang dikemukakan di atas perlu dilakukan.

## **Perekonomian Islam**

Perekonomian Islam ialah ekonomi menurut undang-undang Islam. Adanya dua paradigma untuk memahami Perekonomian Islam, dengan satunya menganggap rangka politik Islam (iaitu Khilafah), dan yang lain itu menganggap rangka politik bukan Islam yang melahirkan suatu paradigma yang bertujuan untuk menyepadukan sesetengah rukun Islam yang terkenal ke dalam sebuah rangka ekonomi sekular.

Paradigma pertama bertujuan untuk mentakrifkan semula masalah ekonomi sebagai suatu masalah pengagihan sumber untuk mencapai:

- Keperluan-keperluan asas dan mewah para orang perseorangan di dalam masyarakat;
- Membina pasaran etika yang mempunyai persaingan kerjasama;
- Memberikan ganjaran kepada penyerta-penyerta kerana terdedah kepada risiko dan/atau liabiliti;
- Membahagikan harta-harta secara adil antara kegunaan awam dan kegunaan peribadi; dan negara memainkan peranan yang jelas terhadap pengawasan, percukaian, pengurusan harta awam dan memastikan peredaran kekayaan.

Gerakan-gerakan Islam yang menyeru agar politik dibaharui umumnya akan mencadangkan paradigma ini untuk menjelaskan bagaimana mereka akan memperkenalkan pembaharuan ekonomi. Bagaimanapun, paradigma kedua hanya mencadangkan dua hukum utama, iaitu:

- Faedah tidak boleh dikenakan pada pinjaman;
- Pelaburan harus menepati tanggungjawab sosial

Perbezaan utama dari segi kewangan ialah peraturan tiada faedah kerana paradigma pelaburan Islam yang menepati tanggungjawab sosial tidak amat berbeza dengan apa yang diamalkan oleh agama-agama yang lain. Dalam percubaannya untuk melarang faedah, ahli-ahli ekonomi Islam berharap untuk menghasilkan sebuah masyarakat yang lebih bersifat Islam. Bagaimanapun, gerakan-gerakan liberal dalam agama Islam mungkin akan manafikan keperluan untuk perkara ini kerana mereka umumnya melihat Islam sebagai secocok dengan institusi-institusi dan undang-undang sekular moden.

## Aktiviti 1.

Bincangkan secara terperinci tentang kebudayaan Melayu dalam bidang sosial dan ekonomi

### Rujukan

A. Aziz Deraman. (1994). Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.

Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah). Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.

Amat Juhari Moain. (1990). Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

A R Radcliffe-Brown. (1980). Struktur DanFungsi Dalam Masyarakat Primitif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azmah Abdul Manaf. (2005). Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hanafi Dollah et.al. (1999). Adat dan Perubahan Sosial dalam Masyarakat Melayu. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.

John Beattie. (1979). Lain-Lain Kebudayaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Taib Osman. (1989). Masyarakat Melayu – Struktur, Organisasai dan Manifestasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid. (2011). " Budaya dan Pembelajaran". Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Tajuddin Hj. Hussein. Malaysia Negara Kita. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn Bhd.


Zawiah Abdul Shukor. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah). Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia

**TAJUK 10****PENGARUH LUAR DALAM MASYARAKAT MELAYU****10.1 Sinopsis**

Bahagian ini mengandungi pangaruh luar dalam masyarakat Melayu iaitu pengaruh Hindu, pengaruh barat, pengaruh Islam dan lain-lain dalam masyarakat Melayu.

**10.2 Hasil Pembelajaran**

- i. Menjelaskan pengaruh budaya luar dalam masyarakat Melayu
- ii. Membincangkan kesan pengaruh luar terhadap masyarakat Melayu

**10.3 Kerangka Tajuk****10.4 Fahaman asal masyarakat Melayu:**

Masyarakat Melayu pada asalnya berfahaman animisme. Animisme merupakan fahaman yang percaya akan kuasa ghaib. Oleh sebab masyarakat tersebut tidak dapat

menghuraikan gejala atau fenomena alam ini seperti hujan, gerhana, sakit dan sebagainya, maka mereka mengaitkan gejala tersebut dengan kuasa luar biasa. Pelbagai nama diberikan kepada kuasa luar biasa, antaranya penunggu, hantu, jembalang, dan sebagainya.

Mereka turut percaya bahawa tempat-tempat tertentu seperti di dalam hutan, di tengah laut, di gunung, terdapat penunggu yang perlu dihormati. Hingga kini, kepercayaan terhadap perkara tersebut masih wujud walaupun pengaruh Islam begitu luas. Misalnya, masyarakat Melayu percaya bahawa punca sesuatu penyakit disebabkan tersampuk, saka, terkena buatan orang dan sebagainya.

Fahaman terhadap perkara-perkara tersebut dimanifestasikan melalui penggunaan tangkal, mantera dan tindakan melalui upacara tertentu, menyemah dan sebagainya. Bagi mengelakkan sesuatu yang buruk berlaku ketika mengunjungi tempat-tempat yang dipercayai berpenunggu, seperti hutan, mereka menggunakan ungkapan tertentu contohnya, “Tabik Tok Nenek, cucu nak lalu’ bagi memujuk penunggu di hutan tersebut agar tidak mengapa-apakan mereka.

### **10.5 Pengaruh Hindu**

Apabila pengaruh Hindu masuk ke alam Melayu yang dibawa oleh pedagang dan penyebar agama tersebut, kepercayaan Hindu menjadi cara hidup masyarakat. Upacara mandi safar misalnya merupakan pengaruh Hindu yang mengambil amalan orang Hindu. Penganut agama Hindu mengamalkan mandi di Sungai Ganges bagi membuat segala kejahatan.

Penyerapan amalan Hindu turut berlaku dalam majlis perkahwinan. Amalan menepung tawar, bersiram di pancapersada, merupakan satu daripadanya. Ketika mengandung, upacara melenggang perut juga diambil daripada amalan Hindu. Melenggang perut diadakan untuk mengetahui jantina bayi. Buah kelapa akan diletakkan di atas perut ibu, dan selepas itu kelapa itu dibiarkan jatuh. Sekiranya jatuh ke kiri ibu itu dikatakan akan melahirkan anak lelaki dan sekiranya jatuh ke kanan akan melahirkan anak perempuan. Dari segi bahasa, banyak kosa kata Sanskrit yang dibawa oleh Hindu diserapkan dalam bahasa Melayu. Hal ini menjadikan kosa kata bahasa Melayu lebih luas. Hindu juga

membawa sastera lisan mereka. Cerita penglipur lara merupakan cerita lisan yang popular dan berkembang khususnya dalam kalangan istana.

Pengaruh Hindu juga terdapat dalam kesenian Melayu. Motif-motif yang berlambangkan haiwan seperti gajah, ular dan sebagainya terdapat dalam seni ukiran yang menghiasi rumah dan barang-barang perhiasan. Muzik tradisional Hindu turut masuk dalam masyarakat Melayu khususnya di istana.

### **10.5 Pengaruh Islam**

Selepas Hindu, pengaruh Islam pula berkembang dengan kedatangan mubaligh ke rantau ini. Mengikut Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob dalam kertas kerjanya bertajuk Islam dalam Mempengaruhi Pemikiran Melayu (2003), pengaruh agama Islam terhadap orang Melayu sangat kuat. Hal ini terbukti apabila pengaruh Hindu terhakis sedikit demi sedikit lalu digantikan dengan amalan Islam. Amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam digugurkan walaupun tidak sepenuhnya. Penyerahan diri kepada Allah merupakan satu daripada amalan yang dilakukan oleh kebanyakan orang Melayu. Agama Islam telah mengubah cara pemikiran orang Melayu. Agama Islam menyuruh umatnya berfikir untuk menerapkan unsur-unsur rasionalisme dalam pemikiran mereka.

Budaya Arab yang merupakan sebahagian daripada agama Islam telah dipelajari oleh orang Melayu dan ini menyebabkan berlakunya perubahan besar dalam cara hidup mereka. Hampir setiap negeri di Tanah Melayu dan Brunei dianggap sebagai negara Islam dengan mengambil sempena nama-nama syurga (Darul Ridzuan, Darul Iman, Darul Takzim dan lain-lain). Antara unsur budaya Arab (Islam) yang terserap termasuklah bahasa. Banyak kosa kata Arab terdapat dalam bahasa Melayu. Antaranya termasuklah konsep ibadat seperti fardu, solat, azan dan sebagainya.

Pendidikan turut berkembang dengan adanya pengaruh Islam. Madrasah dibina untuk menyebarkan dan meluaskan pengetahuan tentang ajaran Islam. Pengajian pondok begitu popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal yang demikian menyebabkan lahirnya masyarakat yang berpendidikan dan celik ilmu.

Bentuk tulisan Arab juga diterima dan digunakan seluas-luasnya oleh masyarakat. Tulisan tersebut dinamakan tulisan jawi oleh orang Melayu. Ahli-ahli bahasa telah mengubah suai huruf Arab tersebut dengan menambahkan titik diakritis pada huruf yang sedia ada supaya dapat membunyikan perkataan Melayu yang tiada dalam tulisan Arab seperti huruf 'p' dan 'g'. Ekoran hal tersebut, kitab Islam tersebar luas menggunakan tulisan jawi dan ini dapat difahami oleh kebanyakan orang. Jika pada zaman Hindu, sastera tulisannya lebih berpusat di istana, pada zaman Islam, sastera turut berkembang dalam kalangan rakyat jelata.

Pengaruh Islam juga terdapat dalam seni bina. Reka bentuk ukirannya berbentuk geometri bagi mengantikan bentuk-bentuk haiwan yang tidak dibenarkan oleh Islam. Reka bentuk ini terdapat pada rumah Melayu, masjid dan barang-barang perhiasan.

Sungguhpun demikian, pengaruh Hindu dan animisme tidak terhapus seratus-peratus. Masih terdapat pengaruh tersebut dalam kehidupan masyarakat Melayu. Terdapat sebahagian masyarakat yang mencampuradukkan ajaran Islam dengan Hindu dan animisme. Doa dicampuradukkan dengan jampi mantera dan pemujaan terhadap makhluk halus. Hal ini terdapat dalam kesenian seperti wayang kulit, makyung, kuda kepang dan beberapa kesenian lain.

## **10.6 Pengaruh Barat**

Kedatangan Barat berlaku selepas kedatangan Islam kerana penjajahan. Sebelum itu, aktiviti perdagangan berlaku. Kedatangan mereka turut mempengaruhi orang Melayu. Apabila barat menjajah rantau ini, nilai barat menular dalam masyarakat yang kadangkala bertentangan dengan ajaran Islam. Pergaulan terlalu bebas, hiburan melampaui batas agama merupakan pengaruh yang negatif.

Walau bagaimanapun, terdapat kesan yang positif hasil pengaruh barat misalnya teknologi moden dalam bidang pertanian, perindustrian dan perkomputeran yang dapat mengembangkan ekonomi masyarakat Melayu. Dari segi bahasa, banyak kosa kata yang terserap yang dapat mengungkapkan pelbagai idea dan maklumat selaras dengan arus globalisasi.

Kedatangan Inggeris yang membuka peluang pendidikan yang lebih luas kepada masyarakat Melayu, khususnya golongan bangsawan yang kemudiannya dibuka kepada orang awam. Ini mempengaruhi budaya fikir orang Melayu. Di sekolah, anak-anak orang Melayu didedahkan kepada kaedah, idea dan kosmologi sains. Alam semangat dan alam rohaniah orang Melayu semakin lama semakin terpencil terutamanya dalam kalangan mereka yang telah dididik dengan alam sekular sains. Sebab-musabab saintifik menggantikan konsep magis. Ubat-ubatan kimia menggantikan jampi serapah.



### 10.7 Pengaruh Lain

Orang Cina datang ke Tanah Melayu pada zaman pemerintah Inggeris. Mereka bekerja di lombong-lombong bijih di samping menjalankan perniagaan. Komunikasi berlaku antara pelbagai kaum yang mendiami negara ini. Dalam hal ini, perhubungan antara masyarakat Melayu dan masyarakat Cina telah menyebabkan kosa kata bahasa Cina meresap dalam bahasa Melayu.

Kebanyakan kata pinjaman daripada bahasa cina yang terdapat dalam bahasa Melayu mengekalkan bunyi dan makna asal dalam bahasa cina walaupun sesetengahnya mengalami perubahan makna. Contoh kosa kata yang terserap dalam bahasa Melayu ialah tanglung, teko, beca, amoi, apek, singse, suun, lobak, tocang, amah, angpau, capcai, pau, dan taugeh,

Dari segi masakan, makanan cina turut meresap dalam budaya masyarakat Melayu. Jenis-jenis masakan yang mengandungi kicap soya, sos tiram, dan bebola ikan, ayam atau daging merupakan pengaruh daripada budaya Cina yang kini menjadi sebahagian daripada makanan popular masyarakat Melayu.

Pemberian sampul yang berisi wang kepada kanak-kanak atau orang muda pada hari raya merupakan pengaruh yang kian sebatи dalam masyarakat Melayu, malah pemberian ini turut dinamakan angpau bagi kebanyakan mereka. Amalan ini diterima kerana tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

### **AKTIVITI 1:**

Bincangkan dengan lebih lanjut tentang pengaruh luar dalam masyarakat Melayu yang meliputi aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik.

#### **Rujukan**



Abdul Halim Ali (2003). *Bingkisan Sastera*. Diwangsa Publications & Distributors Sdn., Bhd.

Conrad Phillip Kottak (1986). *Cultural Anthropology*. Michigan: University of Ann Arbor.

Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gazali Dunia (1992). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Md. Nor (1996). *Puisi Melayu Tradisional*. Selangor: Penerbitan Fajar Bakti.

Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ezani Yusoff (Tanpa Tarikh). *Kesenian Melayu*. <http://bobezani.tripod.com/budaya.htm>. Diakses pada 08 Oktober 2011.


### 11.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi puisi tradisional, prosa tradisional dan puisi moden.

### 11.2 Hasil Pembelajaran

Mengkaji dan menerangkan kebudayaan Melayu dalam puisi tradisional, prosa tradisional dan puisi moden.

### 11.3 Kerangka Tajuk



### 11.4 Puisi Tradisional

Aripin Said, (1994 : vii), puisi tradisional sebagai satu daripada hasil sastera amat berfungsi dalam kehidupan masyarakat lalu. Puisi-puisi yang dimaksudkan itu bukan sahaja didengar sebagai satu pengucapan yang indah tetapi lebih jauh dari itu ia digunakan dalam upacara tertentu dalam kehidupan masyarakat.

Mohd. Yusof Md. Nor & Abd. Rahman Kaeh (1985 : v, xviii-xix), puisi-puisi tradisional merupakan warisan leluhur kita, yang lahir dari daya kreatif, berdasarkan pemikiran dan pengalaman orang tua-tua. Puisi-puisi ini beraneka ragam bentuknya itu dicipta atau digubah dengan menampilkan warna suasana masyarakat Melayu, dan dilatari kekayaan alam semula jadi berlatarkan alam Melayu.

Muhammad Haji Salleh (2006) (Aripin Said, (1994) dan Mohd. Yusof Md. Nor & Abd. Rahman Kaeh (1985) berpendapat puisi tradisional mempunyai fungsi khusus seperti berikut:

- I. Mereka yang ahli dalam bidang berikut (dijadikan pakar rujuk)  
jampi mantera : ucapan menghalau makhluk halus penyebab penyakit (psikologi)  
pantun : menjadi "kepala" dam masyarakat – istiadat/upacara tertentu  
meminang/perkahwinan  
syair : suara yang merdu memperdengarkan syair kepada khalayak
- II. Unsur hiburan tetangga bertemu, anak muda mencari pasangan, kekasih merayakan kebebasan, cerita dipanjangkan dan persembahan dinikmati. Memberi semacam "katarsis" kepada khalayaknya. Bahasa yang digunakan beradab dan beradat yang dicipta (bahasa rasmi)- bahasa sastera yang dicipta dan diterima bersama.
  - Unsur didaktik
  - Unsur intelek
  - Mereka mendatangi penglipurlara seperti mendatangi sebuah pesta, yang pada kebiasannya
    - turut diiringi dengan irungan muzik – pantun joget, syair – penglipurlara
- III. Penyalur unsur-unsur didaktis, adat istiadat, serta undang-undang yang diamalkan oleh masyarakat ketika itu.
- IV. Aspek ritual atau upacara baik berupa magis mahupun berunsur agama atau hiburan.

Yang berupa cerita :

Syair, talibun dan prosa berirama (prosa lirik)

Yang bukan cerita :

Jampi dan mantera, teromba, gurindam dll.

Sebahagian mereka turut terlibat sebagai 'penglipurlara' merupakan orang yang djadikan tempat "pelarian" kepada kesusahan (*escapisme*) baik kepada khalayak mahupun kepada penglipur lara itu sendiri. Secara tidak langsung merupakan "institusi pendidikan tidak formal" untuk masyarakat zaman silam.

Ternyata, bentuk-bentuk puisi yang dapat bertahan sampai hari ini tidaklah banyak. Fungsinya telah jauh menyimpang. Hanya sesekali, pantun digunakan dalam upacara tertentu (emcee), program media-massa – berbalas pantun, bidang kebahasaan (Bahasa Malaysia), puisi yang dinyanyikan dengan irungan muzik rentak Melayu asli. Kebanyakan puisi-puisi yang lain hampir tidak diamalkan lagi sebagaimana lazimnya masa dahulu. Penggunaan teromba pada zaman ini dalam pesta perkahwinan/istiadat peminangan telah disingkatkan kerana dianggap "membuang masa".

Harun Mat Piah : (1989 : 4), sehingga kini puisi masih lagi berfungsi sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat melalui kegiatan-kegiatan hidup mereka.

Justeru, puisi-puisi Melayu lama amat cepat mesra dan digemari oleh masyarakat Melayu suatu ketika dahulu, bahkan sebahagiannya dapat bertahan sejak dahulu hingga sekarang. Oleh yang demikian, maka pelestarian cerminan pemikiran zaman bahari dengan kepelbagaian nilai budayanya akan dapat dimanfaatkan atau paling tidak sebagai iktibar dalam kehidupan kini. Usaha untuk memartabatkan Bahasa Malaysia dalam puisi tradisional yang berkONSEPkan "1 Malaysia".

#### Genre puisi tradisional

Harun Mat Piah dalam tesisnya Puisi Melayu Tradisional : Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi (1989 : 38-39) telah menemukan 34 buah istilah puisi yang mentakrifkan seperti yang berikut:

1. Pantun
2. Syair
3. Gurindam
4. Seloka
5. Pantun Seloka
6. Talibun
7. Perbilangan
8. Kata adat
9. Perbilangan adat
10. Teromba
11. Tambo
12. Terasul
13. Bahasa berirama
14. Sesomba
15. Peribahasa berirama
16. Peribahasa berangkap
17. Prosa berirama (prosa lirik)
18. Rejang
19. Dikir (zikir)
20. Jampi dan mantera
21. Teka-teki
22. Endoi
23. Bayt
24. Nazam
25. Rubai'
26. Kit'ah
27. Masnawi
28. Ghazal
29. Berzanji
30. Marhaban
31. Qasidah
32. Hadrah
33. Dabus
34. Puisi-puisi sukuan

Namun begitu beliau telah memendekkan senarai ini kepada suatu jumlah yang lebih kecil (12 sahaja) seperti berikut:

1. pantun
2. syair
3. nazam
4. gurindam
5. seloka
6. teka-teki
7. peribahasa berangkap
8. teromba
9. talibun (sesomba)
10. prosa berirama/prosa lirik,
11. mantera
12. zikir/dikir

## PANTUN

Pantun adalah suatu bentuk sastera lisan dan masih kekal kedudukannya sehingga kini. Tidak dapat ditentukan tarikh penciptaannya. Pantun telah wujud dan terkenal sejak dari zaman permulaan yang dikatakan lebih daripada kedatangan Hindu. Dikatakan sebagai satu-satunya puisi Melayu tradisional yang paling asli dan lahir di rantau Alam Melayu. Menurut Harun Mat Piah (1989), dari segi tema dan isi. Pantun dapat dibahagikan kepada tujuh iaitu pantun kanak-kanak, pantun cinta dan kasih sayang, telatah dan cara hidup masyarakat, pantun teka-teki, pantun puji-pujian atau sambutan, pantun nasihat, agama dan adat, pantun naratif/cerita. Pantun-pantun ini memiliki gaya bahasa dan lambang yang sesuai dengan norma dan nilai masyarakat setempat. Pantun sebagai milik semua lapisan masyarakat, mampu membawa pelbagai tema, persoalan dan mesej.

Menurut Harun Mat Piah (1989) Kata akar *tun* dalam bahasa Pampanga *tuntun* yang bererti teratur; dalam bahasa Tagalog *tonton*, mengucapkan sesuatu dengan susunan yang tertentu; dalam bahasa Jawa Kuno *tuntun* bererti benang, *atuntun*, teratur dan *matuntun*, bererti memimpin. Dalam bahasa Bisaya, *panton* bermakna mendidik; bahasa Toba, *pantun* adalah kesopanan.

Ringkasnya, akar kata *tun* dalam bahasa-bahasa nusantara merujuk kepada sesuatu yang teratur, yang lurus, baik secara konkret atau abstrak. Selain itu, juga merupakan sebagai bentuk atau cara yang teratur dalam melahirkan sesuatu maksud atau fikiran dalam baris-baris yang pendek, mempunyai rima hujung yang tetap, dengan ringkas dan padat.

Sejarah penciptaan : (HMP : 1986 : 117)

Pemakaian bunyi-bunyi (sebunyi) dalam baris yang berirama menjadi saranan kepada yang lain sehingga mendorong kepada pembentukan pantun dalam tradisi Melayu. Terdapatnya hubungan pembayang dengan maksud. (HMP : 109 - 114)

- padi – jadi
- belanak – beranak
- retak – hendak

- dingin – ingin
- lurus – kurus

### **Contoh Pantun Dua Kerat**

Sudah gaharu cendana pula;  
Sudah tahu bertanya pula.

Lain dulang lain kakinya;  
Lain orang lain hatinya.

Dahulu parang sekarang besi;  
Dahulu sayang sekarang benci.

Hujung bendul dalam semak;  
Kerbau mandul banyak lemak.

Kayu lurus dalam ladang;  
Kerbau kurus banyak tulang.

### **Contoh Pantun Empat Kerat**

Cahaya redup menyegar padi,  
Ayam berk Kokok mengirai tuah;  
Jikalau hidup tidak berbudi,  
Umpama pokok tidak berbuah.

Anak merpati disambar helang,  
Terbang ketitir di dalam huma;  
Harimau mati meninggalkan belang,  
Manusia mati meninggalkan nama.

### **Contoh Pantun Enam Kerat**

Nyiur gading tinggi menjulang,  
Masak ketupat berisi inti,  
Buah delima di dalam cawan;  
Hancur daging berkisi tulang,  
Belum dapat belum berhenti,  
Hendak bersama denganmu tuan.

### **Contoh Pantun Berkait**

Bunga melur sempaka biru,  
Bunga rampai di dalam puan;  
Tujuh malam semalam rindu,  
Belum sampai padamu puan

Bunga rampai di dalam puan,  
Ruku-ruku dari Peringit;  
Belum sampai padamu puan,  
Rindu saya bukan sedikit.

## **SYAIR**

Istilah ‘syair’ dikatakan para sarjana berasal daripada perkataan Arab ; sh’ir yang secara umum bermakna puisi. Manakala sha’ir bermakna penulis puisi, atau penyajak. Istilah ‘syair’ itu berasal daripada bahasa Arab, akan tetapi tidak tidak berasal daripada syair Arab Parsi. Hal ini demikian kerana dalam kesusasteraan Arab bukanlah suatu genre puisi yang tertentu strukturnya. Ia hanya berupa pengucapan yang berrima, yang mengandungi fungsi-fungsi magis. (Bersamaan halnya dengan jampi dan mantera dalam kesusasteraan Melayu) Menurut keterangan Syed Naquib al-Attas perkataan sya’ir lebih sesuai dengan bahasa Melayu dari segi urutan vokal a-i berbanding urutan i – i. Dalam puisi seperti syair sistem bunyi yang menekankan rima akhir dalam bentuk yang sebolehnya sempurna, perkataan syair sangatlah tepat dan sesuai, untuk berirama dengan perkataan-perkataan lain, yang asal Melayu, yang lebih banyak

### **struktur a-i**

Contoh : air,padi, cair, ghair, zahir, batin, taksir. Dengan kata lain syair adalah ciptaan asli masyarakat Melayu.

### **Struktur a – a**

Contoh: fana, layar, bayar, pagar, batas, makan

Terdapat para sarjana Syed Naquib, A. Teeuw dan Amin Sweeney yang menghubungkan asal usul syair Melayu dengan Hamzah Fansuri yang berkemungkinan sebagai *inventor* atau *originator* yang dijelaskan berdasarkan karya beliau. Karyanya Hamzah Fansuri banyak sekali dipengaruhi oleh ahli sufi yang terkenal – Ibnu Arabi (1240M), al-Jili (1428 M), al-Iraqi dan banyak lagi. Dalam zaman Hamzah, puisi Melayu dan puisi Nusantara seluruhnya telah berkembang dan begitu luas perkembangannya dalam keseluruhan aspek kehidupan masyarakat. Berkemungkinan Hamzah telah menyesuaikan pengetahuannya mengenai puisi Arab-Parsi dengan puisi Melayu atau puisi Nusantara yang telah wujud jauh terdahulu daripada kedatangan puisi-puisi Arab-Parsi itu.

Bentuk konvensional syair Melayu, syair bukan cerita ialah syair mengandungi empat baris serangkap dengan rima a/a/a/a. Bentuk inilah yang paling dominan dalam masyarakat Melayu walaupun terdapat juga variasi-variasi bentuk yang lain. Berdasarkan isi dan tema, syair Melayu mempunyai tujuhjenis tema yang berbentuk cerita (bukan naratif) iaitu syair romantis, syair panji, syair sejarah, syair keagamaan dan syair kiasan. Manakala syair bukan cerita ialah syair agama, syair nasihat dan tema-tema lain yang berasingan.

## **NAZAM:**

Nazam berasal daripada istilah Arab nazam bererti puisi. Sejenis puisi yang terikat. Bentuk puisi ini biasanya digubah oleh ulama menurut kaedah dan pertimbangan puisi Arab. Temanya selalu berhubung dengan keagamaan, pendidikan, dan keilmuan. Ada juga yang bertemakan nasihat, akhlak dan sebagainya. Pada umumnya nazam digunakan dalam menyampaikan ajaran Islam yang meliputi perihal Nabi Muhammad s.a.w., pelajaran tauhid,fikah, dan rukun iman. Bentuk nasyid dan zikir menjadi wadah penyebaran nazam dan biasanya disamakan dalam majlis-majlis keagamaan seperti sambutan awal Muharam Maulidur Rasul, khatam al-Quran, berendoi dan sebagainya.

Contohnya:

### **Nazam Ajal**

Kalau sungguh kamu yakin,  
Jangan kamu lalai pada nafsu hati,  
Benar tidak bia ada amal kamu,  
Puas hati tidak sesalkan dirimu.  
Ingatingat hai saudara masa itu,  
Nyawa sampai batang leher baru tahu. ...

### **GURINDAM:**

Gurindam merupakan sejenis puisi yang tidak terikat atau tiada tentu bentuknya (sama ada terikat atau tidak). Bentuk yang terikat biasanya terdiri daripada dua baris serangkap, hampir sama dengan syair dua baris atau nazam. Puisi jenis gurindam biasanya dirujuk kepada "Gurindam Dua Belas" karya Raja Ali Haji. Sesebuah gurindam sarat dengan tema dan peutusan yang bersifat nasihat, keagamaan, dan pengajaran. Contohnya:

#### **Gurindam Fasal yang Kesembilan**

Tahu pekerjaan tak baik tetapi dikerjakan,  
Bukannya manusia iaitulah syaitan.

Kejahatan seorang perempuan tua,  
Itulah iblis punya penggawa.

Kepala kepada hamba-hamba raja,  
Di situlah syaitan tempatnya manja.

Kebanyakan orang yang muda-muda,  
Di situlah syaitan tempat berkuda.

Perkumpulan lelaki dengan perempuan,  
Di situlah syaitan punya jamuan. ....

#### **Perhubungan Suami Isteri**

Isteri cantik permainan mata  
Isteri budiman tajuk mahkota.

Perempuan bagus suntingan dunia  
Perempuan beriman sangat mulia.

Suami isteri harus sekata  
Jauh segala silang sengketa.

Suami tempat isteri bergantung  
Kepadanya serahkan nasb dan untung.

Jika suami tak berhati lurus  
Isterinya kelak menjadi kurus.

Sungguh suami pegang kuasa  
Jika seorang ia binasa.

Suami isteri tubuhnya yang dua  
Sekata hendaknya sampaikan tua.

### **SELOKA:**

Seloka merupakan sejenis puisi bebas dari segi rangkap (sama ada berangkap atau tidak berangkap). Dari segi bentuk, seloka sama sahaja seperti puisi bebas yang lain seperti gurindam, talibun atau teromba. Oleh sebab seloka biasanya digunakan untuk menyindir atau berkias, tidaklah meghairankan mengapa seloka mengandungi banyak peribahasa yang selalunya disusun dengan cara yang senada atau mempunyai irama, sehingga kadang-kadang seloka sama dengan peribahasa berirama. Seloka menggambarkan masyarakat yang melahirkannya iaitu masyarakat yang amat mementingkan keharmonian dan ketatusilaan. Bersesuaian dengan sifat halus orang Melayu, puisi seloka digunakan untuk mengkritik sebarang perlakuan negatif angota masyarakat tanpa menyinggung perasaan individu sasaran. Fungsinya amat bergantung kepada isinya iaitu untuk menyindir, mengejek, menemelak seseorang, melahirkan rasa benci terhadap sesuatu kelakuan manusia, memberi pengajaran dan panduan kepada seseorang dan sebagai alat kawalan sosial atau protes sosial.

### **Emak Si Randang**

Baik budi emak Si Randang  
Dagang lalu ditanakkan  
Tiada berkayu rumah di runtuh  
Anak pulang kelaparan  
Anak dipangku diletakkan  
Kera di hutan disusui.

### **Malang Pak Kaduk**

Aduhai malang Pak Kaduk  
Ayamnya menang kampung tergadai  
Ada nasi dicurahkan  
Awak pulang kebuluran  
Mudik menongkah surut  
Hilir menongkah pasang;  
Ada isteri dibunuh  
Nyaris mati oleh tak makan  
Masa belayar kematian angin  
Sauh dilabuh bayu berpuput  
Ada rumah bertandang duduk.

## **Pandai Pak Pandir**

Anak dipijak dagang dijingjing  
Kucing dibunuh tikus dibela  
Harta habis bawaan tergadai  
Mendengar gelagak dagang  
Tak sedar bertelanjang  
Mendengar guruh dilangit  
Air tempayan dicurahkan  
Mulut kena suap pisang  
Buntut kena cangkuk onak  
Gunting makan dihujung  
Pak Pandir juga yang menanggung.  
Apa didengar gelagak dagang  
Gelagak rambutan jantan;  
Orang berbunga, dia berbunga  
Orang berbuah dia haram  
Kilat memancar hujan tak jadi  
Awak juga berkecundangan.

## **TEROMBA**

Merupakan susunan adat yang disampaikan dalam bentuk puisi. Berfungsi memberi panduan dan pendidikan tentang cara hidup atau sistem hidup bermasyarakat yang baik dan harmoni melalui adat, peraturan dan undang-undang yang dibentuk, embentuk dan membina satu masyarakat yang harmoni, mengekal norma yang tertentu dalam masyarakat yang telah dipersetujui oleh anggota masyarakat sejak turun-temurun. Sebagai alat kawalan sosial terutamanya dengan adanya adat, peraturan dan undang-undang tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan dalam kehidupan bermasyarakat pada satu-satu masa dan zaman. Teromba jelas dicipta berdasarkan kebijaksanaan dan pemikiran yang dalam dan tinggi tentang falsafah hidup masyarakatnya. Teromba hanya dimiliki oleh individu yang memegang kunci adat seperti ketua adat atau ketua lembaga. Oleh itu penguasaan puisi ini sekaligus dapat menunjukkan ketinggian status seseorang dalam masyarakatnya.

### **Teromba (Menjemput Tamu)**

Maka apakala telah sampai tempoh,  
janji akan nikah kahwin oleh nak dipasang,  
pada masa itu,  
kalau jauh didekatkan,  
kalau dekat dihimpunkan,  
ada sama dimakan,  
tak ada sama dicari,  
cicir dipungut,  
kecl besar, tua muda, bekerjasama,  
kok elok sama-sama elok,  
kok buruk sama-sama ditengokkan,  
segala orang semenda, seresam tempat semenda,  
kalau cerdik teman berunding,

kalau bodoh disuruh arah,  
kok nan buta menghembus lesung,  
kok nan pekak membakar bedil,  
kok alim minta doanya,  
tinggi banir tempat berlindung,  
rimbun dahan tempat bernaung .....

## **MANTERA**

Mantera turut dikenali sebagai jampi, tawar, sembur. Berdasarkan fungsinya dalam masyarakat Melayu lama, puisi ini mempunya hubungan terus dengan alam perubatan, semangat dan aam ghaib yang menjadi pegangan dan kepercayaan orang-orang Melama lama. Kebiasaan diamalkan oleh pawang dan bomoh merupakan pengamal jampi, mantera dan serapah. Mereka mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat Melayu lama. Manakala dalam kehidupan sehari-hari mereka sentiasa beraksi dengan alam yang berhubung dengan pekerjaan mereka sebagai petani, nelayan, pemburu dll. Mereka mempercayai adanya makhluk halus dan semangat yang ada hubungan dengan alam persekitaran mereka. Oleh yang demikian setiap pergerakan mereka mesti mendapat restu daripada alam ghaib. Dalam hubungan ini bukan sebarang orang yang boleh menghubungkan dunia nyata atau kehendak mereka kepada alam yang dimaksudkan. Maka disinilah pawang dan bomoh memainkan peranannya. Mereka percaya bahawa alam mempunyai penunggu yang mesti dihormati. Kepercayaan ini begitu teguh dalam jiwa ahli masyarakat sehingga menjadi satu budaya yang nyata kepada mereka.

Pada anggapan mereka, kekuatan semangat yang diperoleh melalui pertolongan orang halus akan menambahkan lagi mujarab segala jampi, serapah dan mantera yang mereka gunakan. Setiap penyakit yang menimpa pesakit dikatakan akibat perbuatan mereka yang tidak menghormati pantang larang atau tidak menghormati makhluk/penunggu.

### **Jampi (untuk menyembuhkan penyakit)**

Hai jin kafir! Jin Islam!  
Kita orang seasal, sama hamba Allah,  
Tetapi engkau jadi daripada cahaya api neraka,  
Aku jadi dari cahaya Nur Muhammad,  
Engkau anak jin saktimuna,  
Aku anak cucu Nabi Allah Adam,  
Engkau umat Nabi Sulaiman,  
Aku umat Nabi Muhammad,  
Engkau pun hamba Allah,  
Aku pun hamba Allah.  
Janganlah engkau menyakiti segala umat Muhammad,  
Jikalau engkau sakiti dan engkau binasakan segala umat Muhammad  
Derhaka engkau kepada Allah,  
Dan kepada Rasul Allah,  
Dan kepada segala anbia Allah dan aulia Allah,  
Dan kepada malaikat yang empat puluh empat.....

### **Serapah** (amaran daripada bomoh/pawang)

Hai jemalang akhir! Jembalang awal!  
Jembalang seratus sembilan puluh!  
Jembalang kaki! Jembalang aku!  
Jembalang bakul! Jembalang batang!  
Jembalang bukit! Jembalang gunung!  
Jembalang padang! Jembalang gunung!  
Engkau undur simpang sebelah!  
Kalau engkau tak undur, aku sumpah engkau!

### **Mantera** (Mohon Pertolongan)

Salam nasib guru,  
Salamkan nan bertabik,  
Lah begitu tabik,  
Salam bertabih,  
Begitu salam bermohon,  
Segalakannya gala. ....  
Sedangkan tahap teman,  
Mana yang patah,  
Turunkan datang bertongkat,  
Manalah yang tempang,  
Amboi turunlah berangkat,  
Manalah yang buta,  
Turunkan meraba,  
Manalah yang patah

Mana yang bulat,  
Turunlah bergolek,  
Turut mengengkang,  
Manalah yang bulat,  
Turunlah bergolek,  
Mana beranak,  
Keleklah kan nganak ....

### **TALIBUN / SESOMBA** – Bahasa Berirama

Dikenali sebagai *rhythmical passages* dan *descriptive passages* yang terdapat dalam kebanyakan cerita-cerita rakyat Melayu.. Istilah ini turut disejajarkan dengan pengertian prosa berirama (*rhythmical prose*) atau prosa lirik (*lyric prose*) oleh sarjana Barat.

Ciri-ciri:

1. Tidak tentu jumlah baris dalam serangkap dan jumlah rangkap. Tidak mempunyai sistem rima yang tertentu.
2. Terdapat ungkapan atau rangkap daripada genre lain – pantun, syair, peribahasa berangkap, gurindam, seloka, teromba atau mantera yang

merupakan sisipan dan dianggap sebahagian daripada suatu untai taibun yang dibicarkan.

3. Fungsi, peranan atau kedudukan untai puisi sebagai sisipan atau selingan dalam sesebuah cerita – penglipurlara. Sebagai ungkapan pemerian kepada cerita yang disampaikan.
4. Tema dan isi puisi dalam konteks tertentu – keindahan sebuah kota, kecantikan seorang putera/puteri, kesaktian senjata, sesuatu perlakuan dan sebagainya.
5. Merupakan set ungkapan yang lengkap, digunakan secara berulang-ulang, dalam konteks dan maksud yang sama dalam sebuah cerita, bahkan dalam cerita-cerita yang lain yang terglong sebagai cerita-cerita penglipurlara.

### Fungsi dan Penyebaran

#### Fungsi talibun atau sesomba :

1. Sebagai ungkapan-ungkapan pemerian, selingan dan hiasan dalam cerita-cerita rakyat, khususnya cerita-cerita penglipurlara.
2. Sebagai selingan dan hiasan dalam perbualan dan ucapan
3. Sebagai nyanyian dalam persembahan kesenian.

Contoh 1:

#### **Sabai Nan Aluih - Kecantikan seorang wanita**

Rupanya kuning kemerahan  
Bak tebu didalam ladang  
Bak udang kepalang panggang  
Tak dapat ditentang nyata.

Rambut kerinting gulung tiga  
Telinganya jerat tertahan  
Bulu mata semur beriring  
Hidung bagai dusun tunggal  
Dagunya awan tergantung  
Bibirnya limau seulas  
Keningnya bentuk tajian  
Lidahnya bagai mempelam masak  
Betisnya bak perut padi  
Tumit nan bagai telur burung  
Induk kaki bungkal setahil  
Bentuk badan lemah dan lampai  
Penglihaatan pelita padam  
Jari halus kuku berinai  
Tampan sudah langgam terbawa  
Bagai dilukis digambarkan.

Contoh 2

### **Penggembaraan Malim Deman**

Tempat jin yang banyak  
Tempat syaitan yang banyak  
Masuk hutan keluar hutan  
Masuk padang keluar padang  
Masuk rimba keluar rimba  
Bertemu cangkat didakinya  
Bertemu lurah sama diturun  
Habis hari berganti hari  
Habis malam berganti malam  
Habis bulan berganti bulan  
Habis tahun berganti tahun  
Bukan ia mencari buruan  
Gajah dijumpa tiada ditembak  
Rusa dijumpa tiada dikejar  
Budak dijumpa tiada diturut.

Contoh 3

### Pemerian yang indah

Berketimpung ke hulu  
Berketimpung ke hilir  
Berketimpung kaki  
Berketimpung tangan

Bunyi bukan alang- kepalang  
Bunyi serunai dengan nafiri  
Bunyi gong dengan gendang  
Bunyi rebab dengan kecapi.

Suaranya berlagu-lagu  
Kera di dalam jatuh mendengar  
Burung yang terbang terhenti-henti  
Air yang hilir berbalik mudik

**Ciri-ciri universal puisi tradisional** yang mengkhusus kepada puisi Melayu (Harun Mat Piah :1989 : 2-3)

1. Susunan – memperlihatkan penggunaan bahasa yang lebih baik, ekspresif, kental (padat)
  - memperlihatkan nilai keindahan : penggunaan imajan, metafora dll.
  - Bahasa yang menimbulkan rangsangan, kualiti dan pengertian kepada pengalaman dan perasaan.
2. Bentuk yang tertentu :

- berkerat-kerat
- berurutan (diasingkan oleh hentian atau 'caesura')

Setiap keratan boleh merupakan kalimat lengkap atau separa lengkap, yang merupakan frasa atau klausa yang dipertuturkan berdasarkan :

Kepanjangan nafas atau emosi penutur,dipengaruhi oleh intonasi, melodi dan unsur-unsur muzik dll

3. Kerat-kerat akan tersusun dalam baris yang sejajar (sama panjang) atau sekurang-kurangnya memiliki ciri-ciri yang sama dengan baris lain. (merupakan ciri-ciri kepuisian yang penting)
4. Ungkapan-ungkapan puitis dipengaruhi oleh unsur-nsur muzik, dalam lagu atau sekurang-kurangnya intonasi, memerikan kadensa (*cadence*), irama (*rhythm*) – faktor kepada rima (asonasi dan aliterasi) dan harmoni.
5. Baris, rima dan irama disusun begitu rupa hingga membentuk pola atau ikatan yang tertentu. Contoh (bentuk, struktur, ikatan, konvensi atau pola-pola metrik bagi puisi yang berkenaan)
  - bilangan baris-baris dalam rangkap
  - jumlah perkataan atau suku kata dalam baris
  - perseimbangan bunyi
  - panjang-pendek atau tekanan sukukata setiap baris
  - rima di akhir atau di dalam kedudukan yang lain dalam sebaris
6. Wujudnya pembahagian unit dalam menyatakan idea :
  - bilangan baris serangkap
  - bilangan rangkap seuntai ( dala membina satu keseluruhan idea) – bergantung pada kebudayaan sesuatu bangsa.

### **Sifat-sifat Lisan Puisi Tradisional:**

1. Bersifat lisan, diwarisi dan disebarluaskan melalui tradisi lisan. (Bersifat kolektif dan fungsional) Pengarangnya tanpa nama dan boleh dikongsi bersama.
2. Bentuknya terikat oleh konvensi-konvensi tertentu yang memberikan bentuk dan struktur kepada genre puisi.
3. Sifat fungsional yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari - untuk sesuatu kegiatan.

(hiburan/ritual/lagu-lagu/tarian/keagamaan/pemujaan/pengubatan/berunsur magis/pujian(dikir/zikir)

4. Berhubung rapat dengan unsur magis – ungkapan mempunyai kuasa, konotasi magis – pantun, mantera, syair, prosa berirama – warisan daripada kedudukannya yang asal.
5. Bahan yang berunsur magis dan ritual puisi dianggap suci, berhubung rapat dengan kepercayaan tahuyl, mempunyai pantang larang –

masa/tempat/pengamalnya. Tidak boleh diubah sesuka hati atau dijadikan bahan mainan.

6. Mengandungi unsur muziknya. Pengucapan disampaikan dalam lagu, irama atau intonasi tipikal. Kebanyakannya dijadikan seni kata dalam lagu-lagu rakyat untuk mengiringi permainan dan persembahan yang berunsur ritual, magis dan keagamaan dengan intonasi yang berbeza daripada pengucapan biasa.
7. Bahasanya yang padat dan kental, mengandungi unsur-unsur perlambangan, imajan, kiasan dan perbandingan-perbandingan lain yang tepat dengan maksud dan fungsinya. Contoh yang jelas dalam pantun, peribahasa berirama, gurndam, teromba dan mantera. Perkataan dan huraiyan yang lain tidak diperlukan kerana telah dapat dimegerti oleh penutur dan pendengar melalui pengalaman dan latar belakang kebudayaan yang mereka alami bersama.

### 11.5 Prosa Tradisional

#### Pendahuluan

Prosa tradisional merupakan kesusasteraan yang lahir dalam kalangan masyarakat dan disampaikan melalui bahasa lisan. Sastera lisan ialah kesusasteraan yang disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi. Sastera lisan juga dikenali sebagai sastera rakyat. Kesemua sastera rakyat sama ada yang berunsur cerita atau bukan cerita adalah milik bersama masyarakat. Sastera rakyak tidak mempunyai pengarang. Jalan cerita atau bahasa yang digunakan adalah menarik, indah unik dan mudah difahami. Dalam pada itu, terdapat pula penggunaan bahasa-bahasa kiasan seperti perumpamaan, bidalan, pepatah dan lain-lain.

Prosa tradisional mempunyai bentuk dan ciri yang berbeza daripada prosa moden. Bentuk dan ciri ini merangkumi makna struktur, plot, gaya, teknik, bahasa, persembahan, fungsi dan fungsi-fungsi luaran lainnya.

Antara ciri-ciri prosa tradisional ialah;

- a) bersifat kolektif, milik bersama masyarakat dan kedaerahan dan tidak dinyatakan penulisnya.
- b) bersifat feudal terutama dalam aspek pemilihan tema, watak, latar.
- c) terbatas pencipta dan khalayaknya kerana hanya golongan tertentu sahaja yang terlibat aktif dalam penciptaan dan penyebaran serta perkembangannya. Disampaikan secara lisan (naratif) seperti cerita binatang, cerita jenaka dan cerita penglipur lara.
- d) merujuk kepada karya yang diterbikan sebelum tahun 1800M yang dihubungkan dengan media atau sarana sastera dengan berkembangnya penggunaan alat cetak yang bermula pada sekitar awal 1800M
- e) perkembangannya tidak dibatasi oleh zaman, tarikh dan waktu. Hasilnya masih terus dicipta, berkembang dan dimanfaatkan oleh masyarakat pendukungnya dari dahulu hingga kini.
- f) menggunakan gaya bahasa yang berbeza dengan bahasa kini.

Dalam kesusasteraan Melayu, prosa tradisional termasuklah Cerita Asal Usul, Cerita Binatang atau Mergastua, Cerita Jenaka, Cerita Lagenda, Cerita Mitos, Cerita Penglipur Lara, Cerita Panji, dan lain-lain.

## 11.6 Puisi Moden (sajak)

Puisi moden atau sajak ialah karangan berangkap yang digubah dalam bahasa yang indah selain daripada puisi tradisional.

Menurut Harun Mat Piah, (1989 : 2), puisi difahamkan sebagai “suatu bentuk pengucapan dalam susunan yang istimewa”, berbanding dengan pengucapan yang biasa”, seperti yang digunakan dalam pertuturan harian; dan bahasa yang mementingkan kebenaran daya intelektual dan logika.

Hashim Awang et,.al (1985 : 157), puisi lazimnya digubah dengan pemilihan bahasa yang indah, berirama dan mempunyai bentuknya yang tersendiri. Maklumat disampaikan lebih padat, lebih ringkas dan lebih rumit berbanding karya prosa (disusun lurus dan bersahaja)

Muhammad Hj. Salleh (1988), bentuk sastera yang kental dengan muzik bahasa serta kebijaksanaan penyair dan tradisinya..., setelah kita membacanya kita lebih bijaksana.

William Wordsworth (1988), suatu pengucapan tentang perasaan ghairah yang imaginatif, biasanya berentak dan berlaku secara spontan, dalam suasana tenang.

Samuel Taylor Coleridge (1988), “the best words in their best order” perkataan terbaik dalam susunan terbaik.

Robert Frost (1988), “it begins in delight and end in wisdom” bermula dengan hiburan/keseronokan dan berakhir dengan kebijaksanaan

Ciri-ciri puisi moden (sajak)

- Bebas dari segi sukukata, perkataan dan rangkap
- Lazimnya menggunakan Bahasa Melayu moden
- Mengandungi pemikiran, pandangan hidup, dan beberapa aspek kehidupan.
- Kebiasaannya bebas atau tidak terikat bentuknya namun ada juga sajak yang terikat bentuknya seperti puisi tradisional.

Bentuk puisi moden

- i) Sajak Terikat
- ii) Sajak Bebas

Sajak Terikat

- Keterikatan pada ciri yang khusus
  - Dua baris serangkap
  - Tiga baris serangkap
  - Empat baris serangkap

- Lima baris serangkap
- dan lain-lain
- Keterikatan ciri konvensional yang ada pada puisi tradisional terutama pantun dan syair.

### **Contoh sajak terikat**

#### **Anak Jiran Tionghua ( Usman Awang )**

Anak tionghua kelahirannya disini  
di bumi hijau ladang-ladang getah dan padi  
ia bisa bercerita untuk siapa sahaja  
di sini tanahnya dan ibunya bersemadi.

Lihat mereka sedang berebutan pistul mainan  
he , jangan berkelahi  
ah, anak-anak dengan caranya murni  
berkelahi untuknanti bermain kembali.

### **Contoh sajak bebas**

(tidak terikat dengan ciri puisi tradisional)

#### **Kepada Anakku ( A.S. Amin)**

Malam yang gelisah  
Sunyi dan sayu  
hati dan kepala  
Kerinduan ku kerinduannya  
Api merah di dada  
Bulan tersenyum mesra  
Di bumi setia  
Hati ku sedia  
Esoknya lahir manusia  
Punya harapan dan cinta

**Aktiviti:**

Berdasarkan contoh sila karangkan **dua** rangkap pantun berkait.

Rujukan

Abdul Halim Ali (2003). *Bingkisan Sastera*. Diwangsa Publications & Distributors Sdn., Bhd.

Conrad Phillip Kottak (1986). *Cultural Anthropology*. Michigan: University of Ann Arbor.

Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gazali Dunia (1992). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Md. Nor (1996). *Puisi Melayu Tradisional*. Selangor: Penerbitan Fajar Bakti.

Harun Mat Piah (1989). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


Ezani Yusoff (Tanpa Tarikh). *Kesenian Melayu*. <http://bobezani.tripod.com/budaya.htm>. Diakses pada 08 Oktober 2011.

### 12.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi pangaruh bahan ilmiah( kajian, rencana, kertas kerja), media komunikasi(filem dan video), media komunikasi( rakaman drama radio dan TV)

### 11.2 Hasil Pembelajaran

Mengkaji dan menerangkan kebudayaan Melayu dalam bahan ilmiah( kajian, rencana, kertas kerja), media komunikasi (filem dan video), media komunikasi( rakaman drama radio dan TV).



### Pengenalan

Kemajuan teknologi barat dalam bentuk hiburan yang dibawa masuk pemerintah kolonial British ke negara ini seperti penggunaan piring hitam, radio dan filem berjaya menyalurkan bahan-bahan budaya seumpama kepada orang ramai.

Berasaskan teknologi itu muncul industri berkaitan yang memberikan peluang kepada orang Melayu menghasilkan bahan hiburan.

Karyawan dan artis atau pelakon Melayu yang popular sejak di pentas bangsawan, memainkan peranan penting membawa pembaharuan kepada unsur-unsur seni seperti nyanyian, tarian, lakonan dan persembahan jenaka.

Begitu juga tema dan jalan cerita yang dipersembahkan menerusi kisah-kisah fantasi.

## Bahan bukan sastera

### Bahan ilmiah

- kajian
- Kertas kerja
- rencana

### Media komunikasi

- Filem
- Video
- Drama radio dan TV

### Contoh Bahan ilmiah

- Prof. Dr. Syed Hussein Alatas (1967) dalam kertas kerja beliau bertajuk Islam dan kebudayaan Melayu menyatakan:
  - I. Terdapat perpaduan antara Islam dan kebudayaan Melayu contohnya amalan brgotong royong, berbudi bahasa, sopan santun, menghormati ibu bapa, menghormati hak jiran dan sebagainya.
  - II. Terdapat hubungan yang neutral, tidak bertentangan dengan norma masyarakat tetapi tidak dianjurkan oleh Islam contohnya upacara persandingan, adat istiadat melayu, pantang larang dan sebagainya.
  - III. Hubungan yang bertentangan dengan Islam. Sebagai contoh sikap taat buta kepada raja yang tidak patuh kepada ajaran Islam. (*Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah*)

Contoh Media komunikasi : Filem

## Filem Melayu Klasik

- Filem-filem Tan Sri P. Ramlee sekitar 1950an
- Hang Tuah
- Sri Mersing
- Tun Fatimah
- Lancang Kuning
- Chuchu Datok Merah
- Sultan Mahmud Mangkat Di Julang
- Puteri Gunong Ledang
- Semerah Padi
- Panglima Besi
- Badang
- Si Tanggang
- Jula Juli Bintang Tujuh
- Mat Bond
- Panca Delim
- Wan Perkasa
- Ayer Mata Duyong
- Pawang
- Roh Membela
- Bawang Merah Bawang Putih
- Mata Syaitan
- Mabuk Kepayang

### **Contoh Bidang Politik dalam Filem Melayu Klasik**

- Golongan pemerintah dan golongan rakyat Contoh : filem Lancang Kuning, Hang Tuah
- Raja berkuasa mutlak dan berhak menghukum sesiapa sahaja. Contoh: Nujum Pak Belalang, Sultan Mahmud Mangkat di Julang, Hang Tuah.
- Menunjukkan perbezaan kasta dalam institusi sosial. Contoh : Sri Mersing
- Sistem kekeluargaan yang rapuh, anak sulang lebih berhak mendapat harta yang lebih berbanding anak bongsu. Contoh: 3 Abdul

### **Contoh Bidang Sosial dalam Filem Melayu Klasik :**

(kesenian, agama Islam, adat, kepercayaan, bahasa, nilai, pendidikan, perubatan,pakaian)

- Mahir dalam ilmu seni mempertahankan diri : Hang Tuah, Wan Perkasa, Panglima Besi.
- Kepercayaan terhadap perkara-perkara tahuul: Badang, Jula Juli Bintang Tujuh, Pawang, Roh Membela, Laksamana Do Re Mi.
- Penggunaan laras bahasa sastera yang membawa maksud tersirat menunjukkan ketinggian budi pekerti: Sri Mersing (Pantun)
- Semangat Kejiraninan: Bujang Lapok

- Tahap pendidikan yang rendah: Pendekar Bujang Lapok.
- Pakaian : Tengkolok, keris, bersanggul, songket, kebaya tradisional.
- Tarian, muzik : Ala canggung, agogo, keroncong.

### **Contoh Bidang Ekonomi dalam Filem Melayu**

- Masyarakat Melayu rata-ratanya digambarkan sebagai petani, nelayan, peniaga.

### **Kebudayaan Melayu dalam Filem Moden**

- Kurang menonjolkan budaya Kemelayuan berbanding filem Melayu klasik. Menerima pengaruh dari luar khususnya barat. Contoh: Gila-gila Remaja, Revolusi KL Drift.
- Sistem pendidikan yang telah maju. Rata-rata ahli masyarakat mempunyai kerjaya tersendiri.
- Masih berpegang kepada kepercayaan tayyol. Contoh: Khurafat, Jangan Pandang Belakang.
- Penggunaan bahasa pasar yang kian meluas. Elemen sastera tidak lagi disisipkan.
- Seni Tarian, Muzik menerima pengaruh daripada luar khususnya barat.
- Semangat kejiranan: Zombie Kg Pisang, Hantu Kak Limah Balik Rumah, Estet.

Contoh filem:

- Gila-gila Gemaja
- Sembilu 1 & 2
- Maria Mariana 1 & 2
- X-xray 1 dan 2
- Senario The Movie Episod 1,2 dll
- Pontianak Harum Sundal Malam
- Puteri Gunung Ledang
- Gubra, Sepet.
- Baik Punya Cilok, Setem, Papadom.
- Jangan Pandang Belakang.
- Khurafat
- Zombie Kampung Pisang, Estet, Hantu Kak Limah Balik Rumah.
- 2 Alam

## Rujukan

- A. Aziz Deraman. (1994). Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.
- Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah). Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1990). Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Abdul Manaf. (2005). Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Harun Mat Piah (2000). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafi Dollah et.al. (1999). Adat dan Perubahan Sosial dalam Masyarakat Melayu. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.

**TAJUK 13****TASAWUR ( WORLD VIEW ) DAN KOSMOLOGI MASYARAKAT MELAYU****13.1 Sinopsis**


Bahagian ini akan menerangkan tentang pandangan sarwa terhadap istilah World-view Melayu, world-view Tawhidik, manusia, alam dan kehidupan dalam World-view Melayu serta menilai ,menganalisis dan menghuraikan kosmologi dan epistemologi Masyarakat Melayu.

**13.2 Hasil pembelajaran**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

- I      Memahami tentang konsep pandangan sarwa atau World-view
- ii     Memahami bahawa world-view Melayu pada hakikatnya adalah world-view Islam.
- iii    Mengenalkan world-view Islam
- iv    Menjelaskan peranan Islam dalam mentransformasikan world-view Melayu.
- v    Menilai, memahami dan menganalisis konsep kosmologi dan epistemologi masyarakat Melayu.

**13.3 Kerangka Tajuk**



### 13.4 Pengenalan

#### Definisi Tasawur

Perkataan **tasawwur** berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermula dengan kata dasar **sawwara**.

Tasawwur bererti:

Memberikan suatu tanggapan kepada rupa yang dapat dikhayalkan.

Memberikan gambaran sebenar ke atas apa yang disampaikan kepada akal fikiran dan seterusnya menjadi sebatи dalam diri untuk difahami.

Semenjak kedatangan Islam, kehidupan baru manusia Alam Melayu atau Nusantara dalam keserumpunian itu bertukar daripada kepercayaan tahuyl kepada suatu keyakinan yang berpaksikan aqidah yang didasari intelektualisme dan rasionalisme



## Tasawur dalam Pendidikan

Perkembangan ilmu telah membawa kesan yang cukup besar terhadap perubahan sosio-budaya umat Melayu sesudah kedatangan Islam. Sistem awal yang diperkenalkan, mungkin pada mulanya dengan menadah kitab di surau, masjid atau di kalangan istana, sehingga kemudiannya terdirinya pondok dan pesantren di serata wilayah dan daerah kepulauan Melayu. Dari pusat-pusat inilah terpancar keluarnya pengaruh kebudayaan Islam di Alam Melayu dari Semenanjung sehingga ke kepulauan Indonesia, bukan sahaja melalui pengajian pondok atau kegiatan dakwah seperti yang dinyatakan, tetapi juga pengaruh perdagangan dan perluasan wilayah geopolitik baharu

seperti Aceh-Pasai dan Johor-Riau itu. Antara ilmu-ilmu yang membahaskan tentang ketuhanan dan tasawwur (world view) Islam, iaitu ilmu yang menghuraikan dasar-dasar aqidah Islam. Dalam bidang karya tulis, tradisi yang sangat penting ini yang boleh disebut pada abad ke 16 dan 17, dengan tokoh-tokoh di Acheh seperti Hamzah Fansuri, Syeikh Abdul Rauf Singkel, Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Shamsuddin al-Sumatrani, berlanjut di Banjar dengan tokoh-tokoh seperti Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari dan Muhammad Nafis al-Banjari.


Perkembangan-perkembangan mutakhir dalam bidang pendidikan di rantau ini telah membuka kemungkinan-kemungkinan baru. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa

dan ISTAC (Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa) di Malaysia umpamanya telah menjadikan rantau ini sebagai salah satu pusat tumpuan para ilmuwan dunia. Sekarang ini semakin ramai para pelajar dari pelbagai rantau dunia termasuk Dunia Arab yang datang untuk belajar di kampus-kampus kita.


### Tasawur dalam bahasa dan persuratan

Salah satu karya intelektual Islam tertua yang dihasilkan di Pasai ialah Hikayat Raja-raja Pasai. Kitab ini ditulis setelah kerajaan ini ditaklukkan oleh Majapahit pada tahun 1365 (Ibrahim Alfian 1999:52).

Dilihat dari sudut corak bahasa Melayu dan aksara yang digunakan, karya ini dihasilkan pada waktu bahasa Melayu telah benar-benar mengalami proses islamisasi dan aksara Jawi, iaitu aksara Arab yang dimelayukan, telah mulai mantap dan luas digunakan.



Karya-karya intelektual Muslim awal yang dilahirkan di lingkungan kerajaan Samudra Pasai ialah saduran beberapa hikayat Parsi, seperti Hikayat Muhammad Ali Hanafiya, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Bayan Budiman dan lain-lain.



## Tasawur dalam Kebudayaan

Zaman sebelum Islam menggunakan kebudayaan Hindu-Budhha.

Selepas kedatangan Islam, Islam memperkenalkan hukum-hukum dan peraturan berlandaskan Al-Quran dan Al-Hadith. Islam mewujudkan satu budaya yang harmoni dalam perhubungan antara individu dan masyarakat. Masyarakat menjadi lebih teratur dan Islam berjaya mewujudkan kemesraan, dan semangat bantu-membantu dalam sesuatu masyarakat Tasawur dalam Kesenian.

## Tasawur dalam Kesenian

Pada zaman tamadun Melayu, pengukir-pengukir kaligrafi Melayu menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan motif tumbuh-tumbuhan pada sarung dan bilah keris kelewang, parang dan lembing. Kaligrafi juga digunakan pada mata wang rasmi pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah(Melaka). Sultan Abdul Jalil Shah (Johor) juga

menggunakan seni kaligrafi Islam pada matawang emas. Ayat-ayat Al Quran bermotifkan kaligrafi telah diukir pada dinding-dinding masjid sebagai hiasan. Contohnya di dinding Masjid Tengkera, Melaka



Azan yang menyeru melakukan solat adalah sebahagian seni suara. Perkataannya amat tinggi seninya yang mengandungi kalimah suci mengagungkan Allah s.w.t, menyeru melakukan perintah Allah s.w.t dan mengajak kebaikan untuk kejayaan semua. Seni suara turut digunakan untuk melagukan ayat-ayat Al-Quran iaitu taranum. Malah perkembangan seni ini semakin berkembang apabila ia digunakan dalam menyampaikan dakwah melalui nasyid.

Istilah **world-view** atau **weltanschauung** seringkali diterjemahkan dengan ungkapan yang berbeza-beza seperti pandangan sarwa,pandangan jagat,pandangan dunia dan pandangan hidup. **World-view** bermaksud pada umumnya ialah tassawur,,tanggapan persepsi,perspektif atau **mental attitude** ( sikap mental ) terhadap segala sesuatu. Persepsi sesuatu bangsa terhadap segala sesuatu biasanya dicirikan oleh agama atau budaya yang dianutinya. Maka dengan itu,kadang-kadang **world-view** ditakrifkan

sebagai , “*the way people characteristically look outward upon the universe*” ( Redfield, R, *The Primitive World and its Transformation*, 1966,hlm 85 ).

Pandangan sarwa Islam atau ***Islamic World-view*** biasanya diertikan sebagai “ **how Islam looks at things**”, iaitu bagaimana Islam melihat segala sesuatu .Menurut Prof.Syed Naquib al-Atas *world-view* dari persepektif Islam tidak hanya pandangan minda (***minds view***) terhadap alam fizikal atau penglibatan sosial ,politik,budaya dan sejarah manusia di dalamnya.

World-view Islam merentasi alam fizikal, meliputi alam-alam dunia dan akhirat. World-view Islam sebenarnya amat berkait rapat dengan persoalan reality atau haqiqah , iaitu kebenaran dalam dalam erti kata yang setulen dan seluasnya. Realiti dalam konteks world-view Islam adalah lebih luas dari cakupan istilah waqi'iyyah yang terbatas hanya pada fenomena peristiwa-peristiwa faktual, tidak meliputi segala terkandung dalam istilah haqiqah itu.

### **13.5 Pandangan Sarwa / World-view Melayu**

Menurut Prof.Syed Naquib al-Atas world-view dalam persepektif Islam ialah , “ **vision of reality and truth** ”, yakni wawasan realiti dan kebenaran yang tampak pada mata akal tentang segala yang wujud. Bertitik tolak dari kenyataan tersebut Prof.al-Attas mendefinisikan world-view Islam sebagai , “***ru'yat al-Islam li al-wujud atau wawasan /visi*** Islam tentang segala kewujudan. ( Al-Attas, S.M. Naquib, *The Worldview of Islam : An Outline* , 1996, hlm 25-26)

World-view adalah bahagian terpenting dari ajaran Islam. World-viewlah yang menentukan bagaimana seseorang muslim itu melihat , mendekati, dan berinteraksi dengan segala sesuatu dalam kehidupannya. Apabila seseorang itu bertukar agama maka perubahan paling mendasar yang dialami ialah perubahan world-view . Demikianlah erti dan implikasi proses pengislaman umat Melayu. , iaitu perubahan dan anjakan dari dari world-view Melayu adalah world-view Islam. Persepsi Melayu tentang Tuhan ,manusia, alam ,kehidupandan sebagainya adalah berdasarkan world-view Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

### 13.6 Manusia, Alam dan Kehidupan dalam *World-view* Melayu

Persepsi Melayu tentang manusia juga telah didasarkan kepada world-view Islam tentang insan. Dari perspektif Melayu-Muslim sudah tidak ada lagi manusia dewa dari kayangan, dari muntah lembu atau dari buluh betung. Manusia adalah keturunan nabi Adam a.s yang dijadikan daripada tanah. Tidak ada lagi manusia sial yang dilahirkan dalam kasta rendah dan hina. Sebaliknya semua manusia adalah makhluk mulia dan istimewa yang dicipta dalam kesempurnaan **ahsani takwim** (penciptaan yang sebaik-baiknya). Manusia dicipta adalah dengan tujuan untuk menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah. Di samping itu, mereka juga dicipta sebagai khalifah Allah iaitu penerima mandat dan amanah keutuhan untuk mengurus alam sesuai dengan petunjuk-Nya.

Manusia adalah makhluk tiga dimensi: jasmani, rohani dan akli yang dilahirkan dalam kesucian fitrah. Mereka tidak dilahirkan dalam keadaan berdosa,tidak diwarisi dosa sesiapa dan tidak menanggung dosa orang lain. Mereka juga adalah makhluk istimewa yang dibekali potensi keilmuan dan daya cipta.

Sesuai dengan *world-view* Islam, orang Melayu menanggapi alam sebagai ciptaan Tuhan yang bersistem, harmonis, indah dan bermanfaat. Ia adalah amanah Tuhan kepada manusia untuk diselidiki ,diketahui,dimakmurkan, dan dimanfaatkan serta ditaskhirkan (diper mudah dan ditundukkan) kepada manusia agar mereka dapat menguasai dan memanfaatkannya.Namun demikian dalam mengurus dan memakmurkan alm, manusia terikat dengan hukum-hukam dan nilai-nilai kudus ketuhanan. Maka dengan demikian, dalam masyarakat yang masih kuat dengan ajaran Islam tidak sepatutnya berlaku kejadian sumbang mahram,maksiat,pencemaran alam sekitar dan pelbagai krisis ekologi lain.

Demikianlah kehidupan,alam dan manusia, melihat adanya dua dunia kehidupan iaitu kehidupan duniawi yang terbatas dan sementara; dan kehidupan ukhrawi yang abadi dan hakiki. Kehidupan duniawi adalah amat penting sebagai penentu baik-buruk kehidupan ukhrawi maka dengan itu kehidupan duniawi harus diisi dengan pengabdian kepada ilahi menerusi iman dan amal soleh. Memang tujuan penciptaan manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada ilahi.

### 13.7 Kosmologi Melayu

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ‘*kosmologi*’ bermaksud salah satu bidang falsafah yang mengkaji asal usul, proses, dan struktur alam semesta. Kajian tentang etnosains atau etnomatematik mempunyai kaitan dengan budaya pemikiran sesuatu kaum yang melibatkan agama, bahasa, pandangan kosmologi, sosiobudaya, adat resam serta perkara yang berkaitan. Kosmologi ialah satu bidang ilmu tentang alam semesta (cosmos). Setiap masyarakat mempunyai tafsiran berkaitan hubungan Tuhan dengan alam semesta termasuklah masyarakat Melayu. Orang Melayu Asli menganut kepercayaan animisme yang mempercayai kuasa ghaib atau semangat yang mengawasi tempat-tempat tertentu seperti sungai, bukit, pokok dan sebagainya Percaya kepada semangat baik dan jahat

Percaya dunia mempunyai tiga lapisan :

- ❖ Tanah Julang (atas langit)
- ❖ Tanah Kelam (bumi)
- ❖ Tanah Lirang (bawah bumi)

Namun tamadun Melayu yang pernah berada di bawah pelbagai pengaruh budaya sebelum Islam seperti budaya :

- ❖ Animisme
- ❖ Hindu
- ❖ Buddha

Mereka memuja semangat, dan penunggu; mereka membaca mentera yang menyebut asal kejadian alam dan makhluknya. Mereka memohon perlindungan daripada penunggu pokok dan gua

Mereka meminta pertolongan jin dan syaitan dalam perubatan dan sihir.

Mempunyai banyak mitos tentang mitos kayangan seperti peranan yang dimainkan oleh Sri Rama, Siti Dewi, Raja Muda Laksmana, Hanuman Kera Putih dalam plot ceritanya yang jelas menunjukkan terdapat unsur kehinduan di dalam persembahan itu.

Wayang kulit yang merupakan warisan budaya silam menjadikan watak tersebut sebagai latar belakang persembahannya. Orang Melayu tradisional menghayati satu cara hidup yang dianggap unggul dari segi kaca mata pandangan moden semasa. Antara manifestasi keunggulan tersebut ialah apa yang terkandung dalam pandangan alam dan budaya alam bangsa Melayu.

Bagi orang Melayu tradisional, mereka melihat alam tabii ini sebagai penuh dengan makna, simbolisme, gurindam dan syair. Tidak terhad kepada alam sahaja, malah melibatkan sains dan teknologi. Dapat dilihat secara praktis dalam kehidupan seharian dan kemasyarakatan mereka.

Menyerap pelbagai unsur yang datang dari luar ruang budaya Melayu asli. (Barat dan Timur) Hindu, Buddhis, Islam dan Barat merupakan pengaruh yang memberi kesan kepada pembentukan semiotik dan kosmologi Melayu. Kandungan kosmologi Melayu masih terpelihara.

Konsep "alam Melayu," haiwan, tumbuh-tumbuhan dan batu-batan mampu berinteraksi dengan manusia. Manusia di alam Melayu (khasnya syaman, pawang, bomoh, sufi dan wali Allah) berinteraksi dengan haiwan, tumbuhan dan batu-batan pada tahap yang sukar diterima dan untuk dibayangkan oleh manusia biasa

Kemampuan bertinteraksi tersebut juga merupakan landasan yang membuka jalan bagi manusia Melayu mampu hidup berharmoni dengan alam tabii.

Manusia moden, khususnya dari barat, bercakap dengan mahluk lain selain sesama manusia hanyalah dalam cerita dongeng. Kosmologi Melayu moden kini dipengaruhi kosmologi Islam.

Islam telah membentuk world-view Melayu dari segala segala aspeknya termasuk kosmologi, epistemologi dan sistem nilai. Dengan pengislaman, umat Melayu telah meninggalkan kosmologi keperibumiannya yang berdasarkan mitos dan lagenda. Sastera rakyat Melayu banyak mengisyaratkan tentang kosmologi peribumi Melayu yang berpaksi kepada kepercayaan adanya alam tabii yang bersifat fizikal dan alam ghaib **supernatural** dengan para penghuninya yang terdiri daripada makhluk-makhluk halus. Warisan sastera rakyat juga mengisahkan tentang asal-usul sesuatu makhluk ,benda atau tumbuh-tumbuhan seperti padi,jagung, dan sebagainya. Umat Melayu juga

umumnya telah meninggal unsur-unsur world-view kehinduan seperti yang terserap dalam karya-karya sastera Melayu pengaruh Hindu, khususnya kisah-kisah alam kedewaan yang serba ajaib dan sakti.

Sejak awal zaman Islam kosmologi Melayu terbentuk dalam dua aliran tradisi keintelektualan Islam iaitu aliran sufi dan aliran salafi. Aliran Sufi membawa kosmologi **wahdat al-wujud** yang diungkapkan menerusi perbincangan-perbincangan tentang Nur Muhammad, **a'yan thabitah** dan **martabat tujuh**. Sementara itu aliran salafi pula membawa kosmologi **ithnaniyyat al-wujud** yang mendasarkan segala fahaman dan doktrinnya kepada tafsiran zahir dari nas-nas al-quran tanpa sebarang ta'wil.

Menurut aliran ini alam dicipta dari tiada (ex nihilo ), sementara proses penciptaannya pula adalah dengan kudrat-iradat ketuhanan *kun fayakun* ( jadi ! Maka jadilah ). Di samping itu, kewujudan alam ini adalah hakiki, iaitu benar-benar wujud sesuai dengan konsep *ithnaniyyat al-wujud* yang bermaksud adanya dua kewujudan iaitu kewujudan Allah dan kewujudan alam.

Dengan kehadiran kedua-dua aliran tersebut, kosmologi Melayu memang menjadi tidak seragam. Bagaimanapun, terlepas dari soal kontroversi sufi-salafi tersebut, yang pasti kosmologi Melayu telah terbentuk dalam tradisi keintelektualan Islam yang berdasarkan wahyu. Apa yang membezakannya adalah tafsirannya. Karya-karya sastera Melayu yang ditulis pada zaman Islam , memang sebahagiannya masih mengandungi sisa-sisa kosmologi pra-Islam ( keperibumian dan kehinduan) seperti unsur-unsur dewa , kayangan ,dunia dasar laut, gunung pendaratan para dewa dan seumpamannya. Hal ini perlu difahami dalam konteks proses perubahan beransur-ansur yang menjadi salah satu ciri khas Islamisasi di rantau ini. Rujukan dalam isu ini harus kepada karya-karya kitab yang merupakan wahana utama pembentukan *world-view* Melayu.

### 13.8 Epistemologi Melayu

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat '**epistemologi**' membawa maksud teori tentang pengetahuan,terutamanya yang berkaitan kajian kritis tentang kesahihan ,kaedah dan skop sesuatu pengetahuan. Sebagaimana halnya dengan kosmologi, epistemologi Melayu juga sebenarnya tidak lain dari epistemologi Islam. Malah sebagaimana yang

telah disebut dalam perbincangan-perbincangan yang terdahulu bahawa tamadun keilmuan Melayu hanya bermula dengan Islam. Oleh sebab itu semua istilah yang berkaitan dengan hal-hal keilmuan diambil daripada bahasa Arab. Contohnya perkataan ilmu, ilmiah , alim, ulama, malim, mualim, ta'lîm, maklum, maklumat, taklimat, kitab,maktab,kertas, akal, dakwat, kalam , telaah, tafsir, hafal, zikir, muzakarah , tadarus, madrasah dan sebagainya.

Ilmu merujuk kepada kebenaran (al-haqq/truth), bagi umat Melayu – Muslim kebenaran bukan cuma dugaan atau spekulasi kerana itu orang yang berilmu disebut *ahl al-Haqq*. Al-Haqq merupakan salah satu nama Tuhan. Dialah sebenarnya sumber atau kebenaran sesuatu itu. Maka dengan itu, kebenaran hanya satu , tidak berbilang-bilang dan datangnya dari sumber yang satu iaitu Tuhan Yang Maha Esa.

Dalam kehidupan seharian, orang Melayu beragama Islam sering mengujarkan dalam penghujungan sesuatu ujaran dengan ungkapan *wallhu a'alam* yang bermaksud “Allahlah yang lebih mengetahui atas segala-galanya”. Berdasarkan ujaran dan ungkapan tersebut orang Melayu beragama Islam sering dan seharusnya merujuk kepada Allah sebagai satu-satunya sumber ilmu dan kebenaran yang mutlak. Oleh itu , manusia Muslim pencari kebenaran diwajibkan berdoa :

**Ya Tuhan, perlihatkanlah kepada kami yang benar itu benar (sebagaimana adanya) dan berikan kami kekuatan menghayatinya.**

**Dan perlihatkanlah kepada kami kepalsuan itu (tampak nyata) sebagai kepalsuan dan berikan kami kemampuan menghindarinya**

Manuskrip Melayu yang tertua dalam abad ke 16M, terjemahan *al-'Aqa'id al-Nasafiyyah* menegaskan bahawa hakikat atas segala sesuatu itu dapat dikatahui. Terdapat tiga saluran untuk mendapatkan ilmu : Pertama menerusi lima pancaindera ; Kedua menerusi khabar sadiq atau berita yang benar ; dan Ketiga menerusi akal. Al-Nasafiy membahagikan kepada dua jenis berita yang benar ; Pertama , khabar *mutawatir* , iaitu berita dari orang ramai ; Kedua , apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Al-Nasafiy juga membahagikan kepada dua bahagian mengenai akal sebagai

sumber mendapatkan ilmu. Pertama , ilmu ***daruriy*** iaitu sesuatu yang tidak memerlukan dalil seperti hakikat bahawa keseluruhan adalah lebih besar daripada sebahagian. Kedua , ilmu ***iktisabiy*** iaitu sesuatu yang memerlukan bukti. Contohnya kewujudan api dapat dibuktikan dengan adanya asap.

Umat Melayu mengklasifikasikan jenis ilmu dengan membahagikan ilmu kepada jenis ‘***naqli***’ (berasaskan wahyu) dan ‘***aqli***’ (berasaskan pemikiran) atau klasifikasi berasaskan hukum iaitu ilmu fardu ain (wajib ke atas setiap individu) dan ilmu kifayah (kewajipan kolektif yang wajib dilaksanakan oleh sejumlah yang memadai). Daripada segi disiplin-disiplin ilmu dalam sistem pengajian tradisional Melayu umumnya terdapat ilmu-ilmu yang lazim dipelajari di dunia Islam seperti ilmu tafsir , hadith , tawhid ,fiqh , usul fiqh, tasawwuf, tajwid, ilmu falak, fara'id dan sebagainya.

### 13.9 Sistem Nilai Melayu

Nilai ialah sesuatu yang dihargai dan amat signifikan dalam masyarakat. Nilai sering kali dikaitkan dengan budaya kerana sebenarnya budaya adalah penjelmaan nilai-nilai. Contohnya , budaya membaca adalah cerminan kepada nilai ilmu manakala budaya kerja produktif merujuk kepada nilai ekonomi. Selain itu, nilai juga berfungsi sebagai motivasi dalaman yang menggerakkan tindakan dan tingkah laku seseorang.

Dalam sistem nilai umat Melayu dapat dirumuskan bahawa segala yang dianjurkan oleh Islam itulah yang membentuk nilai-nilai Melayu.Nilai-nilai yang dijunjung oleh masyarakat Melayu adalah seperti nilai ilmu, nilai ekonomi, nilai moral, dan sebagainya adalah nilai-nilai yang bersumberkan dari ajaran Islam. Sejauh mana penghayatan nilai-nilai Islam seseorang melambangkan tinggi dan rendah kedudukan penghormatan seseorang dalam masyarakat.

Dalam Islam watak-watak yang menghayati nilai-nilai Islam seperti para nabi-nabi dan pahlawan-pahlawan serta ulama-ulama Islam telah dimasyarakatkan sebagai watak-watak yang unggul dan berperibadi paling utuh. Perwatakan Nabi Muhammad s.a.w adalah perwatakan yang paling disanjung dan sempurna dari segi penghayatan nilai-nilai keislaman dan peribadi baginda. Masyarakat Melayu beragama Islam sering

memperingati rasulullah dengan mengadakan Majlis Maulidur Rasul yang merupakan suatu wahana pembudayaan dan pemasyarakatan nilai-nilai nabawi yang unggul.

Penghormatan terhadap tokoh-tokoh teladan dari sejarah Islam mengatasi penghormatan yang diberikan kepada wira-wira nasinalis Melayu itu sendiri. Ini terbukti terdapat nama-nama orang Melayu yang banyak diambil daripada sempena nama-nama tokoh Islam yang sekaligus membayangkan nilai-nilai yang mereka unggulkan.

## Kesimpulan

Islam telah melakukan transformasi yang paling mendasar terhadap masyarakat dan kebudayaan Melayu dengan pengislaman *world-view* Melayu. Transformasi tersebut telah berlaku dengan sempurna sehingga kita dapat mengatakan bahawa *world-view* Melayu adalah *world-view* Islam, *world –view* tawhidik atau *world-view* Qur'ani. Memang umat Melayu telah menyerap ajaran al-Quran termasuk *world-view*nya, terutama menerusi media sastera kitab dan tradisi pengajiannya.



### Aktiviti : Jawab soalan-soalan berikut :

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *pandangan sarwa* atau *world-view*??
2. Berikan definisi *world-view* Islam yang anda fikir paling tepat. Nyatakan alasan.
3. Buktikan bahawa *world-view* Melayu adalah *world-view* Islam.

## Rujukan

- A. Aziz Deraman. (1994). Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.
- Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah). Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1990). Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A R Radcliffe-Brown. (1980). Struktur DanFungsi Dalam Masyarakat Primitif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Abdul Manaf. (2005). Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hanafi Dollah et.al. (1999). Adat dan Perubahan Sosial dalam Masyarakat Melayu. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.
- John Beattie. (1979). Lain-Lain Kebudayaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Taib Osman. (1989). Masyarakat Melayu – Struktur, Organisasai dan Manifestasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid. (2011). " Budaya dan Pembelajaran". Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Tajuddin Hj. Hussein. Malaysia Negara Kita. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn Bhd.

### 14.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi huraian tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan, rasional dan objektif pembentukannya.

### 14.2 Hasil Pembelajaran

- i. Menghuraikan prinsip yang menjadi tunjuang Dasar Kebudayaan Kebangsaan;
- ii. Menjelaskan rasional dan objektif pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

### 14.3 Kerangka Konsep



### 14.4 Pengenalan



Kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup manusia. Kebudayaan berperanan penting dalam proses pembangunan negara di Malaysia. Keperibadian Malaysia harus dipupuk dalam usaha ke arah peningkatan pembangunan sosioekonomi dan politik. Ini sudah tentunya memerlukan penggembangan dan pelibatan semua lapisan masyarakat dalam satu proses yang berterusan.

Bagi sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia, proses pembentukan kebudayaan nasional memerlukan perancangan yang teliti dan rapi supaya dapat melahirkan cara hidup yang bersifat kemalaysiaan. Perancangan kebudayaan ini harus menentukan sifat-sifat yang baik, mulia dan utama bagi pembinaan bangsa dan ketahanan negara.

#### **14.5 Rasional**

Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sesebuah negara membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia. Dasar ini nanti akan dapat menjadi garis panduan untuk membentuk, mewujudkan dan mengekalkan identiti bangsa.

Penggubalan dasar ini perlu dibuat dengan mempertimbangkan fakta-fakta perkembangan sejarah serantau dan kedudukan negara ini sebagai pusat pertemuan serta pusat tamadun dan perdagangan sejak dua ribu tahun yang lampau. Peranannya sebagai sebuah pusat pertemuan telah melahirkan proses interaksi, pengenalan, penyerapan dan penerimaan pelbagai unsur yang sesuai bagi kebudayaan asas rantau ini daripada pelbagai unsur kebudayaan dunia.

Kebudayaan Kebangsaan Malaysia terbina berlandaskan tiga prinsip yang ditetapkan oleh Kerajaan sebagai dasar yang dinamakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, iaitu:

##### **(i) Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini**

Rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania) sehingga Malagasi merupakan bahagian utama daripada kawasan tamadun atau budaya Melayu. Rantau ini merupakan pusat pemancaran, pengembangan dan warisan Kebudayaan Melayu sejak zaman berzaman dan ditandai pula oleh kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu yang berpusat di Melaka yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa

(linguafranca). Kebudayaan serantau ini digambarkan oleh persamaan-persamaan dalam bidang bahasa yang berasaskan keluarga bahasa Melayu - Austronesia, kedudukan geografi, pengalaman sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadiannya. Budaya Melayu pada hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran keperibadian kepada lebih 200 juta umat manusia yang menuturkan satu rumpun bahasa yang sama. Dengan yang demikian, kebudayaan rakyat asal rantau ini, iaitu kebudayaan Melayu telah dijadikan teras kepada Kebudayaan Kebangsaan.

### **(ii) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai, diterima**

Kebudayaan sebagai sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan. Prinsip ini bertepatan dengan situasi penduduk berbilang kaum yang mewarisi pelbagai budaya. Dengan itu, unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai dan wajar, diberikan pertimbangan dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Penerimaan ini bergantung pada ketidakwujudan percanggahan dengan Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukun Negara dan kepentingan nasional serta asas-asas moral dan kerohanian sejagat pada amnya, dan pada Islam sebagai agama rasmi negara khasnya.

### **(iii) Islam menjadi unsur yang penting**

Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberikan panduan kepada manusia untuk mengisi kehendak emosi dan fizikal. Oleh itu, agama Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan tambahan pula dengan kedudukannya sebagai agama rasmi negara. Fakta sejarah membuktikan bahawa nilai-nilai Islam telah sedia didukung oleh sebahagian besar rakyat rantau ini.

Ketiga-tiga prinsip asas di atas melambangkan penerimaan gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.

## **14.6 Objektif**

Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan bagi negara-negara yang baru merdeka amatlah penting untuk mewujudkan sebuah negara yang stabil dan bersatu padu. Dengan yang demikian, usaha-usaha pembentukan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia bertujuan untuk mencapai tiga objektif penting, iaitu:

- (i) mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui Kebudayaan;
- (ii) memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada Kebudayaan Kebangsaan; dan
- (iii) memperkaya dan meningkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

Strategi dan Pelaksanaan Objektif dasar ini dapat dicapai melalui strategi yang berikut:

- (i) Pemulihan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas-asas Kebudayaan Kebangsaan melalui usaha sama penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya;
- (ii) Meningkat dan mengukuhkan kepemimpinan budaya melalui usaha membimbing dan melatih peminat, mendukung dan mengerakkan kebudayaan dengan seluas-luasnya sebagai jentera pembangunan yang berkesan;
- (iii) Mewujudkan komunikasi yang berkesan ke arah kesedaran kebangsaan, kenegaraan dan nasionalisme Malaysia;
- (iv) Memenuhi keperluan sosiobudaya; dan
- (v) Meninggikan taraf dan mutu kesenian.

Di samping Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan, pelibatan pihak lain juga adalah penting dalam pelaksanaan dasar ini. Antaranya termasuklah Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun dan pihak swasta serta pertubuhan-pertubuhan kebudayaan.

Peranan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan dalam pelaksanaan matlamat dan strategi dasar ini adalah penting. Antara lain Kementerian ini mengurus penyelidikan, pembangunan dan penggalakan, pendidikan dan pengembangan kesenian, dan perhubungan ke arah kemajuan kebudayaan kebangsaan. Usahaitu dicapai melalui aktiviti pembangunan, persembahan seni oleh Kompleks Budaya Negara sebagai pengelola dan urus setia perhubungan kebudayaan antarabangsa, Majlis Kebudayaan Negeri, khidmat nasihat bagi mengukuhkan pertubuhan-pertubuhan kebudayaan dan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa.

Peranan kementerian atau jabatan, kerajaan negeri dan badan berkanun yang lain adalah sama pentingnya dalam pelaksanaan strategi dasar ini. Peranan pihak swasta dan pertubuhan kebudayaan diperlukan kerana badan-badan ini boleh memainkan peranan untuk menjalankan usaha pembinaan dan kemajuan kebudayaan pada peringkat organisasi masing-masing, dan seterusnya membiayai penajaan program atau projek-projek kebudayaan.

## **Penutup**

Penggubalan dan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah perlu bagi negara Malaysia yang sedang membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum yang mengamalkan budaya yang berbeza. Dasar ini dapat menjadi garis panduan untuk membentuk serta mewujudkan satu bangsa yang bersatu-padu serta mengekalkan identiti bangsa. Namun demikian, pelaksanaannya adalah rumit dan tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat.

Kesedaran dan kefahaman yang luas akan dapat membantu tercapainya hasrat dan cita-cita pelaksanaan dasar ini kerana dengan keinsafan itu sahajalah Kebudayaan Kebangsaan akan dapat dibezakan dengan kebudayaan kesukuan atau kebudayaan

kaum. Kebudayaan yang dipupuk itu akan mencirikan sifat-sifat persamaan yang melampaui batas-batas suku kaum dan memperlihatkan keperibadian kebangsaan Malaysia itu sendiri sebagai sebuah negara yang merdeka dan bermaruah.



### Aktiviti 1:

Anda dikehendaki mendapatkan maklumat tentang punca pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan membincangkannya dalam kumpulan.

### Rujukan



A. Aziz Deraman. (1994). Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.

Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah). Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.

Amat Juhari Moain. (1990). Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

A R Radcliffe-Brown. (1980). Struktur DanFungsi Dalam Masyarakat Primitif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azmah Abdul Manaf. (2005). Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Hanafi Dollah et.al. (1999). Adat dan Perubahan Sosial dalam Masyarakat Melayu. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.

John Beattie. (1979). Lain-Lain Kebudayaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Taib Osman. (1989). Masyarakat Melayu – Struktur, Organisasai dan Manifestasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid. (2011). " Budaya dan Pembelajaran". Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Tajuddin Hj. Hussein. Malaysia Negara Kita. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn Bhd.




### 15.1 Sinopsis

Bahagian ini mengandungi isu dan permasalahan dalam pelaksanaan Kebudayaan Kebangsaan.

### 15.2 Hasil Pembelajaran

- (i) Menghuraikan isu dan permasalahan yang timbul untuk melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

### 15.3 Kerangka Tajuk



## **15.4 Pengenalan**

Negara Malaysia adalah sebuah negara masyarakat majmuk dengan pelbagai budaya dan kepercayaan. Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum, unsur perpaduan dan elemen keserasian sangat penting. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan persefahaman, keharmonian dan kestabilan, yang memungkinkan negara mencapai kemajuan setanding dengan negara-negara maju dengan mudah. Jika hal tersebut tercapai, negara ini boleh menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Persoalannya, adakah perpaduan terlaksana sepenuhnya di negara ini? Perkara yang menjadi isu pokok dalam hal ini ialah penyatuan budaya. Adakah dengan penyatuan budaya maka akan terlaksana agenda perpaduan negara dan integrasi nasional. Setiap kaum mempunyai budaya yang berlainan yang melambangkan identiti kaum masing-masing. Memang sukar untuk melaksanakan penyatuan dalam kepelbagaian ini. Kebersatuan ini dapat wujud jika tunjangnya, iaitu budaya dapat kita satukan tanpa menghilangkan identiti satu-satu kaum. Inilah yang telah dan sedang diusahakan oleh pihak kerajaan.

## **15.5 Isu dan Permasalahan:**

Perkara yang menjadi punca kesukaran dalam pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah jarak sosial antara anggota masyarakat. Hal ini menyebabkan kurangnya interaksi antara kaum. Murid Melayu belajar di sekolah kebangsaan, murid India di sekolah Tamil dan murid Cina di sekolah Cina. Kurangnya interaksi ini berlarutan hingga sekolah menengah dan seterusnya di universiti. Banyak Universiti Swasta yang ditubuhkan mempunyai pelajar yang majoritinya didominasi oleh satu-satu kaum.

Apabila sekolah berdasarkan kaum, soal bahasa menjadi isu penting. Bahasa Kebangsaan, iaitu bahasa Melayu yang mempersatukan kaum tidak dikuasai dengan baik oleh bukan penutur asli bahasa tersebut. Masing-masing menggunakan bahasa kaum masing-masing. Inilah yang menghalang komunikasi antara kaum, sekali gus mengurangkan hubungan. Pelbagai usaha dilakukan, misalnya mengadakan pertandingan yang melibatkan pelbagai kaum, dengan menggunakan bahasa

Kebangsaan tetapi belum menampakkan kejayaan yang besar dari segi pelaksanaan dasar ini.

Kecenderungan anggota masyarakat untuk mengekalkan identiti masing-masing dan keengganan untuk membuka dunia sosial kepada kaum lain juga menjadi penghalang pada pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Setiap kaum mempunyai adat resam,



### Aktiviti 1

Anda dikehendaki membuat rujukan melalui pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat terkini tentang program-program yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjayakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

### Aktiviti 2

Berikan penilaian anda tentang pelaksanaan Konsep 1Malaysia. Adakah konsep ini menjurus kepada pencapaian kebudayaan kebangsaan ?

### Aktiviti 3

Dalam kumpulan, anda dikehendaki membuat andaian dan justifikasi tentang masa hadapan bentuk budaya negara ini.

## Rujukan

- A. Aziz Deraman. (1994). Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.
- Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah). Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1990). Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A R Radcliffe-Brown. (1980). Struktur DanFungsi Dalam Masyarakat Primitif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Abdul Manaf. (2005). Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hanafi Dollah et.al. (1999). Adat dan Perubahan Sosial dalam Masyarakat Melayu. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.
- John Beattie. (1979). Lain-Lain Kebudayaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Taib Osman. (1989). Masyarakat Melayu – Struktur, Organisasai dan Manifestasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid. (2011). " Budaya dan Pembelajaran". Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Tajuddin Hj. Hussein. Malaysia Negara Kita. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn Bhd.

## BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (1994). Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.
- Abdul Nasir Hj. Paisal. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah). Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1990). Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A R Radcliffe-Brown. (1980). Struktur DanFungsi Dalam Masyarakat Primitif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Abdul Manaf. (2005). Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hanafi Dollah et.al. (1999). Adat dan Perubahan Sosial dalam Masyarakat Melayu. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM.
- John Beattie. (1979). Lain-Lain Kebudayaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Taib Osman. (1989). Masyarakat Melayu – Struktur, Organisasai dan Manifestasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid. (2011). " Budaya dan Pembelajaran". Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Tajuddin Hj. Hussein. Malaysia Negara Kita. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn Bhd.
- Zawiah Abdul Shukor. (2011). "Modul PGSR (BMM 3114 Kebudayaan Pendidikan Rendah). Kuala Lumpur: IPG Kementerian Pelajaran Malaysia

**PANEL PENGGUBALAN MODUL  
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH (PPG)  
(BAHASA MELAYU PENDIDIKAN RENDAH)**

NAMA	KELAYAKAN
<b>AMINUDDIN BIN MAMAT</b> Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu IPG Kampus Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan.  E-mel: aminsal1362@yahoo.com.my	<b>Kelulusan:</b> Bacelor Pendidikan (PBMBP), UPM Master Sastera (Kesusasteraan Melayu) UPM.  <b>Pengalaman:</b> Guru Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu SM ( 22 tahun)  Pensyarah di IPG (sejak 2008 hingga kini)
<b>ROSLAN BIN ABDUL WAHID</b> Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu IPG Kampus Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan.  E-mel: roslanwahid71@yahoo.com	<b>Kelulusan:</b> Ijazah Sarjana Muda Sastera ( Persuratan Melayu / Komunikasi ) UKM.  Sarjana Pendidikan ( Kesusasteraan Melayu ) M.ed UPSI  <b>Pengalaman:</b> Guru Bahasa Melayu (15 tahun) Pensyarah di IPG – sejak 2010 hingga kini ( 4 tahun )
<b>PENYELARAS:</b>  Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pelajaran Malaysia	<b>Kelulusan:</b> M.A (Pengajian Melayu) UM B.A Hons (Pengajian Melayu) UM Sijil Perguruan (Pengajian Melayu & Sejarah)  <b>Pengalaman:</b> Penolong Pengarah (2 tahun) Pensyarah Pengajian Melayu (5 tahun) Guru Bahasa Melayu (8 tahun)